Cameron Highlands, Pahang merekodkan nilai jualan tertinggi dengan RM3.60 bilion (36.0%), diikuti Kecil Lojing, Kelantan, RM640.88 juta (6.4%) dan Johor Bahru, Johor, RM438.07 juta (4.4%). Pegangan pertanian individu dengan nilai jualan tertinggi diterajui oleh Cameron Highlands, Pahang dengan RM1.96 bilion (35.8%), diikuti Kinta, Perak, RM238.72 juta (4.4%) dan Bachok, Kelantan, RM221.62 juta (4.0%). Cameron Highlands, Pahang turut mencatatkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan RM1.64 bilion (36.2%), diikuti Kecil Lojing, Kelantan, RM537.75 juta (11.9%) dan Johor Bahru, Johor, RM238.51 juta (5.3%).

### 3.7.4 Jenis Sayur-sayuran

Nilai jualan sawi mencatatkan nilai tertinggi dengan RM1.68 bilion (16.7%), diikuti tomato, RM1.56 bilion (15.6%) dan timun, RM686.34 juta (6.9%). Bagi pegangan pertanian individu, sawi merekodkan nilai jualan tertinggi dengan RM852.42 juta (15.6%), diikuti timun, RM439.52 juta (8.0%) dan cili, RM417.14 juta (7.6%). Tomato turut merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan RM1.18 bilion (26.0%), diikuti sawi, RM823.39 juta (18.2%) dan timun, RM246.82 juta (5.4%).

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**



# 1. PENANAMAN SAWI



**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

## 1. PENGENALAN

Sawi (*Brassica* sp.) merupakan sejenis sayuran daun yang cepat matang dan sering menjadi pilihan utama dalam kalangan penanam sayur. Sawi tergolong dalam kumpulan *Cruciferae* (juga dikenali sebagai *Brassicaceae*). Antara jenis sawi yang sering ditanam dan digemari pengguna termasuklah sawi hijau, sawi putih, sawi Jepun, dan sawi pak choy (Jabatan Pertanian Malaysia, 1998).

## 2. JENIS-JENIS SAWI

Di Malaysia, terdapat pelbagai jenis sawi yang ditanam dan dikomersilkan, bergantung kepada agroiklim sama ada di kawasan tanah tinggi, tanah rendah atau melalui kaedah pertanian dalam persekitaran terkawal. Ianya sering menjadi pilihan petani kerana kitaran pertumbuhannya yang singkat serta permintaan pasaran yang tinggi.

### Paparan 10: Varieti Sawi, Malaysia



Sawi Hijau  
(*Brassica rapa* var.  
*parachinensis*)



Sawi Putih  
(*Brassica rapa* subsp.  
*pekinensis*)



Sawi Jepun  
(*Brassica rapa* var.  
*perviridis*)



Sawi Bunga  
(*Brassica rapa* var.  
*chinensis*)

### 3. PENGGUNAAN PER KAPITA (PCC), KADAR SARA DIRI (SSR) DAN KADAR KEBERGANTUNGAN IMPORT (IDR) BAGI TANAMAN SAWI

Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia 2023 menunjukkan Penggunaan per Kapita (*Per Capita Consumption - PCC*) sawi tertinggi direkodkan pada tahun 2021 dan 2023, 4.7 kg/tahun, manakala tahun 2019 dan 2020 mencatatkan PCC terendah (4.4 kg/tahun).

Kadar Sara Diri (*Self Sufficient Ratio - SSR*) bagi tahun 2019 mencatatkan SSR tertinggi dengan 98.9 peratus dan terendah pada tahun 2022 (95.9%).

Kadar Kebergantungan Import (*Import Dependency Ratio - IDR*) sawi bagi tahun 2022 mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 8.0 peratus, manakala tahun 2023 pula mencatatkan IDR terendah (5.9%).

**Jadual 2: Penggunaan Per Kapita (PCC), Kadar Sara Diri (SSR) dan Kadar Kebergantungan Import (IDR) Tahunan, Malaysia, 2019-2023**

Tahun	PCC (kg/tahun)	SSR (%)	IDR (%)
2019	4.4	98.9	6.0
2020	4.4	97.6	7.0
2021	4.7	97.0	7.0
2022	4.5	95.9	8.0
2023*	4.7	96.8	5.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: \* Tahun 2023 adalah berdasarkan data anggaran

### 4. PERDAGANGAN SAWI


#### 4.1 Eksport Sawi

Merujuk Statistik Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, 2023 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024), kuantiti eksport sawi menunjukkan penurunan dua digit 27.1 peratus daripada 5,847.1 tan metrik pada tahun 2022, kepada 4,262.8 tan metrik pada tahun 2023. Tahun 2010 merekodkan kuantiti eksport sawi tertinggi, 9,605.1 tan metrik dan 2015 merekodkan kuantiti eksport terendah (2,266.1 tan metrik).

## 4.2 Import Sawi

Import sawi menunjukkan penurunan, 9,357.8 tan metrik kepada 2,661.3 tan metrik pada tahun 2023 berbanding pada tahun 2022. Kuantiti import sawi tertinggi direkodkan pada 2022, 12,019.1 tan metrik, manakala tahun 2013 mencatatkan import terendah (1,333.2 tan metrik).

**Carta 4: Kuantiti Import dan Eksport Tahunan, Malaysia, 2010-2023**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 5. NEGARA PERDAGANGAN UTAMA SAWI MALAYSIA, 2023

### 5.1 Eksport Utama Sawi Malaysia

Eksport sawi Malaysia pada tahun 2023 adalah 4,262.8 tan metrik. Tiga negara destinasi utama eksport Malaysia adalah Singapore, 4,233.2 tan metrik, mewakili 99.3 peratus daripada jumlah kuantiti eksport sawi, Brunei Darussalam 29.6 tan metrik (0.7%) dan Indonesia 0.02 tan metrik. Nilai eksport tertinggi sawi Malaysia adalah ke Singapore dengan RM10.35 juta, diikuti Brunei Darussalam (RM155.47 ribu) dan Indonesia (RM270).

**Jadual 3: Tiga Negara Destinasi Eksport Sawi, Malaysia, 2023**

Negara	Eksport (tan metrik)	Peratus sumbangan Eksport (%)	Nilai Eksport (RM)
Singapore	4,233.2	99.3	10,350,936
Brunei Darussalam	29.6	0.7	155,465
Indonesia	0.02	0.0	270

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 5.2 Import Utama Sawi Malaysia

Malaysia mengimport 9,357.8 tan metrik sawi pada tahun 2023, daripada Thailand, 8,143.6 tan metrik (87.0%), diikuti China, 1,196.5 tan metrik (12.8%), Indonesia, 6.3 tan metrik (0.1%), Jepun, 5.3 tan metrik (0.1%) dan Hong Kong 2.8 tan metrik. Nilai import tertinggi sawi Malaysia adalah dari China dengan RM9.12 juta, diikuti Thailand, (RM5.00 juta), Jepun, (RM57.92 ribu), Hong Kong, (RM26.94 ribu) dan Indonesia, (RM21.02 ribu).

Jadual 4: Lima Negara Import Sawi ke Malaysia, 2023


Negara	Import (tan metrik)	Peratus sumbangan Import (%)	Nilai Import (RM)
Thailand	8,143.6	87.0	5,000,332
China	1,196.5	12.8	9,119,918
Indonesia	6.3	0.1	21,016
Japan	5.3	0.1	57,920
Hong Kong	2.8	0.0	26,944

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 6. PARAMETER UTAMA TANAMAN SAWI

Parameter utama penanaman sawi seperti keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, nilai jualan dan produktiviti per hektar mampu memberikan gambaran komprehensif bagi perancangan strategik, peningkatan produktiviti, serta penyusunan dasar pertanian yang holistik.

Paparan 11: Parameter Utama Tanaman Sawi, Malaysia, 2023



### 6.1 Pegangan Pertanian

Malaysia merekodkan 6,247 pegangan pertanian bagi penanaman sawi yang merangkumi 5,612 pegangan pertanian individu (89.8%) dan 635 pegangan pertanian pertubuhan (10.2%). Sarawak merekodkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 1,597 (25.6%), diikuti Sabah, 1,217 (19.5%) serta Johor dan Pahang dengan masing-masing 731 (11.7%). Cameron Highlands, Pahang mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi, 621 (9.9%), diikuti Ranau, Sabah, 399 (6.4%) dan Kuala Nerus, Terengganu, 328 (5.3%).



## 6.2 Keluasan Bertanam

Keseluruhan keluasan bertanam bagi penanaman sawi merekodkan 19,800.0 hektar. Pahang merekodkan keluasan bertanam terbesar dengan 8,528.0 hektar (43.1%), diikuti Johor, 6,453.8 hektar (16.4%) dan Sarawak, 1,742.8 hektar (8.8%). Pahang turut merekodkan keluasan bertanam terbesar bagi pegangan pertanian individu, 6,553.1 hektar (59.1%), diikuti Johor, 1,822.2 hektar (16.4%) dan Sarawak, 771.1 hektar (7.0%). Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Johor merekodkan keluasan bertanam terbesar, 4,631.6 hektar (53.2%), diikuti Pahang, 1,974.9 hektar (22.7%) dan Sarawak, 971.6 hektar (11.2%).

### Paparan 12: Tiga Negeri Teratas bagi Keluasan Bertanam, Malaysia, 2023

1.	Pahang	8,528.0 hektar (43.1%)
2.	Johor	6,453.8 hektar (32.6%)
3.	Sarawak	1,742.8 hektar (8.8%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan keluasan bertanam terbesar, 8,231.4 hektar (41.6%), diikuti Johor Bahru, Johor, 1,921.5 hektar (9.7%) dan Kulai, Johor, 1,804.9 hektar (9.1%). Pegangan pertanian individu Cameron Highlands, Pahang merekodkan keluasan bertanam terbesar, 6,396.2 hektar (57.7%), diikuti Kinta, Perak, 533.0 hektar (4.8%) dan Johor Bahru, Johor, 480.7 hektar (4.3%). Cameron Highlands, Pahang turut merekodkan keluasan bertanam terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 1,835.2 hektar (21.1%), diikuti Johor Bahru, Johor, 1,440.9 hektar (16.5%) dan Kulai, Johor, 1,350.1 hektar (15.5%).

### Paparan 13: Tiga Daerah Teratas bagi Keluasan Bertanam, Malaysia, 2023

1.	Cameron Highlands	8,231.4 hektar (41.6%)
2.	Johor Bahru	1,921.5 hektar (9.7%)
3.	Kulai	1,804.9 hektar (9.1%)

### 6.3 Keluasan Bertuai

Keseluruhan keluasan bertuai bagi penanaman sawi merekodkan 19,238.0 hektar. Pahang merekodkan keluasan bertuai terbesar dengan 8,451.4 hektar (43.9%), diikuti Johor, 6,157.1 hektar (32.0%) dan Sarawak, 1,635.8 hektar (8.5%). Pegangan pertanian individu Pahang merekodkan keluasan bertuai terbesar, 6,523.1 hektar (60.2%), diikuti Johor, 1,726.8 hektar (15.9%) dan Perak, 724.3 hektar (6.7%). Johor merekodkan keluasan bertuai terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan, 4,430.3 hektar (52.8%), diikuti Pahang, 1,928.4 hektar (23.0%) dan Sarawak, 923.6 hektar (11.0%).

**Paparan 14: Tiga Negeri Teratas bagi Keluasan Bertuai, Malaysia, 2023**

1.	Pahang	8,451.4 hektar (43.9%)
2.	Johor	6,157.1 hektar (32.0%)
3.	Sarawak	1,635.8 hektar (8.5%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan keluasan bertuai terbesar, 8,160.0 hektar (42.4%), diikuti Johor Bahru, Johor, 1,834.0 hektar (9.5%) dan Kulai, Johor, 1,696.1 hektar (8.8%). Pegangan pertanian individu Cameron Highlands, Pahang merekodkan keluasan bertuai terbesar, 6,368.2 hektar (58.7%), diikuti Kinta, Perak, 532.8 hektar (4.9%) dan Johor Bahru, Johor, 456.8 hektar (4.2%). Cameron Highlands, Pahang turut merekodkan keluasan bertuai terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 1,791.8 hektar (21.3%), diikuti Johor Bahru, Johor, 1,377.2 hektar (16.4%) dan Kulai, Johor, 1,267.5 hektar (15.1%).

**Paparan 15: Tiga Daerah Teratas bagi Keluasan Bertuai, Malaysia, 2023**

1.	Cameron Highlands	8,160.0 hektar (42.4%)
2.	Johor Bahru	1,834.0 hektar (9.5%)
3.	Kulai	1,696.1 hektar (8.8%)

## 6.4 Kuantiti Pengeluaran

Keseluruhan kuantiti pengeluaran bagi penanaman sawi merekodkan 282,371.7 tan metrik. Pahang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan 133,089.6 tan metrik (47.1%), diikuti Johor, 88,473.6 tan metrik (31.3%) dan Sarawak, 17,644.6 tan metrik (6.2%). Pahang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian individu, 103,867.6 tan metrik (66.0%), diikuti Johor, 22,702.0 tan metrik (14.4%) dan Perak, 10,795.1 tan metrik (6.9%). Kuantiti pengeluaran sawi tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan mencakupi tiga negeri iaitu Johor, 65,771.5 tan metrik (52.6%), diikuti Pahang, 29,222.1 tan metrik (23.4%) dan Sarawak, 11,201.9 tan metrik (9.0%).

### Paparan 16: Tiga Negeri Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran, Malaysia, 2023

1.	Pahang	133,089.6 tan metrik (47.1%)
2.	Johor	88,473.6 tan metrik (31.3%)
3.	Sarawak	17,644.6 tan metrik (6.2%)

Cameron Highlands, Pahang merekodkan kuantiti pengeluaran sawi tertinggi, 128,543.5 tan metrik (45.5%), diikuti Johor Bahru, Johor, 30,213.1 tan metrik (10.7%) dan Kulai, Johor, 17,671.1 tan metrik (6.3%). Pegangan pertanian individu Cameron Highlands, Pahang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi, 101,684.3 tan metrik (64.6%), diikuti Kinta, Perak, 9,495.9 tan metrik (6.0%) dan Johor Bahru, Johor, 7,450.8 tan metrik (4.7%). Cameron Highlands, Pahang turut mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 26,859.3 tan metrik (21.5%), diikuti Johor Bahru, Johor, 22,762.2 tan metrik (18.2%) dan Kulai, Johor, 15,625.4 tan metrik (12.5%).

### Paparan 17: Tiga Daerah Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran, Malaysia, 2023

1.	Cameron Highlands	128,543.5 tan metrik (45.5%)
2.	Johor Bahru	30,213.1 tan metrik (10.7%)
3.	Kulai	17,671.1 tan metrik (6.3%)

## 6.5 Kuantiti Jualan

Keseluruhan kuantiti jualan bagi penanaman sawi merekodkan 276,640.8 tan metrik. Pahang merekodkan kuantiti jualan tertinggi dengan 132,866.4 tan metrik (48.0%), diikuti Johor, 84,789.9 tan metrik (30.6%) dan Sarawak, 17,369.6 tan metrik (6.3%). Pahang merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu, 103,666.7 tan metrik (66.7%), diikuti Johor, 22,133.8 tan metrik (14.2%) dan Perak, 10,296.2 tan metrik (6.6%). Johor, Pahang dan Sarawak merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan masing-masing 62,656.1 tan metrik (51.6%), 29,199.8 tan metrik (24.1%) dan 11,193.4 tan metrik (9.2%).

### Paparan 18: Tiga Negeri Teratas bagi Kuantiti Jualan, Malaysia, 2023

1.	Pahang	132,866.4 tan metrik (48.0%)
2.	Johor	84,789.9 tan metrik (30.6%)
3.	Sarawak	17,369.6 tan metrik (6.3%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan kuantiti jualan tertinggi, 128,334.7 tan metrik (46.4%), diikuti Johor Bahru, Johor, 28,796.2 tan metrik (10.4%) dan Kulai, Johor, 16,642.9 tan metrik (6.0%). Pegangan pertanian individu Cameron Highlands, Pahang merekodkan kuantiti jualan tertinggi, 101,493.3 tan metrik (65.3%), diikuti Kinta, Perak, 9,022.7 tan metrik (5.8%) dan Johor Bahru, Johor, 7,347.6 tan metrik (4.7%). Cameron Highlands, Pahang, turut merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 26,841.4 tan metrik (22.1%), diikuti Johor Bahru, Johor, 21,448.6 tan metrik (17.7%) dan Kulai, Johor, 14,609.2 tan metrik (12.0%).

### Paparan 19: Tiga Daerah Teratas bagi Kuantiti Jualan, Malaysia, 2023

1.	Cameron Highlands	128,334.7 tan metrik (46.4%)
2.	Johor Bahru	28,796.2 tan metrik (10.4%)
3.	Kulai	16,642.9 tan metrik (6.0%)

## 6.6 Nilai Jualan

Keseluruhan nilai jualan bagi penanaman sawi merekodkan RM1.68 billion. Pahang merekodkan nilai jualan tertinggi dengan RM683.42 juta (40.8%), diikuti Johor, RM596.50 juta (35.6%) dan Sarawak, RM130.13 juta (7.8%). Pahang turut merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu, RM518.30 juta (60.8%), diikuti Johor, RM145.41 juta (17.1%) dan Perak, RM68.02 juta (8.0%). Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Johor merekodkan nilai jualan tertinggi, RM451.09 juta (54.8%), diikuti Pahang, RM165.12 juta (20.1%) dan Sarawak, RM88.56 juta (10.8%).

### Paparan 20: Tiga Negeri Teratas bagi Nilai Jualan, Malaysia, 2023

1.	Pahang	RM683.42 juta (40.8%)
2.	Johor	RM596.50 juta (35.6%)
3.	Sarawak	RM130.13 juta (7.8%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan nilai jualan tertinggi, RM657.71 juta (39.2%), diikuti Johor Bahru, Johor, RM199.02 juta (11.9%) dan Kulai, Johor, RM118.50 juta (7.1%). Cameron Highlands, Pahang turut merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu dengan RM506.60 juta (59.4%), diikuti Kinta, Perak, RM60.53 juta (7.1%) dan Johor Bahru, Johor, RM47.36 juta (5.6%). Johor Bahru, Johor, merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan, RM151.65 juta (18.4%), diikuti Cameron Highlands, Pahang, RM151.12 juta (18.4%) dan Kulai, Johor, RM104.84 juta (12.7%).

### Paparan 21: Tiga Daerah Teratas bagi Nilai Jualan, Malaysia, 2023


1.	Cameron Highlands	RM657.71 juta (39.2%)
2.	Johor Bahru	RM199.02 juta (11.9%)
3.	Kulai	RM118.50 juta (7.1%)

## 6.7 Produktiviti

Produktiviti sawi di Malaysia mencatatkan 14.7 tan metrik per hektar pada tahun 2023. Pegangan pertanian individu merekodkan produktiviti 14.5 tan metrik per hektar, manakala pegangan pertanian pertubuhan pula 14.9 tan metrik per hektar. Selangor merekodkan produktiviti tertinggi (18.4 tan metrik/hektar), diikuti Pulau Pinang (17.1 tan metrik/hektar) dan W.P. Labuan (16.7 tan metrik/hektar).

### Paparan 22: Tiga Negeri Teratas bagi Produktiviti, Malaysia, 2023

1.	Selangor	18.4 tan metrik/hektar
2.	Pulau Pinang	17.1 tan metrik/hektar
3.	W.P. Labuan	16.7 tan metrik/hektar



## 2. PENANAMAN BAYAM



**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**



## 1. PENGENALAN

Bayam (*Amaranthus spp.*) merupakan antara sayur berdaun yang paling digemari dan meluas penanamannya di Malaysia. Tergolong dalam keluarga *Amaranthaceae*, sayur ini hadir dalam beberapa varieti, dengan bayam hijau dan bayam merah menjadi pilihan utama dalam kalangan petani dan pengguna tempatan (Jabatan Pertanian Malaysia, 1998).

## 2. JENIS-JENIS BAYAM

Di Malaysia, terdapat pelbagai jenis bayam yang ditanam dan dikomersilkan, bergantung kepada agroiklim sama ada di kawasan tanah tinggi, tanah rendah atau secara teknik persekitaran terkawal. Antara yang terkenal ialah bayam hijau, bayam merah, dan Bayam Brazil. Bayam bukan sahaja mudah ditanam, malah mempunyai kadar tumbesaran yang cepat serta sesuai dituai dalam tempoh singkat.

### Paparan 23: Varieti Bayam, Malaysia



Bayam Hijau Berdaun Bulat  
(*Round Green Amaranth*)



Bayam Merah Hijau  
(*Amaranthus tricolor*)



Bayam Brazil  
(*Alternanthera sissou*)

### 3. PENGGUNAAN PER KAPITA (PCC), KADAR SARA DIRI (SSR) DAN KADAR KEBERGANTUNGAN IMPORT (IDR) BAGI TANAMAN BAYAM

Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia 2023 menunjukkan Penggunaan per Kapita (*Per Capita Consumption - PCC*) bayam tertinggi direkodkan pada tahun 2022 dan 2023 sejumlah 2.2 kg/tahun, manakala tahun 2020 mencatatkan PCC terendah (2.0 kg/tahun).

Kadar Sara Diri (*Self Sufficient Ratio - SSR*) bagi tahun 2019 mencatatkan SSR tertinggi dengan 112.6 peratus dan terendah pada tahun 2022 (109.6%).

Kadar Kebergantungan Import (*Import Dependency Ratio - IDR*) bayam bagi tahun 2022 mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 2.0 peratus, manakala tahun 2019 mencatatkan IDR terendah (1.1%).

**Jadual 5: Penggunaan Per Kapita (PCC), Kadar Sara Diri (SSR) dan Kadar Kebergantungan Import (IDR) Tahunan, Malaysia, 2019-2023**

Tahun	PCC (kg/tahun)	SSR (%)	IDR (%)
2019	2.1	112.6	1.1
2020	2.0	112.0	1.3
2021	2.1	112.0	1.8
2022	2.2	109.6	1.7
2023*	2.2	107.8	2.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: \* Tahun 2023 adalah berdasarkan data anggaran

### 4. PERDAGANGAN BAYAM


#### 4.1 Eksport bayam

Merujuk Statistik Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, 2023 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024), kuantiti eksport bayam menunjukkan penurunan daripada 8,189.2 tan metrik pada tahun 2022, kepada 7,556.1 tan metrik pada tahun 2023. Tahun 2010 merekodkan kuantiti eksport bayam tertinggi (12,323.3 tan metrik), manakala 2015 merekodkan kuantiti eksport terendah (5,215.3 tan metrik).

## 4.2 Import bayam

Import bayam menunjukkan peningkatan, 1,205.4 tan metrik kepada 1,553.2 tan metrik pada tahun 2023 berbanding pada tahun 2022. Kuantiti import bayam tertinggi direkodkan pada tahun 2023, 1,553.2 tan metrik, manakala tahun 2015 mencatatkan import terendah (426.2 tan metrik).

**Carta 5: Kuantiti Import dan Eksport Tahunan, Malaysia, 2010-2023**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 5. NEGARA PERDAGANGAN UTAMA BAYAM MALAYSIA, 2023

### 5.1 Eksport Utama Bayam Malaysia

Eksport bayam Malaysia pada tahun 2023 adalah 7,558.6 tan metrik. Empat negara destinasi utama eksport Malaysia adalah Singapore, 7,555.6 tan metrik, mewakili 99.96 peratus daripada jumlah kuantiti eksport bayam, Brunei, 2.3 tan metrik, Maldives, 0.7 tan metrik dan United Kingdom, 0.07 tan metrik. Singapore merekodkan nilai eksport tertinggi, RM26.56 juta, diikuti Brunei, RM15.04 ribu, Maldives, RM3.65 ribu dan United Kingdom, RM1.09 ribu.

**Jadual 6: Empat Negara Destinasi Eksport Bayam, Malaysia, 2023**

Negara	Eksport (tan metrik)	Peratus sumbangan Eksport (%)	Nilai Eksport (RM)
Singapore	7,555.6	99.96	26,556,953
Brunei	2.3	0.0	15,043
Maldives	0.7	0.0	3,653
United Kingdom	0.07	0.0	1,094

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 5.2 Import utama bayam Malaysia

Malaysia mengimport 1,689.7 tan metrik bayam pada tahun 2023, daripada China, 1,132.7 tan metrik (67.0%), Thailand 217.2 tan metrik (12.9%), Australia 199.7 tan metrik (11.8%), Belgium 41.8 tan metrik (2.5%) dan United States of America 38.9 tan metrik (2.3%). Nilai import tertinggi bayam Malaysia adalah dari China dengan RM11.62 juta, diikuti Australia, RM4.60 juta, United States of America, RM744.14 ribu, Belgium, RM481.41 ribu dan Thailand, RM194.72 ribu.

**Jadual 7: Lima Negara Import Utama Bayam ke Malaysia, 2023**


Negara	Import (tan metrik)	Peratus sumbangan Import (%)	Nilai Import (RM)
China	1,132.7	67.0	11,620,108
Australia	199.7	11.8	4,602,394
Thailand	217.2	12.9	194,721
Belgium	41.8	2.5	481,405
United States of America	38.9	2.3	744,144

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 6. PARAMETER UTAMA TANAMAN BAYAM

Parameter utama penanaman bayam seperti keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, nilai jualan dan produktiviti per hektar mampu memberikan gambaran komprehensif bagi perancangan strategik, peningkatan produktiviti, serta penyusunan dasar pertanian yang holistik.

**Paparan 24: Parameter Utama Tanaman Bayam, Malaysia, 2023**



### 6.1 Pegangan Pertanian

Malaysia merekodkan 2,345 pegangan pertanian bagi penanaman bayam yang merangkumi 2,036 pegangan pertanian individu (86.8%) dan 309 pegangan pertanian pertubuhan (13.2%). Johor merekodkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 393 (16.8%), diikuti Sarawak, 350 (14.9%) dan Perak, 259 (11.0%). Johor Bahru, Johor mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi, 139 (5.9%), diikuti Kinta, Perak, 121 (5.2%) dan Kuala Nerus, Terengganu, 104 (4.4%).

### 6.2 Keluasan Bertanam

Keseluruhan keluasan bertanam bagi penanaman bayam merekodkan 9,180.4 hektar. Johor merekodkan keluasan bertanam terbesar dengan 3,251.7 hektar (35.4%), diikuti Pahang, 1,335.2 hektar (14.5%) dan Perak, 1,137.6 hektar (12.4%). Johor turut merekodkan keluasan bertanam terbesar bagi pegangan pertanian individu, 2,023.2 hektar (62.7%), diikuti Perak, 960.8 hektar (14.5%) dan Pahang, 840.9 hektar (12.7%). Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Johor merekodkan keluasan bertanam terbesar, 1,228.6 hektar (48.0%), diikuti Pahang, 494.3 hektar (19.3%) dan Selangor, 207.0 hektar (8.1%).

**Paparan 25: Tiga Negeri Teratas bagi Keluasan Bertanam, Malaysia, 2023**

1.	Johor	3,251.7 hektar (35.4%)
2.	Pahang	1,335.2 hektar (14.5%)
3.	Perak	1,137.6 hektar (12.4%)

Kulai, Johor mencatatkan keluasan bertanam terbesar, 990.8 hektar (10.8%), diikuti Cameron Highlands, Pahang, 966.4 hektar (10.5%) dan Johor Bahru, Johor, 733.9 hektar (8.0%). Pegangan pertanian individu Cameron Highlands, Pahang merekodkan keluasan bertanam terbesar, 684.4 hektar (10.3%), diikuti Johor Bahru, Johor, 607.6 hektar (9.2%) dan Kinta, Perak, 505.8 hektar (7.6%). Kulai, Johor turut merekodkan keluasan bertanam terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 591.1 hektar (23.1%), diikuti Cameron Highlands, Pahang, 282.0 hektar (11.0%) dan Batu Pahat, Johor, 223.9 hektar (8.8%).

**Paparan 26: Tiga Daerah Teratas bagi Keluasan Bertanam, Malaysia, 2023**

1.	Kulai	990.8 hektar (10.8%)
2.	Cameron Highlands	966.4 hektar (10.5%)
3.	Johor Bahru	733.9 hektar (8.0 %)

**6.3 Keluasan Bertuai**

Keseluruhan keluasan bertuai bagi penanaman bayam merekodkan 8,687.6 hektar. Johor merekodkan keluasan bertuai terbesar dengan 3,050.1 hektar (35.1%), diikuti Pahang, 1,289.6 hektar (14.8%) dan Perak, 1,110.0 hektar (12.8%). Pegangan pertanian individu Johor merekodkan keluasan bertuai terbesar, 1,890.1 hektar (30.2%), diikuti Perak, 936.3 hektar (15.0%) dan Pahang, 833.1 hektar (13.3%). Johor turut merekodkan keluasan bertuai terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan, 1,160.0 hektar (47.7%), diikuti Pahang, 456.5 hektar (18.8%) dan Selangor, 195.9 hektar (8.1%).

**Paparan 27: Tiga Negeri Teratas bagi Keluasan Bertuai, Malaysia, 2023**

1.	Johor	3,050.1 hektar (35.1%)
2.	Pahang	1,289.6 hektar (14.8%)
3.	Perak	1,110.0 hektar (12.8%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan keluasan bertuai terbesar, 930.0 hektar (10.7%), diikuti Kulai, Johor, 911.0 hektar (10.5%) dan Johor Bahru, Johor, 681.2 hektar (8.8%). Pegangan pertanian individu Cameron Highlands, Pahang merekodkan keluasan bertuai terbesar, 684.4 hektar (10.9%), diikuti Johor Bahru, Johor, 558.6 hektar (8.9%) dan Kinta, Perak, 503.8 hektar (8.1%). Kulai, Johor merekodkan keluasan bertuai terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 536.3 hektar (22.1%), diikuti Cameron Highlands, Pahang, 245.6 hektar (10.1%) dan Batu Pahat, Johor, 216.4 hektar (8.9%).

**Paparan 28: Tiga Daerah Teratas bagi Keluasan Bertuai, Malaysia, 2023**

1.	Cameron Highlands	930.0 hektar (10.7%)
2.	Kulai	911.0 hektar (10.5%)
3.	Johor Bahru	681.2 hektar (8.8%)

#### 6.4 Kuantiti Pengeluaran

Keseluruhan kuantiti pengeluaran bagi penanaman bayam merekodkan 91,124.2 tan metrik. Johor merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan 46,288.4 tan metrik (50.8%), diikuti Pahang, 16,959.9 tan metrik (18.6%) dan Perak, 11,834.8 tan metrik (13.0%). Johor merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian individu, 30,289.6 tan metrik (49.9%), diikuti Pahang, 10,920.4 tan metrik (18.0%) dan Perak, 10,224.9 tan metrik (16.8%). Kuantiti pengeluaran bayam tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan mencakupi tiga negeri iaitu Johor, 15,998.8 tan metrik (52.6%), diikuti Pahang, 6,039.4 tan metrik (19.9%) dan Selangor, 1,885.9 tan metrik (6.2%).

**Paparan 29: Tiga Negeri Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran, Malaysia, 2023**

1.	Johor	46,288.4 tan metrik (50.8%)
2.	Pahang	16,959.9 tan metrik (18.6%)
3.	Perak	11,834.8 tan metrik (13.0%)

Cameron Highlands, Pahang merekodkan kuantiti pengeluaran bayam tertinggi, 13,723.7 tan metrik (15.1%), diikuti Kulai, Johor, 13,290.9 tan metrik (14.6%) dan Johor Bahru, Johor, 10,242.9 tan metrik (11.2%). Pegangan pertanian individu Cameron Highlands, Pahang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi, 9,861.2 tan metrik (16.2%), diikuti Kinta, Perak, 9,281.3 tan metrik (15.3%) dan Johor Bahru, Johor, 8,647.3 tan metrik (14.2%). Kulai, Johor mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 7,418.9 tan metrik (24.4%), diikuti Cameron Highlands, Pahang, 3,862.5 tan metrik (12.7%) dan Batu Pahat, Johor, 3,093.1 tan metrik (10.2%).

**Paparan 30: Tiga Daerah Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran, Malaysia, 2023**

1.	Cameron Highlands	13,723.7 tan metrik (15.1%)
2.	Kulai	13,290.9 tan metrik (14.6%)
3.	Johor Bahru	10,242.9 tan metrik (11.2%)

**6.5 Kuantiti Jualan**

Keseluruhan kuantiti jualan bagi penanaman bayam merekodkan 88,215.0 tan metrik. Johor merekodkan kuantiti jualan tertinggi dengan 45,331.9 tan metrik (51.4%), diikuti Pahang, 16,361.5 tan metrik (18.5%) dan Perak, 11,279.4 tan metrik (12.8%). Johor merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu, 29,819.6 tan metrik (51.0%), diikuti Pahang, 10,372.8 tan metrik (17.7%) dan Perak, 9,688.3 tan metrik (16.6%). Johor, Pahang dan Selangor merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan masing-masing 15,512.3 tan metrik (52.2%), 5,988.8 tan metrik (20.1%) dan 1,869.8 tan metrik (6.3%).

**Paparan 31: Tiga Negeri Teratas bagi Kuantiti Jualan, Malaysia, 2023**

1.	Johor	45,331.9 tan metrik (51.4%)
2.	Pahang	16,361.5 tan metrik (18.5%)
3.	Perak	11,279.4 tan metrik (12.8%)



Cameron Highlands, Pahang mencatatkan kuantiti jualan tertinggi, 13,176.4 tan metrik (14.9%), diikuti Kulai, Johor, 12,803.9 tan metrik (14.5%) dan Johor Bahru, Johor, 10,065.5 tan metrik (11.4%). Pegangan pertanian individu Cameron Highlands, Pahang merekodkan kuantiti jualan tertinggi, 9,314.8 tan metrik (15.9%), diikuti Kinta, Perak, 8,790.2 tan metrik (15.0%) dan Johor Bahru, Johor, 8,504.3 tan metrik (14.5%). Kulai, Johor, merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 7,068.2 tan metrik (23.8%), diikuti Cameron Highlands, Johor, 3,861.6 tan metrik (13.0%) dan Batu Pahat, Johor, 3,017.0 tan metrik (10.1%).

**Paparan 32: Tiga Daerah Teratas bagi Kuantiti Jualan, Malaysia, 2023**

1.	Cameron Highlands	13,176.4 tan metrik (14.9%)
2.	Kulai	12,803.9 tan metrik (14.5%)
3.	Johor Bahru	10,065.5 tan metrik (11.4%)

**6.6 Nilai Jualan**

Keseluruhan nilai jualan bagi penanaman bayam merekodkan RM478.24 juta. Johor merekodkan nilai jualan tertinggi dengan RM267.18 juta (55.9%), diikuti Pahang, RM80.62 juta (16.9%) dan Perak, RM52.84 juta (11.0%). Johor turut merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu, RM154.34 juta (53.7%), diikuti Pahang, RM47.99 juta (16.7%) dan Perak, RM44.08 juta (15.3%). Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Johor merekodkan nilai jualan tertinggi, RM112.84 juta (59.1%), diikuti Pahang, RM32.63 juta (17.1%) dan Selangor, RM10.21 juta (5.3%).

**Paparan 33: Tiga Negeri Teratas bagi Nilai Jualan, Malaysia, 2023**

1.	Johor	RM267.18 juta (55.9%)
2.	Pahang	RM80.62 juta (16.9%)
3.	Perak	RM52.84 juta (11.0%)

Kulai, Johor mencatatkan nilai jualan tertinggi, RM108.37 juta (22.7%), diikuti Cameron Highlands, Pahang, RM64.11 juta (13.4%) dan Johor Bahru, Johor, RM45.16 juta (9.4%). Kulai, Johor merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu dengan RM44.43 juta (15.5%), diikuti Cameron Highlands, Pahang, RM43.04 juta (15.0%) dan Kinta, Perak, RM39.65 juta (13.8%). Kulai, Johor, turut merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan, RM63.94 juta (33.5%), diikuti Cameron Highlands, Pahang, RM21.07 juta (11.0%) dan Batu Pahat, Johor, RM19.20 juta (10.1%).

**Paparan 34: Tiga Daerah Teratas bagi Nilai Jualan, Malaysia, 2023**


1.	Kulai	RM108.37 juta (22.7%)
2.	Cameron Highlands	RM64.11 juta (13.4%)
3.	Johor Bahru	RM45.1 juta (9.4%)

## 6.7 Produktiviti

Produktiviti bayam di Malaysia mencatatkan 10.5 tan metrik per hektar pada tahun 2023. Pegangan pertanian individu merekodkan produktiviti 9.7 tan metrik per hektar, manakala pegangan pertanian pertubuhan pula 12.5 tan metrik per hektar. Wilayah Persekutuan Labuan merekodkan produktiviti tertinggi (20.8 tan metrik/hektar), diikuti Terengganu (16.3 tan metrik/hektar) dan Johor (15.2 tan metrik/hektar).

**Paparan 35: Tiga Negeri Teratas bagi Produktiviti, Malaysia, 2023**

1.	W.P. Labuan	20.8 tan metrik/hektar
2.	Terengganu	16.3 tan metrik/hektar
3.	Johor	15.2 tan metrik/hektar



### **3. PENANAMAN CENDAWAN DAN TRUFFLES**



**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

## 1. PENGENALAN

Cendawan adalah salah satu komoditi pertanian yang semakin mendapat perhatian di Malaysia, selari dengan peningkatan dalam aktiviti penanaman dan pengeluarannya. Cendawan ialah sejenis organisma yang tergolong dalam kumpulan kulat dan tidak menjalankan proses fotosintesis seperti tumbuhan lain. Ia hidup dengan menyerap nutrien daripada bahan organik yang mereput, seperti kayu reput atau sisa pertanian. Cendawan terdiri daripada pelbagai jenis dan bentuk, serta mempunyai nilai pemakanan yang tinggi dan potensi ekonomi yang besar dalam sektor pertanian (Jabatan Pertanian Malaysia, 2024).

## 2. JENIS-JENIS CENDAWAN

Di Malaysia, terdapat pelbagai jenis cendawan yang ditanam dan dikomersilkan, bergantung kepada agroiklim sama ada di kawasan tanah tinggi, tanah rendah atau secara teknik persekitaran terkawal. Antara varieti yang terkenal ialah cendawan tiram kelabu (*Pleurotus pulmonarius*), cendawan butang putih (*Agaricus bispores*), cendawan shiitake (*Lentinula edodes*) dan cendawan kukur (*Scizopylaceae*).

### Paparan 36: Varieti Cendawan. Malavsia



Cendawan tiram kelabu  
(*Pleurotus pulmonarius*)



Cendawan butang putih  
(*Agaricus bispores*)



Cendawan kukur  
(*Scizopylaceae*)



Cendawan shiitake  
(*Lentinula edodes*)

### 3. PERDAGANGAN CENDAWAN

#### 3.1 Eksport Utama Cendawan Malaysia

Eksport cendawan Malaysia pada tahun 2023 berjumlah 5,638 tan metrik. Tiga negara destinasi utama eksport Malaysia adalah Singapore, 4,661.8 tan metrik, mewakili 82.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kuantiti eksport cendawan, Thailand 731.2 tan metrik (13.0%) dan Vietnam, 86.4 tan metrik (1.5%). Singapore merekodkan nilai eksport tertinggi, RM50.86 juta, diikuti Thailand (RM7.05 juta) dan Vietnam (RM1.02 juta).

**Jadual 8: Tiga Negara Destinasi Eksport Utama Cendawan, Malaysia, 2023**

Negara	Eksport (tan metrik)	Peratus Sumbangan Eksport (%)	Nilai Eksport (RM)
Singapore	4,661.8	82.7	50,864,085
Thailand	731.2	13.0	7,049,654
Vietnam	86.4	1.5	1,018,051

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

#### 3.2 Import Utama Cendawan Malaysia

Malaysia mengimport 20,083.0 tan metrik cendawan pada tahun 2023 daripada China, 11,265.4 tan metrik, (87.0%), Thailand 5,865.4 tan metrik (12.8%), dan Netherlands, 2,513.5 tan metrik (0.1%). Nilai import tertinggi cendawan adalah daripada China dengan RM106.44 juta, diikuti Thailand (RM10.58 juta), dan Netherlands (RM5.25 juta).

**Jadual 9: Tiga Negara Import Utama Cendawan ke Malaysia, 2023**


Negara	Import (tan metrik)	Peratus sumbangan import (%)	Nilai import (RM)
China	11,265.4	87.0	106,443,340
Thailand	5,865.4	12.8	10,578,991
Netherlands	2,513.5	0.1	5,248,146

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

#### 4. PARAMETER UTAMA TANAMAN CENDAWAN

Parameter utama penanaman cendawan seperti keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, nilai jualan dan produktiviti per hektar mampu memberikan gambaran komprehensif bagi perancangan strategik, peningkatan produktiviti, serta penyusunan dasar pertanian yang holistik.

##### Paparan 37: Parameter Utama Tanaman Cendawan, Malaysia, 2023



##### 4.1 Pegangan Pertanian

Malaysia merekodkan 671 pegangan pertanian bagi penanaman cendawan yang merangkumi 502 pegangan pertanian individu (74.8%) dan 169 pegangan pertanian pertubuhan (25.2%). Johor merekodkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 110 (16.4%), diikuti Kelantan, 87 (13.0%) dan Perak, 83 (12.4%). Johor Bahru, Johor mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi, 25 (3.7%), diikuti Batu Pahat, Johor, 24 (3.6%) dan Batang Padang, Perak, 24 (3.6%).

## 4.2 Keluasan Bertanam

Keseluruhan keluasan bertanam bagi penanaman cendawan merekodkan 711.7 hektar. Selangor merekodkan keluasan bertanam terbesar dengan 218.7 hektar (30.7%), diikuti Kedah, 143.5 hektar (20.2%) dan Johor, 136.9 hektar (19.2%). Johor merekodkan keluasan bertanam terbesar bagi pegangan pertanian individu, 38.1 hektar (18.3%), diikuti Kedah, 36.4 hektar (17.5%) dan Selangor, 35.1 hektar (16.9%). Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Selangor merekodkan keluasan bertanam terbesar, 183.6 hektar (36.5%), diikuti Kedah, 107.2 hektar (21.3%) dan Johor, 98.8 hektar (19.6%).

### Paparan 38: Tiga Negeri Teratas bagi Keluasan Bertanam, Malaysia, 2023

1.	Selangor	218.7 hektar (30.7%)
2.	Kedah	143.5 hektar (20.2%)
3.	Johor	136.9 hektar (19.2%)

Klang, Selangor mencatatkan keluasan bertanam terbesar, 166.2 hektar (23.3%), diikuti Kuala Muda, Kedah, 111.8 hektar (15.7%) dan Tangkak, Johor, 38.4 hektar (5.4%). Pegangan pertanian individu Klang, Selangor merekodkan keluasan bertanam terbesar, 24.9 hektar (3.5%), diikuti Kuala Muda, Kedah, 18.5 hektar (2.6%) dan Kota Tinggi, Johor, 10.6 hektar (1.5%). Klang, Selangor turut merekodkan keluasan bertanam terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 141.3 hektar (19.8%), diikuti Kuala Muda, Kedah, 93.3 hektar (13.1%) dan Tangkak, Johor, 30.8 hektar (4.3%).

### Paparan 39: Tiga Daerah Teratas bagi Keluasan Bertanam, Malaysia, 2023

1.	Klang	166.2 hektar (23.3%)
2.	Kuala Muda	111.8 hektar (15.7%)
3.	Tangkak	38.4 hektar (5.4 %)



### 4.3 Keluasan Bertuai

Keseluruhan keluasan bertuai bagi penanaman cendawan merekodkan 692.4 hektar. Selangor merekodkan keluasan bertuai terbesar dengan 218.7 hektar (31.6%), diikuti Kedah, 142.9 hektar (20.6%) dan Johor, 134.3 hektar (19.4%). Pegangan pertanian individu Johor merekodkan keluasan bertuai terbesar, 37.9 hektar (19.6%), diikuti Kedah, 36.1 hektar (18.6%) dan Selangor, 35.1 hektar (18.1%). Selangor merekodkan keluasan bertuai terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan, 183.6 hektar (36.8%), diikuti Kedah, 106.9 hektar (21.4%) dan Johor, 96.3 hektar (19.3%).

#### Paparan 40: Tiga Negeri Teratas bagi Keluasan Bertuai, Malaysia, 2023

1.	Selangor	218.7 hektar (31.6%)
2.	Kedah	142.9 hektar (20.6%)
3.	Johor	134.3 hektar (19.4%)

Klang, Selangor mencatatkan keluasan bertuai terbesar, 166.2 hektar (24.0%), diikuti Kuala Muda, Kedah, 111.8 hektar (16.1%) dan Tangkak, Johor, 38.4 hektar (5.5%). Pegangan pertanian individu Klang, Selangor merekodkan keluasan bertuai terbesar, 24.9 hektar (3.6%), diikuti Kuala Muda, Kedah, 18.5 hektar (2.7%) dan Kota Tinggi, Johor, 10.4 hektar (1.5%). Klang, Selangor turut merekodkan keluasan bertuai terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 141.3 hektar (20.4%), diikuti Kuala Muda, Kedah, 93.3 hektar (13.5%) dan Tangkak, Johor, 30.8 hektar (4.5%).

#### Paparan 41: Tiga Daerah Teratas bagi Keluasan Bertuai, Malaysia, 2023

1.	Klang	166.2 hektar (24.0%)
2.	Kuala Muda	111.8 hektar (16.1%)
3.	Tangkak	38.4 hektar (5.5%)

#### 4.4 Kuantiti Pengeluaran

Keseluruhan kuantiti pengeluaran bagi penanaman cendawan merekodkan 21,167.9 tan metrik. Selangor merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan 8,242.1 tan metrik (38.9%), diikuti Kedah, 4,793.8 tan metrik (22.6%) dan Johor, 3,950.1 tan metrik (18.7%). Selangor merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian individu, 1,315.7 tan metrik (27.8%), diikuti Johor, 1,073.3 tan metrik (22.7%) dan Kedah, 869.7 tan metrik (18.4%). Kuantiti pengeluaran cendawan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan mencakupi tiga negeri iaitu Selangor, 6,926.4 tan metrik (42.2%), diikuti Kedah, 3,924.1 tan metrik (23.9%) dan Johor, 2,876.8 tan metrik (17.5%).

##### Paparan 42: Tiga Negeri Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran, Malaysia, 2023

1.	Selangor	8,242.1 tan metrik (38.9%)
2.	Kedah	4,793.8 tan metrik (22.6%)
3.	Johor	3,950.1 tan metrik (18.7%)

Klang, Selangor merekodkan kuantiti pengeluaran cendawan tertinggi, 6,326.2 tan metrik (29.9%), diikuti Kuala Muda, Kedah, 4,242.8 tan metrik (20.0%) dan Tangkak, Johor, 1,202.8 tan metrik (5.7%). Pegangan pertanian individu Klang, Selangor merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi, 946.9 tan metrik (4.5%), diikuti Kuala Muda, Kedah, 696.9 tan metrik (3.3%) dan Kota Tinggi, Johor, 386.2 tan metrik (1.8%). Klang, Selangor, turut mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 5,379.2 tan metrik (25.4%), diikuti Kuala Muda, Kedah, 3,545.9 tan metrik (16.8%) dan Tangkak, Johor, 1,000.6 tan metrik (4.7%).

##### Paparan 43: Tiga Daerah Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran, Malaysia, 2023

1.	Klang	6,326.2 tan metrik (29.9%)
2.	Kuala Muda	4,242.8 tan metrik (20.0%)
3.	Tangkak	1,202.8 tan metrik (5.7%)

#### 4.5 Kuantiti Jualan

Keseluruhan kuantiti jualan bagi penanaman cendawan merekodkan 20,549.8 tan metrik. Selangor merekodkan kuantiti jualan tertinggi dengan 8,236.0 tan metrik (40.1%), diikuti Kedah, 4,768.6 tan metrik (23.2%) dan Johor, 3,626.4 tan metrik (17.6%). Selangor merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu, 1,315.3 tan metrik (28.1%), diikuti Johor, 1,069.7 tan metrik (22.8%) dan Kedah, 862.6 tan metrik (18.4%). Selangor, Kedah dan Johor merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan masing-masing 6,920.6 tan metrik (43.6%), 3,906.0 tan metrik (24.6%) dan 2,556.8 tan metrik (16.1%).

##### **Paparan 44: Tiga Negeri Teratas bagi Kuantiti Jualan, Malaysia, 2023**

1.	Selangor	8,236.0 tan metrik (40.1%)
2.	Kedah	4,768.6 tan metrik (23.2%)
3.	Johor	3,626.4 tan metrik (17.6%)

Klang, Selangor mencatatkan kuantiti jualan tertinggi, 6,324.8 tan metrik (30.8%), diikuti Kuala Muda, Kedah, 4,236.8 tan metrik (20.6%) dan Tangkak, Johor, 1,202.3 tan metrik (5.9%). Pegangan pertanian individu Klang, Selangor merekodkan kuantiti jualan tertinggi, 946.9 tan metrik (4.6%), diikuti Kuala Muda, Kedah, 696.9 tan metrik (3.4%) dan Kota Tinggi, Johor, 386.0 tan metrik (1.9%). Klang, Selangor, turut merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 5,377.9 tan metrik (26.2%), diikuti Kuala Muda, Kedah, 3,539.9 tan metrik (17.2%) dan Tangkak, Johor, 1,000.2 tan metrik (4.9%).

##### **Paparan 45: Tiga Daerah Teratas bagi Kuantiti Jualan, Malaysia, 2023**

1.	Klang	6,324.8 tan metrik (30.8%)
2.	Kuala Muda	4,236.8 tan metrik (20.6%)
3.	Tangkak	1,202.3 tan metrik (5.9%)

#### 4.6 Nilai Jualan

Keseluruhan nilai jualan bagi penanaman cendawan merekodkan RM263.30 juta. Selangor merekodkan nilai jualan tertinggi dengan RM105.98 juta (40.2%), diikuti Kedah, RM58.41 juta (22.2%) dan Johor, RM44.79 juta (17.0%). Selangor turut merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu, 16.84 juta (28.4%), diikuti Johor, RM13.24 juta (22.4%) dan Kedah, RM10.60 juta (17.9%). Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Selangor merekodkan nilai jualan tertinggi, 89.14 juta (43.7%), diikuti Kedah, RM47.81 juta (23.4%) dan Johor, RM31.55 juta (15.5%).

##### Paparan 46: Tiga Negeri Teratas bagi Nilai Jualan, Malaysia, 2023

1.	Selangor	RM105.98 juta (40.2%)
2.	Kedah	RM58.41 juta (22.2%)
3.	Johor	RM44.79 juta (17.0%)

Klang, Selangor mencatatkan nilai jualan tertinggi, RM81.94 juta (31.1%), diikuti Kuala Muda, Kedah, RM51.65 juta (19.6%) dan Tangkak, Johor, RM14.24 juta (5.4%). Klang, Selangor turut merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu dengan RM12.23 juta (4.6%), diikuti Kuala Muda, Kedah, RM8.48 juta (3.2%) dan Kota Tinggi, Johor, RM4.77 juta (1.8%). Klang, Selangor, merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan, RM69.71 juta (26.5%), diikuti Kuala Muda, Kedah, RM43.17 juta (16.4%) dan Tangkak, Johor, RM11.85 juta (4.5%).

##### Paparan 47: Tiga Daerah Teratas bagi Nilai Jualan, Malaysia, 2023

1.	Klang	RM81.94 juta (31.1%)
2.	Kuala Muda	RM51.65 juta (19.6%)
3.	Tangkak	RM14.24 juta (5.4%)

## 4.7 Produktiviti

Produktiviti cendawan di Malaysia mencatatkan 30.6 tan metrik per hektar pada tahun 2023. Pegangan pertanian individu merekodkan produktiviti 24.4 tan metrik per hektar, manakala pegangan pertanian pertubuhan pula 33.0 tan metrik per hektar. Selangor merekodkan produktiviti tertinggi (37.7 tan metrik/hektar), diikuti Negeri Sembilan (33.6 tan metrik/hektar) dan Kedah (33.5 tan metrik/hektar).

### Paparan 49: Tiga Negeri Teratas bagi Produktiviti, Malaysia, 2023

1.	Selangor	37.7 tan metrik/hektar
2.	Negeri Sembilan	33.6 tan metrik/hektar
3.	Kedah	33.5 tan metrik/hektar

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**



## 4. PENANAMAN TIMUN



**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**



## 1. PENGENALAN

Timun (*Cucumis sativus*) ialah tanaman jangka pendek yang memerlukan sistem para kerana pertumbuhannya yang menjalar. Ia dipercayai berasal dari lereng Gunung Himalaya di India. Di Malaysia, timun banyak ditanam di negeri Johor, Perak, Kelantan dan Pahang. Dua varieti utama yang popular ialah Timun Hijau dan Timun Jepun, masing-masing mempunyai ciri fizikal dan kegunaan yang berbeza (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 2023).

## 2. JENIS-JENIS TIMUN

Di Malaysia, terdapat pelbagai jenis timun yang ditanam dan dikomersialkan, bergantung kepada faktor agroiklim sama ada di kawasan tanah rendah, kawasan berpasir, atau melalui kaedah pertanian dalam persekitaran terkawal. Antara varieti timun yang popular termasuklah timun hijau dan timun Jepun. Penanaman timun sangat sesuai dengan iklim tropika Malaysia dan menjadi pilihan ramai petani kerana kitaran pertumbuhannya yang singkat, hasil yang tinggi serta permintaan pasaran yang sentiasa stabil.

### Paparan 49: Varieti Timun, Malaysia



Timun Hijau  
(*Cucumis sativus*)



Timun Jepun  
(*Cucumis sativus* var.  
*japonicus*)

### 3. PENGGUNAAN PER KAPITA (PCC), KADAR SARA DIRI (SSR) DAN KADAR KEBERGANTUNGAN IMPORT (IDR) BAGI TANAMAN TIMUN

Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia 2023 menunjukkan Penggunaan per Kapita (*Per Capita Consumption* - PCC) timun tertinggi direkodkan pada tahun 2023, 3.1 kg/tahun, manakala tahun 2021 mencatatkan PCC terendah (2.6 kg/tahun).

Kadar Sara Diri (*Self Sufficient Ratio* - SSR) bagi tahun 2020 mencatatkan SSR tertinggi dengan 112.1 peratus, namun menurun kepada tahap terendah pada tahun 2023 (106.1%).

Kadar Kebergantungan Import (*Import Dependency Ratio* - IDR) timun bagi tahun 2021 merekodkan peratusan tertinggi iaitu 14.5 peratus, manakala tahun 2020 mencatatkan IDR terendah (9.7%).

**Jadual 10: Penggunaan Per Kapita (PCC), Kadar Sara Diri (SSR) dan Kadar Kebergantungan Import (IDR) Tahunan, Malaysia, 2019-2023**

Tahun	PCC (kg/tahun)	SSR (%)	IDR (%)
2019	2.8	110.8	13.2
2020	2.7	112.1	9.7
2021	2.6	111.7	14.5
2022	2.8	110.6	13.1
2023*	3.1	106.1	11.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: \* Tahun 2023 adalah berdasarkan data anggaran

### 4. PERDAGANGAN TIMUN 2010-2023

#### 4.1 Eksport Timun

Merujuk Statistik Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, 2023 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024), kuantiti eksport timun menunjukkan penurunan dua digit iaitu 15.8 peratus iaitu dari 21,893.7 tan metrik pada tahun 2022, kepada 18,428.7 tan metrik pada tahun 2023. Tahun 2017 merekodkan kuantiti eksport timun tertinggi, 26,164.9 tan metrik, manakala kuantiti eksport timun terendah direkodkan pada 2012 (15,672.4 tan metrik).

## 4.2 Import Timun

Import timun menunjukkan penurunan 12,085.9 tan metrik kepada 12,015.3 tan metrik pada tahun 2023 berbanding pada tahun 2022. Bagi tempoh 2010 hingga 2023, kuantiti import timun tertinggi direkodkan pada 2015, 16,841.9 tan metrik manakala tahun 2013 mencatatkan import terendah (6,951.4 tan metrik).

**Carta 6: Kuantiti Import dan Eksport Tahunan, Malaysia, 2010-2023**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 5. NEGARA PERDAGANGAN UTAMA TIMUN MALAYSIA, 2023

### 5.1 Eksport Utama Timun Malaysia

Eksport timun Malaysia pada tahun 2023 adalah 18,428.7 tan metrik. Tiga negara destinasi utama eksport Malaysia adalah Singapore, 18,391.6 tan metrik, mewakili 99.80 peratus daripada jumlah kuantiti eksport timun, Hong Kong 29.5 tan metrik (0.16%) dan Brunei Darussalam 6.2 tan metrik (0.03%). Singapore merekodkan nilai eksport tertinggi, RM43.7 juta, diikuti dengan Hong Kong (RM355.4 ribu) dan Brunei Darussalam (RM121.7 ribu).

**Jadual 11: Tiga Negara Destinasi Eksport Timun, Malaysia, 2023**

Negara	Eksport (tan metrik)	Peratus sumbangan Eksport (%)	Nilai Eksport (RM)
Singapore	18,391.6	99.80	43,677,797
Hong Kong	29.5	0.16	355,386
Brunei Darussalam	6.2	0.03	121,746

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 5.2 Import Utama Timun Malaysia

Malaysia mengimport, 12,042.7 tan metrik timun pada tahun 2023 daripada Thailand, 11,662.2 tan metrik (96.8%), diikuti China, 214.2 tan metrik (1.8%), Indonesia 78.7 tan metrik (0.7%), Vietnam 29.6 tan metrik (0.2%) dan Turkey 26.9 tan metrik (0.2%). Thailand merekodkan nilai import tertinggi, RM9.3 juta, diikuti China (RM613.2 ribu), Indonesia (RM92.2 ribu), Vietnam dan Turkey masing-masing RM146.1 ribu dan RM79.0 ribu.

**Jadual 12: Negara Import Utama Timun ke Malaysia, 2023**


Negara	Import (tan metrik)	Peratus sumbangan Import (%)	Nilai Import (RM)
Thailand	11,662.2	96.8	9,303,563.00
China	214.2	1.8	613,197.00
Indonesia	78.7	0.7	92,157.00
Vietnam	29.6	0.2	146,098.00
Turkey	26.9	0.2	78,964.00

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 6. PARAMETER UTAMA TANAMAN TIMUN

Parameter utama penanaman timun seperti keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, nilai jualan dan produktiviti per hektar mampu memberikan gambaran komprehensif bagi perancangan strategik, peningkatan produktiviti, serta penyusunan dasar pertanian yang holistik.

**Paparan 50: Parameter Utama Tanaman Timun, Malaysia, 2023**



### 6.1 Pegangan Pertanian

Malaysia merekodkan 5,432 pegangan pertanian bagi penanaman timun yang merangkumi 5,007 pegangan pertanian individu (92.2%) dan 425 pegangan pertanian pertubuhan (7.8%). Sarawak merekodkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 1,242 (22.9%), diikuti Terengganu, 1,099 (20.2%) dan Kelantan, 1,092 (20.1%). Bachok, Kelantan mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi, 276 (5.1%), diikuti Kuala Nerus, Terengganu 268 (4.9%) dan Kapit, Sarawak, 175 (3.2%).

## 6.2 Keluasan Bertanam

Keseluruhan keluasan bertanam bagi penanaman timun merekodkan 6,387.1 hektar. Pahang merekodkan keluasan bertanam terbesar dengan 1,191.9 hektar (18.7%), diikuti Kelantan, 1,144.1 hektar (17.9%) dan Johor, 1,065.3 hektar (16.7%). Kelantan merekodkan keluasan bertanam terbesar bagi pegangan pertanian individu, 779.8 hektar (18.2%), diikuti Johor, 765.7 hektar (17.9%) dan Pahang, 529.2 hektar (12.4%). Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Pahang merekodkan keluasan bertanam terbesar, 662.7 hektar (31.4%), diikuti Perak, 413.7 hektar (19.6%) dan Kelantan, 364.3 hektar (17.3%).

### Paparan 51: Tiga Negeri Teratas bagi Keluasan Bertanam, Malaysia, 2023

1.	Pahang	1,191.9 hektar (18.7%)
2.	Kelantan	1,144.1 hektar (17.9%)
3.	Johor	1,065.3 hektar (16.7%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan keluasan bertanam terbesar, 741.2 hektar (11.6%), diikuti Kinta, Perak, 502.1 hektar (7.9%) dan Kecil Lojing, Kelantan, 288.5 hektar (4.5%). Pegangan pertanian individu Cameron Highlands, Pahang merekodkan keluasan bertanam terbesar, 276.9 hektar (6.5%), diikuti Klang, Selangor, 245.0 hektar (5.7%) dan Bachok, Kelantan, 221.7 hektar (5.2%). Cameron Highlands, Pahang turut merekodkan keluasan bertanam terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 464.3 hektar (22.0%), diikuti Kinta, Perak, 286.7 hektar (13.6%) dan Kecil Lojing, Kelantan, 241.3 hektar (11.4%).

### Paparan 52: Tiga Daerah Teratas bagi Keluasan Bertanam, Malaysia, 2023

1.	Cameron Highlands	741.2 hektar (11.6%)
2.	Kinta	502.1 hektar (7.9%)
3.	Kecil Lojing	288.5 hektar (4.5%)

### 6.3 Keluasan Bertuai

Keseluruhan keluasan bertuai bagi penanaman timun merekodkan 6,178.2 hektar. Pahang merekodkan keluasan bertuai terbesar dengan 1,181.4 hektar (19.1%), diikuti Kelantan, 1,116.3 hektar (18.1%) dan Johor, 990.3 hektar (16.0%). Pegangan pertanian individu Kelantan merekodkan keluasan bertuai terbesar, 759.0 hektar (18.5%), diikuti Johor, 706.5 hektar (17.2%) dan Pahang, 523.1 hektar (12.7%). Pahang merekodkan keluasan bertuai terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan, 658.3 hektar (31.8%), diikuti Perak, 411.2 hektar (19.8%) dan Kelantan, 357.2 hektar (17.2%).

#### Paparan 53: Tiga Negeri Teratas bagi Keluasan Bertuai, Malaysia, 2023

1.	Pahang	1,181.4 hektar (19.1%)
2.	Kelantan	1,116.3 hektar (18.1%)
3.	Johor	990.3 hektar (16.0%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan keluasan bertuai terbesar, 735.1 hektar (11.9%), diikuti Kinta, Perak, 501.3 hektar (8.1%) dan Kecil Lojing, 285.4 hektar (4.6%). Pegangan pertanian individu Cameron Highlands, Pahang merekodkan keluasan bertuai terbesar, 274.7 hektar (6.7%), diikuti Klang, Selangor, 241.3 hektar (5.9%) dan Kinta, Perak, 215.2 hektar (5.2%). Cameron Highlands, Pahang turut merekodkan keluasan bertuai terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 460.3 hektar (22.2%), diikuti Kinta, Perak, 286.1 hektar (13.8%) dan Kecil Lojing, Kelantan, 238.2 hektar (11.5%).

#### Paparan 54: Tiga Daerah Teratas bagi Keluasan Bertuai, Malaysia, 2023

1.	Cameron Highlands	735.1 hektar (11.9%)
2.	Kinta	501.3 hektar (8.1%)
3.	Kecil Lojing	285.4 hektar (4.6%)

## 6.4 Kuantiti Pengeluaran

Keseluruhan kuantiti pengeluaran bagi penanaman timun merekodkan 174,582.0 tan metrik. Pahang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan 35,692.0 tan metrik (20.4%), diikuti Kelantan, 31,468.6 tan metrik (18.0%) dan Johor, 29,618.5 tan metrik (17.0%). Johor merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian individu, 20,653.8 tan metrik (18.4%), diikuti Kelantan, 19,822.4 tan metrik (17.6%) dan Pahang, 15,666.1 tan metrik (13.9%). Kuantiti pengeluaran timun tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan mencakupi tiga negeri iaitu Pahang, 20,025.9 tan metrik (32.2%), diikuti Perak, 12,336.9 tan metrik (19.8%) dan Kelantan, 11,646.1 tan metrik (18.7%).

### Paparan 55: Tiga Negeri Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran, Malaysia, 2023

1.	Pahang	35,692.0 tan metrik (20.4%)
2.	Kelantan	31,468.6 tan metrik (18.0%)
3.	Johor	29,618.5 tan metrik (17.0%)

Cameron Highlands, Pahang merekodkan kuantiti pengeluaran timun tertinggi, 23,951.0 tan metrik (13.7%), diikuti Kinta, Perak, 15,855.9 tan metrik (9.1%) dan Kecil Lojing, 8,988.7 tan metrik (5.1%). Pegangan pertanian individu Cameron Highlands, Pahang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi, 8,877.0 tan metrik (7.9%), diikuti Klang, Selangor, 8,600.9 tan metrik (7.7%) dan Kinta, Perak, 7,011.7 tan metrik (6.2%). Cameron Highlands, Pahang turut mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 15,074.0 tan metrik (24.2%), diikuti Kinta, Perak, 8,844.2 tan metrik (14.2%) dan Kecil Lojing, Kelantan, 7,552.0 tan metrik (12.1%).

### Paparan 56: Tiga Daerah Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran, Malaysia, 2023

1.	Cameron Highlands	23,951.0 tan metrik (13.7%)
2.	Kinta	15,855.9 tan metrik (9.1%)
3.	Kecil Lojing	8,988.7 tan metrik (5.1%)

## 6.5 Kuantiti Jualan

Keseluruhan kuantiti jualan bagi penanaman timun merekodkan 171,445.3 tan metrik. Pahang merekodkan kuantiti jualan tertinggi dengan 35,490.5 tan metrik (20.7%), diikuti Kelantan, 31,262.4 tan metrik (18.4%) dan Johor, 28,956.2 tan metrik (16.9%). Johor merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu, 20,090.3 tan metrik (18.2%), diikuti Kelantan, 19,617.3 tan metrik (17.8%) dan Pahang, 15,638.6 tan metrik (14.2%). Pahang, Perak dan Kelantan merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan masing-masing 19,851.9 tan metrik (32.6%), 11,650.6 tan metrik (19.1%) dan 11,645.1 tan metrik (19.1%).

### Paparan 57: Tiga Negeri Teratas bagi Kuantiti Jualan, Malaysia, 2023

1.	Pahang	35,490.5 tan metrik (20.7%)
2.	Kelantan	31,262.4 tan metrik (18.4%)
3.	Johor	28,956.2 tan metrik (16.9%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan kuantiti jualan tertinggi, 23,863.5 tan metrik (13.9%), diikuti Kinta, Perak, 15,137.6 tan metrik (8.8%) dan Kecil Lojing, Kelantan, 8,986.1 tan metrik (5.2%). Pegangan pertanian individu Cameron Highlands, Pahang merekodkan kuantiti jualan tertinggi, 8,873.9 tan metrik (8.0%), diikuti Klang, Selangor, 8,586.8 tan metrik (7.8%) dan Kinta, Perak, 6,589.5 tan metrik (6.0%). Cameron Highlands, Pahang, turut merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 14,989.5 tan metrik (24.6%), diikuti Kinta, Perak, 8,548.0 tan metrik (14.0%) dan Kecil Lojing, Kelantan, 7,552.0 tan metrik (12.4%).

### Paparan 58: Tiga Daerah Teratas bagi Kuantiti Jualan, Malaysia, 2023

1.	Cameron Highlands	23,863.5 tan metrik (13.9%)
2.	Kinta	15,137.6 tan metrik (8.8%)
3.	Kecil Lojing	8,986.1 tan metrik (5.2%)



## 6.6 Nilai Jualan

Keseluruhan nilai jualan bagi penanaman timun merekodkan RM686.34 juta. Pahang merekodkan nilai jualan tertinggi dengan RM140.67 juta (20.5%), diikuti Kelantan, RM123.77 juta (18.0%) dan Johor, RM109.49 juta (16.0%). Johor merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu, RM73.82 juta (16.8%), diikuti Kelantan, RM73.78 juta (16.8%) dan Pahang, RM61.18 juta (13.9%). Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Pahang merekodkan nilai jualan tertinggi, RM79.49 juta (32.2%), diikuti Kelantan, RM49.99 juta (20.3%) dan Johor, RM35.67 juta (14.5%).

### Paparan 59: Tiga Negeri Teratas bagi Nilai Jualan, Malaysia, 2023

1.	Pahang	RM140.67 juta (20.5%)
2.	Kelantan	RM123.77 juta (18.0%)
3.	Johor	RM109.49 juta (16.0%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan nilai jualan tertinggi, RM99.47 juta (14.5%), diikuti Kinta, Perak, RM60.98 juta (8.9%) dan Klang, Selangor, RM46.74 juta (6.8%). Klang, Selangor, merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu dengan RM45.78 juta (10.4%), diikuti Cameron Highlands, RM36.28 juta (8.3%) dan Kinta, Perak, RM26.29 juta (5.9%). Cameron Highlands merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan, RM63.18 juta (25.6%), diikuti Kinta, Perak, RM34.90 juta (14.1%) dan Kecil Lojing, RM33.78 juta (13.7%).

### Paparan 60: Tiga Daerah Teratas bagi Nilai Jualan, Malaysia, 2023

1.	Cameron Highlands	RM99.47 juta (14.5%)
2.	Kinta	RM60.98 juta (8.9%)
3.	Klang	RM46.74 juta (6.8%)

## 6.7 Produktiviti

Produktiviti timun di Malaysia mencatatkan 28.3 tan metrik per hektar pada tahun 2023. Pegangan pertanian individu merekodkan produktiviti 27.4 tan metrik per hektar, manakala pegangan pertanian pertubuhan pula 30.0 tan metrik per hektar. W.P. Labuan merekodkan produktiviti tertinggi (38.9 tan metrik/hektar), diikuti Selangor (33.0 tan metrik/hektar) dan Melaka (32.9 tan metrik/hektar).

### Paparan 61: Tiga Negeri Teratas bagi Produktiviti, Malaysia, 2023

1.	W.P. Labuan	38.9 tan metrik/hektar
2.	Selangor	33.0 tan metrik/hektar
3.	Melaka	32.9 tan metrik/hektar



## 5. PENANAMAN TERUNG



**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

## 1. PENGENALAN

Terung (\**Solanum melongena*\*) merupakan sejenis sayuran berbuah daripada keluarga *Solanaceae*. Buahnya boleh berbentuk panjang atau bulat dan hadir dalam pelbagai warna seperti putih, hijau, dan ungu, bergantung kepada jenis varietinya. (Jabatan Pertanian Pulau Pinang, 2025)

## 2. JENIS-JENIS TERUNG

Di Malaysia, pelbagai jenis terung ditanam dan dikomersialkan mengikut kesesuaian agroiklim, sama ada di kawasan tanah rendah, tanah tinggi, mahupun melalui sistem pertanian terkawal. Ianya amat serasi dengan iklim tropika Malaysia serta menjadi pilihan ramai petani kerana tumbesarnya yang cepat, hasil yang tinggi, dan permintaan pasaran yang berterusan.

### Paparan 62: Varieti Terung, Malaysia



Terung Panjang Ungu  
(*Solanum melongena*  
*var. esculentum*)



Terung Bulat Hijau atau Putih  
(*Solanum melongena* *var.*  
*depressum*)



Terung Pipit  
(*Solanum torvum*)



Terung India  
(*Solanum melongena* *var.*  
*serpentinum*)

### 3. PENGGUNAAN PER KAPITA (PCC), KADAR SARA DIRI (SSR) DAN KADAR KEBERGANTUNGAN IMPORT (IDR) BAGI TANAMAN TERUNG

Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia 2023 menunjukkan Penggunaan per Kapita (*Per Capita Consumption* - PCC) terung tertinggi direkodkan pada tahun 2022, 1.3 kg/tahun, manakala tahun 2019 mencatatkan PCC terendah (1.0 kg/tahun).

Kadar Sara Diri (*Self Sufficient Ratio* - SSR) bagi tahun 2019 mencatatkan SSR tertinggi dengan 119.3 peritus dan terendah pada tahun 2022 (106.6%).

Kadar Kebergantungan Import (*Import Dependency Ratio* - IDR) terung bagi tahun 2021 mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 10.1 peratus, manakala tahun 2020 mencatatkan IDR terendah (7.1%).

**Jadual 13: Penggunaan Per Kapita (PCC), Kadar Sara Diri (SSR) dan Kadar Kebergantungan Import (IDR) Tahunan, Malaysia, 2019-2023**

Tahun	IDR (%)	PCC (kg/tahun)	SSR (%)
2019	8.8	1.0	119.3
2020	7.1	1.1	112.3
2021	10.1	1.2	109.6
2022	9.9	1.3	106.6
2023*	9.5	1.2	111.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: \* Tahun 2023 adalah berdasarkan data anggaran

### 4. PERDAGANGAN TERUNG 2010 - 2023

#### 4.1 Eksport Terung

Kuantiti eksport terung menunjukkan peningkatan dua digit iaitu 18.4 peratus iaitu dari 7,134.9 tan metrik pada tahun 2022, kepada 8,445.3 tan metrik pada tahun 2023. Tahun 2018 merekodkan kuantiti eksport terung tertinggi (9,459.4 tan metrik) manakala 2015 merekodkan kuantiti eksport terung yang terendah (5,230.9 tan metrik).

## 4.2 Import Terung

Import terung menunjukkan penurunan 4,288.7 tan metrik kepada 3,926.8 tan metrik pada tahun 2023 berbanding pada tahun 2022. Bagi tempoh 2010 hingga 2023, kuantiti import terung tertinggi direkodkan pada 2014, 5,737.5 tan metrik manakala tahun 2010 mencatatkan import terendah (1,285.4 tan metrik).

**Carta 7: Kuantiti Import dan Eksport Tahunan, Malaysia, 2010-2023**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 5. NEGARA PERDAGANGAN UTAMA TERUNG MALAYSIA, 2023

### 5.1 Eksport Utama Terung Malaysia

Eksport terung Malaysia pada tahun 2023 adalah 8,445.3 tan metrik. Lima negara destinasi utama eksport Malaysia adalah Singapore, 8,407.5 tan metrik mewakili 99.6% peratus daripada jumlah kuantiti eksport terung, Brunei Darussalam 36.0 tan metrik (0.4%), United Kingdom 1.7 tan metrik (0.02%), Thailand 0.1 tan metrik dan Maldives 0.05 tan metrik. Nilai eksport tertinggi terung Malaysia adalah ke Singapore dengan RM31.7 juta, diikuti Brunei Darussalam (RM121.9 ribu), United Kingdom (RM25.2 ribu), Maldives (RM782) dan Thailand (RM113).

**Jadual 14: Lima Negara Destinasi Eksport Terung Malaysia 2023**

Negara	Eksport (tan metrik)	Peratus sumbangan eksport (%)	Nilai eksport (RM)
Singapore	8,407.5	99.6	31,664,020
Brunei Darussalam	36.0	0.4	121,920
United Kingdom	1.7	0.02	25,223
Thailand	0.1	0.0	113
Maldives	0.05	0.0	782

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 5.2 Import Utama Terung Malaysia

Malaysia mengimport 3,926.8 tan metrik terung pada tahun 2023 daripada Thailand, 3,814.6 tan metrik (97.1%), diikuti Bangladesh 56.9 tan metrik (1.5%), Indonesia 45.5 tan metrik (1.2%), India 4.7 tan metrik (0.1%) dan Jordan, 1.7 tan metrik. Nilai import tertinggi terung Malaysia adalah dari Thailand dengan RM3.4 juta, diikuti Bangladesh (RM278.9 ribu), Indonesia (RM52.3 ribu), India dan Jordan masing-masing RM19.8 ribu dan RM16.6 ribu.

**Jadual 15: Negara Import Utama Terung ke Malaysia 2023**


Negara	Import (tan metrik)	Peratus sumbangan import (%)	Nilai import (RM)
Thailand	3,814.6	97.1	3,416,863
Bangladesh	56.9	1.5	278,928
Indonesia	45.5	1.2	52,295
India	4.7	0.1	19,770
Jordan	1.7	0.0	16,623

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 6. PARAMETER UTAMA TANAMAN TERUNG

Parameter utama penanaman terung seperti keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, nilai jualan dan produktiviti per hektar mampu memberikan gambaran komprehensif bagi perancangan strategik, peningkatan produktiviti, serta penyusunan dasar pertanian yang holistik.

**Paparan 63: Parameter Utama Tanaman Terung, Malaysia, 2023**



### 6.1 Pegangan Pertanian

Malaysia merekodkan 5,726 pegangan pertanian bagi penanaman terung yang merangkumi 5,373 pegangan pertanian individu (93.8%) dan 353 pegangan pertanian pertubuhan (6.2%). Sarawak merekodkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 1,205 (21.0%), diikuti Johor, 867 (15.1%) dan Sabah, 858 (15.0%). Johor Bahru, Johor, mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi, 307 (5.4%), diikuti Kuala Nerus, Terengganu, 209 (3.7%) dan Ranau, Sabah, 180 (3.1%).



## 6.2 Keluasan Bertanam

Keseluruhan keluasan bertanam bagi penanaman terung merekodkan 3,502.4 hektar. Pahang merekodkan keluasan bertanam terbesar dengan 724.8 hektar (20.7%), diikuti Kelantan, 617.7 hektar (17.6%) dan Johor, 563.0 hektar (16.1%). Kelantan turut merekodkan keluasan bertanam terbesar bagi pegangan pertanian individu, 551.7 hektar (21.3%), diikuti Johor, 389.5 hektar (15.1%) dan Pahang, 325.0 hektar (12.6%). Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Pahang merekodkan keluasan bertanam terbesar, 399.8 hektar (43.6%), diikuti Johor, 173.6 hektar (18.9%) dan Negeri Sembilan, 83.6 hektar (9.1%).

### Paparan 64: Tiga Negeri Teratas bagi Keluasan Bertanam, Malaysia, 2023

1.	Pahang	724.8 hektar (20.7%)
2.	Kelantan	617.7 hektar (17.6%)
3.	Johor	563.0 hektar (16.1%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan keluasan bertanam terbesar, 498.7 hektar (14.2%), diikuti Bachok, Kelantan, 243.5 hektar (7.0%) dan Kota Tinggi, Johor, 151.4 hektar (4.3%). Pegangan pertanian individu Bachok, Kelantan merekodkan keluasan bertanam terbesar, 243.5 hektar (9.4%), diikuti Cameron Highlands, Pahang, 237.6 hektar (9.2%) dan Kota Tinggi, Johor, 120.3 hektar (4.7%). Cameron Highlands, Pahang turut merekodkan keluasan bertanam terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 261.1 hektar (28.5%), diikuti Bentong, Pahang, 70.1 hektar (7.7%) dan Batu Pahat, Johor, 60.0 hektar (6.6%).

### Paparan 65: Tiga Daerah Teratas bagi Keluasan Bertanam, Malaysia, 2023

1.	Cameron Highlands	498.7 hektar (14.2%)
2.	Bachok	243.5 hektar (7.0%)
3.	Kota Tinggi	151.4 hektar (4.3%)

### 6.3 Keluasan Bertuai

Keseluruhan keluasan bertuai bagi penanaman terung merekodkan 3,291.2 hektar. Pahang merekodkan keluasan bertuai terbesar dengan 723.5 hektar (22.0%), diikuti Kelantan, 608.5 hektar (18.5%) dan Johor, 508.3 hektar (15.4%). Pegangan pertanian individu Kelantan merekodkan keluasan bertuai terbesar, 542.9 hektar (22.6%), diikuti Johor, 346.4 hektar (14.5%) dan Pahang, 323.7 hektar (13.5%). Pahang merekodkan keluasan bertuai terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan, 399.8 hektar (44.7%), diikuti Johor, 161.9 hektar (18.1%) dan Negeri Sembilan, 83.5 hektar (9.3%).

#### Paparan 66: Tiga Negeri Teratas bagi Keluasan Bertuai, Malaysia, 2023

1.	Pahang	723.5 hektar (22.0%)
2.	Kelantan	608.5 hektar (18.5%)
3.	Johor	508.3 hektar (15.4%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan keluasan bertuai terbesar, 498.7 hektar (15.2%), diikuti Bachok, Kelantan, 243.5 hektar (7.4%) dan Kota Tinggi, Johor, 139.4 hektar (8.8%). Pegangan pertanian individu Bachok, Kelantan merekodkan keluasan bertuai terbesar, 243.5 hektar (10.2%), diikuti Cameron Highlands, Pahang, 237.6 hektar (9.9%) dan Kota Tinggi, Johor, 108.3 hektar (4.5%). Cameron Highlands, Pahang turut merekodkan keluasan bertuai terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 261.1 hektar (29.2%), diikuti Bentong, Pahang, 70.1 hektar (7.8%) dan Batu Pahat, Johor, 57.7 hektar (6.5%).

#### Paparan 67: Tiga Daerah Teratas bagi Keluasan Bertuai, Malaysia, 2023

1.	Cameron Highlands	498.7 hektar (15.2%)
2.	Bachok	243.5 hektar (7.4%)
3.	Kota Tinggi	139.4 hektar (8.8%)

## 6.4 Kuantiti Pengeluaran

Keseluruhan kuantiti pengeluaran bagi penanaman terung merekodkan 53,783.0 tan metrik. Kelantan merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan 15,404.8 tan metrik (28.6%), diikuti Pahang, 13,749.5 tan metrik (25.6%) dan Johor, 9,204.9 tan metrik (17.1%). Kelantan merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian individu, 14,132.5 tan metrik (37.9%), diikuti Johor, 6,268.7 tan metrik (16.8%) dan Pahang, 6,112.0 tan metrik (16.4%). Kuantiti pengeluaran terung tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan mencakupi tiga negeri iaitu Pahang, 7,637.5 tan metrik (46.2%), diikuti Johor, 2,936.2 tan metrik (17.8%) dan Selangor, 1,682.8 tan metrik (10.2%).

### Paparan 68: Tiga Negeri Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran, Malaysia, 2023

1.	Kelantan	15,404.8 tan metrik (28.6%)
2.	Pahang	13,749.5 tan metrik (25.6%)
3.	Johor	9,204.9 tan metrik (17.1%)

Cameron Highlands, Pahang merekodkan kuantiti pengeluaran terung tertinggi, 10,088.0 tan metrik (18.8%), diikuti Bachok, Kelantan, 8,008.1 tan metrik (14.9%) dan Kota Tinggi, Johor, 2,679.2 tan metrik (5.0%). Pegangan pertanian individu Bachok, Kelantan merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi, 8,008.1 tan metrik (21.5%), diikuti Cameron Highlands, Pahang, 4,900.2 tan metrik (13.2%) dan Kota tinggi, Johor, 2,152.7 tan metrik (5.8%). Cameron Highlands, Pahang turut mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 5,187.9 tan metrik (31.4%), diikuti Batu Pahat, Johor, 1,270.6 tan metrik (7.7%) dan Bentong, Pahang, 981.0 tan metrik (5.9%).

### Paparan 69: Tiga Daerah Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran, Malaysia, 2023

1.	Cameron Highlands	10,088.0 tan metrik (18.8%)
2.	Bachok	8,008.1 tan metrik (14.9%)
3.	Kota Tinggi	2,679.2 tan metrik (5.0%)

## 6.5 Kuantiti Jualan

Keseluruhan kuantiti jualan bagi penanaman terung merekodkan 51,183.2 tan metrik. Kelantan merekodkan kuantiti jualan tertinggi dengan 15,333.0 tan metrik (30.0%), diikuti Pahang, 13,152.2 tan metrik (25.7%) dan Johor, 8,887.2 tan metrik (17.4%). Kelantan merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu, 14,064.6 tan metrik (39.1%), diikuti Johor, 5,962.1 tan metrik (16.6%) dan Pahang, 5,872.3 tan metrik (16.3%). Pahang, Johor dan Kelantan merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan masing-masing 7,279.8 tan metrik (48.0%), 2,925.2 tan metrik (19.3%) dan 1,268.4 tan metrik (8.4%).

### Paparan 70: Tiga Negeri Teratas bagi Kuantiti Jualan, Malaysia, 2023

1.	Kelantan	15,333.0 tan metrik (30.0%)
2.	Pahang	13,152.2 tan metrik (25.7%)
3.	Johor	8,887.2 tan metrik (17.4%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan kuantiti jualan tertinggi, 9,513.6 tan metrik (18.6%), diikuti Bachok, Kelantan, 7,993.2 tan metrik (15.6%) dan Kota Tinggi, Johor, 2,549.7 tan metrik (5.0%). Pegangan pertanian individu Bachok, Kelantan merekodkan kuantiti jualan tertinggi, 7,993.2 tan metrik (22.2%), diikuti Cameron Highlands, Pahang, 4,682.9 tan metrik (13.0%) dan Pasir Puteh, Kelantan, 2,046.7 tan metrik (5.7%). Cameron Highlands, Pahang, turut merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 4,830.7 tan metrik (31.8%), diikuti Batu Pahat, Johor, 1,263.7 tan metrik (8.3%) dan Bentong, Pahang, 980.9 tan metrik (6.5%).

### Paparan 71: Tiga Daerah Teratas bagi Kuantiti Jualan, Malaysia, 2023

1.	Cameron Highlands	9,513.6 tan metrik (18.6%)
2.	Bachok	7,993.2 tan metrik (15.6%)
3.	Kota Tinggi	2,549.7 tan metrik (5.0%)

## 6.6 Nilai Jualan

Keseluruhan nilai jualan bagi penanaman terung merekodkan RM418,90 juta. Kelantan merekodkan nilai jualan tertinggi dengan RM154.38 juta (36.9%), diikuti Johor, RM70.10 juta (16.7%) dan Pahang, RM68.62 juta (16.4%). Kelantan turut merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu, RM147.29 juta (44.8%), diikuti Johor, RM49.47 juta (15.1%) dan Pahang, RM34.79 juta (9.3%). Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Pahang merekodkan nilai jualan tertinggi, RM33.82 juta (37.5%), diikuti Johor, RM20.63 juta (22.9%) dan Negeri Sembilan, RM10.65 juta (11.8%).

### Paparan 72: Tiga Negeri Teratas bagi Nilai Jualan, Malaysia, 2023

1.	Kelantan	RM154.38 juta (36.9%)
2.	Johor	RM70.10 juta (16.7%)
3.	Pahang	RM68.62 juta (16.4%)

Bachok, Kelantan mencatatkan nilai jualan tertinggi, RM90.65 juta (21.6%), diikuti Cameron Highlands, Pahang, RM49.68 juta (11.9%) dan Pasir Puteh, RM22.26 juta (5.3%). Bachok, Kelantan turut merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu dengan RM90.65 juta (27.6%), diikuti Cameron Highlands, Pahang, RM26.77 juta (8.1%) dan Pasir Puteh, Kelantan RM22.15 juta (6.7%). Cameron Highlands, Pahang merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan, RM22.91 juta (25.4%), diikuti Batu Pahat, Johor, RM8.70 juta (9.6%) dan Jempol, Negeri Sembilan, RM4.69 juta (5.2%).

### Paparan 73: Tiga Daerah Teratas bagi Nilai Jualan, Malaysia, 2023

1.	Bachok	RM90.65 juta (21.6%)
2.	Cameron Highlands	RM49.68 juta (11.9%)
3.	Pasir Puteh	RM22.26 juta (5.3%)

## 6.7 Produktiviti

Produktiviti terung di Malaysia mencatatkan 16.3 tan metrik per hektar pada tahun 2023. Pegangan pertanian individu merekodkan produktiviti 15.5 tan metrik per hektar, manakala pegangan pertanian pertubuhan pula 18.5 tan metrik per hektar. Kelantan merekodkan produktiviti tertinggi (25.3 tan metrik/hektar), diikuti Selangor (20.1 tan metrik/hektar) dan Pahang (19.0 tan metrik/hektar).

### Paparan 74: Tiga Negeri Teratas bagi Produktiviti, Malaysia, 2023

1.	Kelantan	25.3 tan metrik/hektar
2.	Selangor	20.1 tan metrik/hektar
3.	Pahang	19.0 tan metrik/hektar



## 6. PENANAMAN KUBIS



**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**



## 1. PENGENALAN

Kubis (*Brassica Oleraceae var. Capitata*), sayuran yang popular di Malaysia. Permintaan terhadap sayur kubis di pasaran tempatan sentiasa tinggi jika dibandingkan dengan sayuran hijau lain. Salah satu kelebihan kubis ialah kubis tahan disimpan dalam tempoh yang lama serta mudah diangkut ke kawasan yang lebih jauh untuk dipasarkan. Kebiasaannya, kubis banyak ditanam di kawasan tanah tinggi. Namun begitu, terdapat juga beberapa varieti kubis yang sesuai dan boleh ditanam di kawasan tanah rendah dan pamah (Jabatan Pertanian Malaysia, 2007).

## 2. JENIS - JENIS KUBIS

Terdapat beberapa jenis kubis yang dikomersilkan, termasuk kubis bulat, kubis bunga dan kubis cina. Kubis popular dalam kalangan petani kerana nilai ekonominya yang baik, tempoh penanaman yang sederhana, serta kegunaannya yang meluas dalam masakan tempatan dan industri pemprosesan makanan.

### Paparan 75: Varieti Kubis, Malaysia



Kubis Bulat  
(*Brassica oleracea var. capitata*)



Kubis Cina  
(*Brassica rapa subsp. pekinensis*)



Kubis Bunga  
(*Brassica oleracea var. botrytis*)

### 3. PENGGUNAAN PER KAPITA (PCC), KADAR SARA DIRI (SSR) DAN KADAR KEBERGANTUNGAN IMPORT (IDR) BAGI PENANAMAN KUBIS

Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia 2023 menunjukkan Penggunaan per Kapita (*Per Capita Consumption* - PCC) kubis tertinggi direkodkan pada tahun 2022, 7.6 kg/tahun, manakala tahun 2019 mencatatkan PCC terendah (5.7 kg/tahun).

Kadar Sara Diri (*Self Sufficient Ratio* - SSR) bagi tahun 2022 mencatatkan SSR tertinggi dengan 45.6% peratus dan terendah pada tahun 2020, (37.5%).

Kadar Kebergantungan Import (*Import Dependency Ratio* - IDR) kubis bagi tahun 2020 merekodkan peratusan tertinggi iaitu 63.6 peratus, manakala tahun 2022 mencatatkan IDR terendah (55.5%).

**Jadual 16: Penggunaan Per Kapita (PCC), Kadar Sara Diri (SSR) dan Kadar Kebergantungan Import (IDR) Tahunan, Malaysia, 2019-2023**

Tahun	IDR (%)	PCC (kg/tahun)	SSR (%)
2019	60.9	5.7	40.5
2020	63.6	6.3	37.5
2021	61.3	6.6	40.3
2022	55.5	7.6	45.6
2023*	60.5	7.5	41.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: \* Tahun 2023 adalah berdasarkan data anggaran

### 4. PERDAGANGAN KUBIS


#### 4.1 Eksport Kubis

Merujuk Statistik Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, 2023 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024), kuantiti eksport kubis menunjukkan peningkatan, 37.7 peratus daripada 2,778.2 tan metrik pada tahun 2022, kepada 3,825.3 tan metrik pada tahun 2023. Tahun 2023 merekodkan kuantiti eksport kubis tertinggi (3,825.3 tan metrik) dan 2015 merekodkan kuantiti eksport terendah (1,058.7 tan metrik).

## 4.2 Import Kubis

Import kubis menunjukkan peningkatan, 146,331.9 tan metrik kepada 160,563.7 tan metrik pada tahun 2023 berbanding pada tahun 2022. Kuantiti import kubis tertinggi direkodkan pada 2023, 160,563.7 tan metrik, manakala tahun 2010 mencatatkan import terendah (36,963.2 tan metrik).

**Carta 8: Kuantiti Import dan Eksport Tahunan, Malaysia, 2010-2023**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 5. NEGARA PERDAGANGAN UTAMA KUBIS MALAYSIA, 2023

### 5.1 Eksport Utama Kubis Malaysia

Eksport kubis Malaysia pada tahun 2023 adalah, 13,394.4 tan metrik. Tiga negara destinasi utama eksport Malaysia adalah Singapore, 13,087.3 tan metrik, mewakili 97.7 peratus daripada jumlah kuantiti eksport kubis, Brunei Darussalam 301.8 tan metrik (2.3%) dan Thailand 5.3 tan metrik. Nilai eksport tertinggi kubis Malaysia adalah ke Singapore dengan RM39.84 juta, diikuti Brunei Darussalam, RM441.26 ribu dan Thailand, RM3.58 ribu.

**Jadual 17: Tiga Negara Destinasi Eksport Utama Kubis, Malaysia 2023**

Negara	Eksport (tan metrik)	Peratus Sumbangan Eksport (%)	Nilai Eksport (RM)
Singapore	13,087.3	97.7	39,840,657
Brunei Darussalam	301.8	2.3	441,258
Thailand	5.3	0.04	3,575

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023

## 5.2 Import Utama Kubis Malaysia

Malaysia mengimport 253,939 tan metrik kubis pada tahun 2023 daripada China, 245,586.4 tan metrik (96.0) diikuti Thailand, 6,057.6 tan metrik (2.4%) dan Indonesia, 2,295.0 tan metrik (0.9%). Nilai import tertinggi kubis Malaysia adalah dari China dengan RM479.94 juta, diikuti Thailand, RM 5.85 juta dan Indonesia, RM3.48 juta.

**Jadual 18: Tiga Negara Import Utama Kubis ke Malaysia, 2023**


Negara	Import (tan metrik)	Peratus Sumbangan Import (%)	Nilai Import (RM)
China	245,586.4	96.0	478,938,184
Thailand	6,057.6	2.4	5,847,551
Indonesia	2,295.0	0.9	3,478,642

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023

## 6. PARAMETER UTAMA TANAMAN KUBIS

Parameter utama penanaman kubis seperti keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, nilai jualan dan produktiviti per hektar mampu memberikan gambaran komprehensif bagi perancangan strategik, peningkatan produktiviti, serta penyusunan dasar pertanian yang holistik.

**Paparan 76: Parameter Utama Tanaman Kubis, Malaysia, 2023**



### 6.1 Pegangan Pertanian

Malaysia merekodkan 1,466 pegangan pertanian bagi penanaman kubis yang merangkumi 1,319 pegangan pertanian individu (90.0%) dan 147 pegangan pertanian pertubuhan (8.9%). Sabah merekodkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 722 (49.2%), diikuti Pahang, 592 (40.4%) dan Terengganu, 49 (3.3%). Ranau, Sabah mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi, 648 (44.2%), diikuti Cameron Highlands, Pahang, 579 (39.5%) dan Kinabatangan, Sabah, 34 (2.3%).

## 6.2 Keluasan Bertanam

Keseluruhan keluasan bertanam bagi penanaman kubis merekodkan 4,001.6 hektar. Pahang merekodkan keluasan bertanam terbesar dengan 2,936.3 hektar (73.4%), diikuti Sabah, 826.4 hektar (20.7%) dan Johor, 93.3 hektar (2.3%). Pahang turut merekodkan keluasan bertanam terbesar bagi pegangan pertanian individu, 2,006.4 hektar (74.2%), diikuti Sabah, 665.8 hektar (24.6%) dan Johor, 11.9 hektar (0.4%). Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Pahang merekodkan keluasan bertanam terbesar, 929.8 hektar (71.7%), diikuti Sabah, 160.6 hektar (12.4%) dan Johor, 81.3 hektar (6.3%).

### Paparan 77: Tiga Negeri Teratas bagi Keluasan Bertanam, Malaysia, 2023

1.	Pahang	2,936.3 hektar (73.4%)
2.	Sabah	826.4 hektar (20.7%)
3.	Johor	93.3 hektar (2.3%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan keluasan bertanam terbesar, 2,927.7 hektar (73.2%), diikuti Ranau, Sabah, 814.4 hektar (20.4%) dan Batu Pahat, Johor, 82.5 hektar (2.1%). Pegangan pertanian individu Cameron Highlands, Pahang merekodkan keluasan bertanam terbesar, 2,002.7 hektar (74.0%), diikuti Ranau, Sabah, 654.6 hektar (24.2%) dan Batu Pahat, Johor, 10.2 hektar (0.4%). Cameron Highlands, Pahang turut merekodkan keluasan bertanam terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 925.0 hektar (71.3%), diikuti Ranau, Sabah, 159.8 hektar (12.3%) dan Batu Pahat, Johor, 72.3 hektar (5.6%).

### Paparan 78: Tiga Daerah Teratas bagi Keluasan Bertanam, Malaysia, 2023

1.	Cameron Highlands	2,927.7 hektar (73.2%)
2.	Ranau	814.4 hektar (20.4%)
3.	Batu Pahat	82.5 hektar (2.1%)

### 6.3 Keluasan Bertuai

Keseluruhan keluasan bertuai bagi penanaman kubis merekodkan 3,982.8 hektar. Pahang merekodkan keluasan bertuai terbesar dengan 2,930.3 hektar (73.6%), diikuti Sabah, 823.7 hektar (20.7%) dan Johor, 84.2 hektar (2.1%). Pegangan pertanian individu Pahang merekodkan keluasan bertuai terbesar, 2,000.5 hektar (74.2%), diikuti Sabah, 663.3 hektar (24.6%) dan Johor, 11.9 hektar (0.4%). Pahang merekodkan keluasan bertuai terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan, 929.8 hektar (72.2%), diikuti Sabah, 160.5 hektar (12.5%) dan Johor, 72.3 hektar (5.6%).

#### Paparan 79: Tiga Negeri Teratas bagi Keluasan Bertuai, Malaysia, 2023

1.	Pahang	2,930.3 hektar (73.6%)
2.	Sabah	823.7 hektar (20.7%)
3.	Johor	84.2 hektar (2.1%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan keluasan bertuai terbesar, 2,921.7 hektar (73.4%), diikuti Ranau, Sabah, 812.2 hektar (20.4%) dan Batu Pahat, Johor, 75.2 hektar (1.9%). Pegangan pertanian individu Cameron Highlands, Pahang merekodkan keluasan bertuai terbesar, 1,996.8 hektar (74.1%), diikuti Ranau, Sabah, 652.4 hektar (24.2%) dan Batu Pahat, Johor, 10.2 hektar (0.4%). Cameron Highlands, Pahang turut merekodkan keluasan bertuai terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 925.0 hektar (71.9%), diikuti Ranau, Sabah, 159.8 hektar (12.4%) dan Batu Pahat, Johor, 65.0 hektar (5.0%).

#### Paparan 80: Tiga Daerah Teratas bagi Keluasan Bertuai, Malaysia, 2023

1.	Cameron Highlands	2,921.7 hektar (73.4%)
2.	Ranau	812.2 hektar (20.4%)
3.	Batu Pahat	75.2 hektar (1.9%)

## 6.4 Kuantiti Pengeluaran

Keseluruhan kuantiti pengeluaran bagi penanaman kubis merekodkan 99,818.8 tan metrik. Pahang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan 76,477.3 tan metrik (76.6%), diikuti Sabah, 18,247.7 tan metrik (18.3%) dan Johor, 1,729.6 tan metrik (1.7%). Pahang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian individu, 54,431.9 tan metrik (79.9%), diikuti Sabah, 13,001.5 tan metrik (19.1%) dan Johor, 241.5 tan metrik (0.4%). Kuantiti pengeluaran kubis tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan mencakupi tiga negeri iaitu Pahang, 22,045.4 tan metrik (69.6%), diikuti Sabah, 5,246.2 tan metrik (16.6%) dan Johor, 1,488.1 tan metrik (4.7%).

### Paparan 81: Tiga Negeri Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran, Malaysia, 2023

1.	Pahang	76,477.3 tan metrik (76.6%)
2.	Sabah	18,247.7 tan metrik (18.3%)
3.	Johor	1,729.6 tan metrik (1.7%)

Cameron Highlands, Pahang merekodkan kuantiti pengeluaran kubis tertinggi, 76,286.1 tan metrik (76.4%), diikuti Ranau, Sabah 18,064.0 tan metrik (18.1%) dan Batu Pahat, Johor, 1,531.8 tan metrik (1.5%). Pegangan pertanian individu Cameron Highlands, Pahang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi, 54,356.9 tan metrik (79.7%), diikuti Ranau, Sabah, 12,834.0 tan metrik (18.8%) dan Batu Pahat, Johor, 208.3 tan metrik (0.3%). Cameron Highlands, Pahang turut mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 21,929.3 tan metrik (69.3%), diikuti Ranau, Sabah, 5,230.0 tan metrik (16.5%) dan Batu Pahat, Johor, 1,323.5 tan metrik (4.2%).

### Paparan 82: Tiga Daerah Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran, Malaysia, 2023

1.	Cameron Highlands	76,286.1 tan metrik (76.4%)
2.	Ranau	18,064.0 tan metrik (18.1%)
3.	Batu Pahat	1,531.8 tan metrik (1.5%)

## 6.5 Kuantiti Jualan

Keseluruhan kuantiti jualan bagi penanaman kubis merekodkan 99,657.1 tan metrik. Pahang merekodkan kuantiti jualan tertinggi dengan 76,393.5 tan metrik (76.7%), diikuti Sabah, 18,177.9 tan metrik (18.2%) dan Johor, 1,729.5 tan metrik (1.7%). Pahang merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu, 54,361.8 tan metrik (79.9%), diikuti Sabah, 12,933.2 tan metrik (19.0%) dan Johor, 241.4 tan metrik (0.4%). Pahang, Sabah dan Johor merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan masing-masing 22,031.8 tan metrik (69.6%), 5,244.7 tan metrik (16.6%) dan 1,488.1 tan metrik (4.7%).

### Paparan 83: Tiga Negeri Teratas bagi Kuantiti Jualan, Malaysia, 2023

1.	Pahang	76,393.5 tan metrik (76.7%)
2.	Sabah	18,177.9 tan metrik (18.2%)
3.	Johor	1,729.5 tan metrik (1.7%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan kuantiti jualan tertinggi, 76,202.4 tan metrik (76.5%), diikuti Ranau, Sabah, 17,998.0 tan metrik (18.1%) dan Batu Pahat, Johor, 1,531.8 tan metrik (1.5%). Pegangan pertanian individu Cameron Highlands, Pahang merekodkan kuantiti jualan tertinggi, 54,286.7 tan metrik (79.8%), diikuti Ranau, Sabah, 12,769.1 tan metrik (18.8%) dan Batu Pahat, Johor, 208.3 tan metrik (0.3%). Cameron Highlands, Pahang, turut merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 21,915.7 tan metrik (69.3%), diikuti Ranau, Sabah, 5,228.8 tan metrik (16.5%) dan Batu Pahat, Johor, 1,323.5 tan metrik (4.2%).

### Paparan 84: Tiga Daerah Teratas bagi Kuantiti Jualan, Malaysia, 2023

1.	Cameron Highlands	76,202.4 tan metrik (76.5%)
2.	Ranau	17,998.0 tan metrik (18.1%)
3.	Batu Pahat	1,531.8 tan metrik (1.5%)



## 6.6 Nilai Jualan

Keseluruhan nilai jualan bagi penanaman kubis merekodkan RM463.70 juta. Pahang merekodkan nilai jualan tertinggi dengan RM366.86 juta (79.1%), diikuti Sabah, RM72.34 juta (15.6%) dan Johor, RM8.27 juta (1.8%). Pahang turut merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu, RM254.28 juta (82.6%), diikuti Sabah, RM50.16 juta (16.3%) dan Johor, RM1.10 juta (0.4%). Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Pahang merekodkan nilai jualan tertinggi, RM112.58 juta (72.2%), diikuti Sabah, RM22.18 juta (14.2%) dan Johor, RM7.17 juta (4.6%).

### Paparan 85: Tiga Negeri Teratas bagi Nilai Jualan, Malaysia, 2023

1.	Pahang	RM366.86 juta (79.1%)
2.	Sabah	RM72.34 juta (15.6%)
3.	Johor	RM8.27 juta (1.8%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan nilai jualan tertinggi, RM365.88 juta (78.9%), diikuti Ranau, Sabah, RM71.52 juta (15.4%) dan Batu Pahat, Johor, RM6.93 juta (1.5%). Cameron Highlands, Pahang turut merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu dengan RM253.93 juta (82.5%), diikuti Ranau, Sabah, RM49.42 juta (16.1%) dan Batu Pahat, Johor, 0.89 juta (0.3%). Cameron Highlands, Pahang, merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan, RM111.95 juta (71.8%), diikuti Ranau, Sabah, RM22.10 juta (14.2%) dan Batu Pahat, Johor, RM6.03 juta (3.9%).

### Paparan 86: Tiga Daerah Teratas bagi Nilai Jualan, Malaysia, 2023

1.	Cameron Highlands	RM365.88 juta (78.9%)
2.	Ranau	RM71.5 juta (15.4%)
3.	Batu Pahat	RM6.93 juta (1.5%)

## 6.7 Produktiviti

Produktiviti kubis di Malaysia mencatatkan 25.1 tan metrik per hektar pada tahun 2023. Pegangan pertanian individu merekodkan produktiviti 25.3 tan metrik per hektar, manakala pegangan pertanian pertubuhan pula 24.6 tan metrik per hektar. Pulau Pinang merekodkan produktiviti tertinggi (44.6 tan metrik/hektar), diikuti Perak (31.6 tan metrik/hektar) dan Terengganu (31.4 tan metrik/hektar).

### Paparan 87: Tiga Negeri Teratas bagi Produktiviti, Malaysia, 2023

1.	Pulau Pinang	44.6 tan metrik/hektar
2.	Perak	31.6 tan metrik/hektar
3.	Terengganu	31.4 tan metrik/hektar



## 7. PENANAMAN TOMATO



**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

## 1. PENGENALAN

*Solanum lycopersicum* atau lebih dikenali sebagai tomato adalah tumbuhan yang popular dan mendapat permintaan tinggi daripada pasaran tempatan dan asing. Ia adalah salah satu sayur yang paling popular dan banyak ditanam di seluruh dunia. Tomato yang berada di bawah kategori keluarga *Solanaceae* ialah sejenis sayur jenis buah yang mempunyai jangka hayat yang singkat. Ia berasal dari Amerika Selatan dan kini penanamannya telah menjadi meluas di semua negeri beriklim tropika. (Jabatan Pertanian Malaysia, 1998).

## 2. JENIS-JENIS TOMATO

Jenis tomato yang popular di Malaysia adalah jenis bulat, bujur dan jenis bersudut. Tomato ceri, tomato rom, tomato *beefsteak*, tomato *heirloom* dan tomato *campari* adalah antara jenis tomato yang popular dalam kalangan pengusaha tomato di Malaysia. Jenis ini dipilih berdasarkan ciri-ciri seperti saiz buah, rasa dan ketahanan terhadap cuaca.

### Paparan 88: Varieti Tomato, Malaysia



Tomato Ceri  
(*Solanum lycopersicum*  
var. 'Cherry')



Tomato Rom  
(*Solanum lycopersicum*  
var. 'Roma')



Tomato Beefsteak  
(*Solanum lycopersicum*  
var. 'Beefsteak')



Tomato Campari  
(*Solanum lycopersicum* var.  
'Campari')



Tomato Heirloom  
(*Solanum lycopersicum* var.  
'Brandywine')

### 3. PENGGUNAAN PER KAPITA (PCC), KADAR SARA DIRI (SSR) DAN KADAR KEBERGANTUNGAN IMPORT (IDR) BAGI TANAMAN TOMATO

Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia 2023 menunjukkan Penggunaan per Kapita (*Per Capita Consumption - PCC*) tomato tertinggi direkodkan pada tahun 2022, 4.4 kg/tahun, manakala tahun 2019 mencatatkan PCC terendah (3.6 kg/tahun).

Kadar Sara Diri (*Self Sufficient Ratio - SSR*) bagi tahun 2019 mencatatkan SSR tertinggi dengan 131.2 peratus dan terendah pada tahun 2023 (117.3%).

Kadar kebergantungan import (*Import Dependency Ratio - IDR*) tomato bagi tahun 2021 mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 4.4 peratus, manakala tahun 2020 mencatatkan IDR terendah (1.0%).

**Jadual 19: Penggunaan Per Kapita (PCC), Kadar Sara Diri (SSR) dan Kadar Kebergantungan Import (IDR) Tahunan, Malaysia, 2019-2023**

Tahun	PCC (kg/tahun)	SSR (%)	IDR (%)
2019	3.6	131.2	1.3
2020	4.2	123.7	1.0
2021	4.2	118.9	4.4
2022	4.4	118.0	3.5
2023*	4.2	117.3	4.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: \* Tahun 2023 adalah berdasarkan data anggaran

## 4. PERDAGANGAN TOMATO

### 4.1 Eksport Tomato

Merujuk Statistik Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, 2023 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024), kuantiti eksport tomato menunjukkan penurunan, 35,425.6 tan metrik kepada 34,754.0 tan metrik pada tahun 2023 berbanding pada tahun 2022. Tahun 2016 merekodkan kuantiti eksport tomato tertinggi, 51,110.4 tan metrik dan 2010 merekodkan eksport terendah (31,410.1 tan metrik).

### 4.2 Import Tomato

Import tomato menunjukkan peningkatan, 5,742.1 tan metrik kepada 6,899.1 tan metrik pada tahun 2023 berbanding pada tahun 2022. Kuantiti import tomato tertinggi direkodkan pada 2023, 6,899.1 tan metrik, manakala tahun 2013 mencatatkan import terendah (1,543.0 tan metrik).

**Carta 9: Kuantiti Import dan Eksport Tahunan, Malaysia, 2010-2023**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 5. NEGARA PERDAGANGAN UTAMA TOMATO MALAYSIA, 2023

### 5.1 Eksport Utama Tomato Malaysia

Eksport tomato Malaysia pada tahun 2023 adalah 34,754.0 tan metrik. Tiga negara destinasi utama eksport Malaysia adalah Singapore, 33,942.1 tan metrik, mewakili 97.7 peratus daripada jumlah kuantiti eksport tomato, United Arab Emirates, 284.0 tan metrik (0.8%), dan Brunei Darussalam, 282.9 tan metrik (0.8%). Nilai eksport tertinggi tomato Malaysia adalah ke Singapore dengan RM115.2 juta, diikuti United Arab Emirates (RM1.1 juta) dan Brunei Darussalam (RM607.8 ribu).

**Jadual 20: Tiga Negara Destinasi Eksport Tomato, Malaysia, 2023**

Negara	Eksport (tan metrik)	Peratus sumbangan eksport (%)	Nilai eksport (RM)
Singapore	33,942.1	97.7	115,188,332
United Arab Emirates	284.0	0.8	1,116,233
Brunei Darussalam	282.9	0.8	607,813

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### 5.2 Import Utama Tomato Malaysia

Malaysia mengimport 6,899.1 tan metrik tomato pada tahun 2023 daripada Thailand, 4,904.2 tan metrik (71.1%) , diikuti Australia, 1,245.9 tan metrik (18.1%), Bangladesh, 258.0 tan metrik (3.7%), Vietnam, 184.9 tan metrik (2.7%) dan China, 137.2 tan metrik (2.0%). Nilai import tertinggi tomato Malaysia adalah dari Australia dengan RM8.3 juta, diikuti Thailand (RM5.1 juta), China (RM1.1 juta), Bangladesh dan Vietnam masing-masing RM832.1 ribu dan RM799.4 ribu.

**Jadual 21: Lima Negara Import Utama Tomato ke Malaysia, 2023**

Negara	Import (tan metrik)	Peratus sumbangan import (%)	Nilai import (RM)
Thailand	4,904.2	71.1	5,062,840
Australia	1,245.9	18.1	8,323,011
Bangladesh	258.0	3.7	832,069
Vietnam	184.9	2.7	799,369
China	137.2	2.0	1,084,243


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



## 6. PARAMETER UTAMA TANAMAN TOMATO

Parameter utama penanaman tomato seperti keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, nilai jualan dan produktiviti per hektar mampu memberikan gambaran komprehensif bagi perancangan strategik, peningkatan produktiviti, serta penyusunan dasar pertanian yang holistik.

### Paparan 89: Parameter Utama Tanaman Tomato, Malaysia, 2023



### 6.1 Pegangan Pertanian

Malaysia merekodkan 1,159 pegangan pertanian bagi penanaman tomato yang merangkumi 861 pegangan pertanian individu (74.3%) dan 298 pegangan pertanian pertubuhan (25.7%). Sabah merekodkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 407 (35.1%), diikuti Pahang, 357 (30.8%) dan Kelantan, 179 (15.4%). Cameron Highlands, Pahang mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi, 337 (29.1%), diikuti Ranau, Sabah, 275 (23.7%) dan Kecil Lojing, Kelantan 93 (8.0%).

### 6.2 Keluasan Bertanam

Keseluruhan keluasan bertanam bagi penanaman tomato merekodkan 5,170.0 hektar. Pahang merekodkan keluasan bertanam terbesar dengan 3,458.8 hektar (66.9%), diikuti Kelantan, 1,281.8 hektar (24.8%) dan Sabah, 212.1 hektar (4.1%). Pahang turut merekodkan keluasan bertanam terbesar bagi pegangan pertanian individu, 1,629.2 hektar (76.2%), diikuti Kelantan, 287.9 hektar (13.5%) dan Sabah, 190.5 hektar (8.9%). Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Pahang merekodkan keluasan bertanam terbesar, 1,829.5 hektar (60.3%), diikuti Kelantan, 993.9 hektar (32.8%) dan Perak, 123.1 hektar (4.1%).

### Paparan 90: Tiga Negeri Teratas bagi Keluasan Bertanam, Malaysia, 2023

1.	Pahang	3,458.8 hektar (66.9%)
2.	Kelantan	1,281.8 hektar (24.8%)
3.	Sabah	212.1 hektar (4.1%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan keluasan bertanam terbesar, 3,357.0 hektar (64.9%), diikuti Kecil Lojing, Kelantan, 1,207.2 hektar (23.4%) dan Ranau, Sabah, 174.7 hektar (3.4%). Pegangan pertanian individu Cameron Highlands, Pahang merekodkan keluasan bertanam terbesar, 1,617.2 hektar (75.6%), diikuti Kecil Lojing, Kelantan, 213.4 hektar (10.0%) dan Ranau, Sabah, 164.0 hektar (7.7%). Cameron Highlands, Pahang turut merekodkan keluasan bertanam terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 1,739.8 hektar (57.4%), diikuti Kecil Lojing, Kelantan, 993.8 hektar (32.8%) dan Kinta, Perak, 104.0 hektar (3.4%).

**Paparan 91: Tiga Daerah Teratas bagi Keluasan Bertanam, Malaysia, 2023**

1.	Cameron Highlands	3,357.0 hektar (64.9%)
2.	Kecil Lojing	1,207.2 hektar (23.4%)
3.	Ranau	174.7 hektar (3.4%)

**6.3 Keluasan Bertuai**

Keseluruhan keluasan bertuai bagi penanaman tomato merekodkan 5,154.7 hektar. Pahang merekodkan keluasan bertuai terbesar dengan 3,458.3 hektar (67.1%), diikuti Kelantan, 1,278.1 hektar (24.8%) dan Sabah, 209.3 hektar (4.1%). Pegangan pertanian individu Pahang merekodkan keluasan bertuai terbesar, 1,629.2 hektar (76.5%), diikuti Kelantan, 284.2 hektar (13.3%) dan Sabah, 187.7 hektar (8.8%). Pahang merekodkan keluasan bertuai terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan, 1,829.1 hektar (60.5%), diikuti Kelantan, 993.9 hektar (32.9%) dan Perak, 123.1 hektar (4.1%).

**Paparan 92: Tiga Negeri Teratas bagi Keluasan Bertuai, Malaysia, 2023**

1.	Pahang	3,458.3 hektar (67.1%)
2.	Kelantan	1,278.1 hektar (24.8%)
3.	Sabah	209.3 hektar (4.1%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan keluasan bertuai terbesar, 3,356.5 hektar (65.1%), diikuti Kecil Lojing, Kelantan, 1,206.2 hektar (23.4%) dan Ranau, Sabah, 173.9 hektar (3.4%). Pegangan pertanian individu Cameron Highlands, Pahang merekodkan keluasan bertuai terbesar, 1,617.2 hektar (75.9%), diikuti Kecil Lojing, Kelantan, 212.4 hektar (10.0%) dan Ranau, Sabah, 163.2 hektar (7.7%). Cameron Highlands, Pahang turut merekodkan keluasan bertuai terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 1,739.3 hektar (57.5%), diikuti Kecil Lojing, Kelantan, 993.8 hektar (32.9%) dan Kinta, Perak, 104.0 hektar (3.4%).

**Paparan 93: Tiga Daerah Teratas bagi Keluasan Bertuai, Malaysia, 2023**

1.	Cameron Highlands	3,356.5 hektar (65.1%)
2.	Kecil Lojing	1,206.2 hektar (23.4%)
3.	Ranau	173.9 hektar (3.4%)

**6.4 Kuantiti Pengeluaran**

Keseluruhan kuantiti pengeluaran bagi penanaman tomato merekodkan 253,565.0 tan metrik. Pahang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan 156,062.5 tan metrik (61.5%), diikuti Kelantan, 84,543.4 tan metrik (33.3%) dan Perak, 6,134.5 tan metrik (2.4%). Pahang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian individu, 46,057.9 tan metrik (73.5%), diikuti Kelantan, 13,556.0 tan metrik (21.6%) dan Sabah, 2,076.9 tan metrik (3.3%). Kuantiti pengeluaran tomato tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan mencakupi tiga negeri iaitu Pahang, 110,004.6 tan metrik (57.6%), diikuti Kelantan, 70,987.4 tan metrik (37.2%) dan Perak, 5,975.4 tan metrik (3.1%).

**Paparan 94: Tiga Negeri Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran, Malaysia, 2023**

1.	Pahang	156,062.5 tan metrik (61.5%)
2.	Kelantan	84,543.4 tan metrik (33.3%)
3.	Perak	6,134.5 tan metrik (2.4%)

Cameron Highlands, Pahang merekodkan kuantiti pengeluaran tomato tertinggi, 149,647.2 tan metrik (59.0%), diikuti Kecil Lojing, Kelantan, 83,480.7 tan metrik (32.9%) dan Bentong, Pahang, 6,081.7 tan metrik (2.4%). Pegangan pertanian individu Cameron Highlands, Pahang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi, 45,376.3 tan metrik (72.4%), diikuti Kecil Lojing, Kelantan, 12,495.2 tan metrik (19.9%) dan Ranau, Sabah, 1,577.2 tan metrik (2.5%). Cameron Highlands, Pahang turut mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 104,270.9 tan metrik (54.6%), diikuti Kecil Lojing, Kelantan, 70,985.5 tan metrik (37.2%) dan Bentong, Pahang, 5,448.7 tan metrik (2.9%).

**Paparan 95: Tiga Daerah Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran, Malaysia, 2023**

1.	Cameron Highlands	149,647.2 tan metrik (59.0%)
2.	Kecil Lojing	83,480.7 tan metrik (32.9%)
3.	Bentong	6,081.7 tan metrik (2.4%)

**6.5 Kuantiti Jualan**

Keseluruhan kuantiti jualan bagi penanaman tomato merekodkan 251,335.8 tan metrik. Pahang merekodkan kuantiti jualan tertinggi dengan 155,984.6 tan metrik (62.1%), diikuti Kelantan, 82,514.2 tan metrik (32.8%) dan Perak, 6,134.0 tan metrik (2.4%). Pahang merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu, 45,986.1 tan metrik (74.0%), diikuti Kelantan, 13,267.8 tan metrik (21.3%) dan Sabah, 1,992.2 tan metrik (3.2%). Pahang, Kelantan dan Perak merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan masing-masing 109,998.5 tan metrik (58.2%), 69,246.3 tan metrik (36.6%) dan 5,975.4 tan metrik (3.2%).

**Paparan 96: Tiga Negeri Teratas bagi Kuantiti Jualan, Malaysia, 2023**

1.	Pahang	155,984.6 tan metrik (62.1%)
2.	Kelantan	82,514.2 tan metrik (32.8%)
3.	Perak	6,134.0 tan metrik (2.4%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan kuantiti jualan tertinggi, 149,569.8 tan metrik (59.5%), diikuti Kecil Lojing, Kelantan, 81,497.2 tan metrik (32.4%) dan Bentong, Pahang, 6,081.7 tan metrik (2.4%). Pegangan pertanian individu Cameron Highlands, Pahang merekodkan kuantiti jualan tertinggi, 45,305.0 tan metrik (30.3%), diikuti Kecil Lojing, Kelantan, 12,252.8 tan metrik (19.7%) dan Ranau, Sabah, 1,518.2 tan metrik (2.4%). Cameron Highlands, Pahang, turut merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 104,264.8 tan metrik (55.1%), diikuti Kecil Lojing, Kelantan, 69,244.4 tan metrik (36.6%) dan Bentong, Pahang, 5,448.7 tan metrik (2.9%).

**Paparan 97: Tiga Daerah Teratas bagi Kuantiti Jualan, Malaysia, 2023**

1.	Cameron Highlands	149,569.8 tan metrik (59.5%)
2.	Kecil Lojing	81,497.2 tan metrik (32.4%)
3.	Bentong	6,081.7 tan metrik (2.4%)

**6.6 Nilai Jualan**

Keseluruhan nilai jualan bagi penanaman tomato merekodkan RM1.56 billion. Pahang merekodkan nilai jualan tertinggi dengan RM924.35 juta (59.2%), diikuti Kelantan, RM552.77 juta (35.4%) dan Perak, RM43.03 juta (2.8%). Pahang turut merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu, RM273.26 juta (71.5%), diikuti Kelantan, RM89.83 juta (23.5%) dan Sabah, RM13.06 juta (3.4%). Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Pahang merekodkan nilai jualan tertinggi, RM651.09 juta (55.3%), diikuti Kelantan, RM462.94 juta (39.3%) dan Perak, RM41.56 juta (3.5%).

**Paparan 98: Tiga Negeri Teratas bagi Nilai Jualan, Malaysia, 2023**

1.	Pahang	RM924.35 juta (59.2%)
2.	Kelantan	RM552.77 juta (35.4%)
3.	Perak	RM43.03 juta (2.8%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan nilai jualan tertinggi, RM879.08 juta (56.3%), diikuti Kecil Lojing, Kelantan, RM545.24 juta (34.9%) dan Bentong, Pahang, RM42.94 juta (2.8%). Cameron Highlands, Pahang merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu dengan RM268.45 juta (70.3%), diikuti Kecil Lojing, Kelantan, RM82.31 juta (21.5%) dan Ranau, Sabah, RM9.73 juta (2.5%). Cameron Highlands, Pahang turut merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan, RM610.63 juta (51.8%), diikuti Kecil Lojing, Kelantan, RM462.92 juta (39.3%) dan Bentong, Pahang, RM38.47 juta (3.3%).

**Paparan 99: Tiga Daerah Teratas bagi Nilai Jualan, Malaysia, 2023**


1.	Cameron Highlands	RM879.08 juta (56.3%)
2.	Kecil Lojing	RM545.24 juta (34.9%)
3.	Bentong	RM42.94 juta (2.8%)

## 6.7 Produktiviti

Produktiviti tomato di Malaysia mencatatkan 49.2 tan metrik per hektar pada tahun 2023. Pegangan pertanian individu merekodkan produktiviti 29.4 tan metrik per hektar, manakala pegangan pertanian pertubuhan pula 63.1 tan metrik per hektar. Kelantan merekodkan produktiviti tertinggi (66.2 tan metrik/hektar), diikuti Johor (49.9 tan metrik/hektar) dan Perak (48.3 tan metrik/hektar).

**Paparan 100: Tiga Negeri Teratas bagi Produktiviti, Malaysia, 2023**

1.	Kelantan	66.2 tan metrik/hektar
2.	Johor	49.9 tan metrik/hektar
3.	Perak	48.3 tan metrik/hektar



## 8. PENANAMAN UBI KAYU



**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**



## 1. PENGENALAN

Ubi kayu adalah tanaman yang terkenal sebagai sumber utama karbohidrat dan daunnya sebagai sayuran. Ia merupakan satu spesies tumbuhan tropika dan subtropika daripada keluarga *Euphorbiaceae* (Jabatan Pertanian, 2015).

Ubi kayu semakin mendapat perhatian sebagai alternatif sumber karbohidrat khususnya ketika negara berdepan isu kekurangan bekalan beras putih. Tanaman tropika ini telah lama menjadi sebahagian daripada diet rakyat Malaysia dan berpotensi besar untuk menyumbang kepada keterjaminan makanan negara. Data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melalui Penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia, 2019–2023 menunjukkan bahawa ubi kayu mempunyai Kadar Sara Diri (SSR) 99.6% pada tahun 2023, membuktikan pengeluaran domestik ubi kayu mencukupi untuk menampung keperluan tempatan tanpa kebergantungan kepada import. Cadangan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul, agar rakyat mempertimbangkan ubi kayu dalam pemakanan harian memperkukuhkan lagi kepentingan tanaman ini dalam konteks keselamatan makanan negara.

Dari sudut ekonomi, ubi kayu mempunyai nilai tambah yang tinggi melalui pemprosesan kepada produk seperti kanji, kerepek dan makanan sejuk beku yang boleh meningkatkan nilainya serta membuka peluang pekerjaan dalam sektor agroindustri. Kajian oleh Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2018 membuktikan bahawa penggunaan ubi kayu dalam makanan ternakan ayam boleh mengurangkan kos pengeluaran sebanyak 15 peratus. Selain itu, pucuk ubi kayu juga berperanan sebagai sayuran penting dalam diet rakyat Malaysia dan sering digunakan dalam hidangan tradisional seperti masak lemak cili padi, kerabu, sambal tempoyak dan dicelur untuk dimakan sebagai ulam.

Bagi memaksimumkan potensi ubi kayu, beberapa strategi perlu dilaksanakan termasuk penyelidikan varieti baharu yang lebih tahan penyakit dan sesuai dengan perubahan iklim. Di samping itu, bantuan kewangan dan teknologi akan memantapkan lagi industri pemprosesan ubi kayu dan menggalakkan inovasi produk. Melalui usaha bersepadu, ubi kayu berupaya menjadi komoditi penting dalam menyokong keterjaminan makanan Malaysia.

## 2. JENIS UBI KAYU

Jenis-jenis ubi kayu boleh dikenali dengan ciri-ciri tertentu. Umpamanya berdasarkan ciri morfologi seperti bentuk daun, saiz daun, warna tangkai daun, tinggi pokok, batang dan kulit ubi serta kandungan asid hidrosianik. Kandungan asid hidrosianik telah digunakan untuk mengelaskan ubi kayu jenis manis dan jenis pahit (Jabatan Pertanian, 2015).

### Paparan 101: Ubi Kayu



Ubi Kayu  
(*Manihot esculenta*)

## 3. PEMBEKALAN PENGGUNAAN PER KAPITA (PCC), KADAR SARA DIRI (SSR) DAN KADAR KEBERGANTUNGAN IMPORT (IDR) BAGI TANAMAN UBI KAYU

Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia 2023 menunjukkan Penggunaan Per Kapita (*Per Capita Consumption* - PCC) ubi kayu di Malaysia kekal tidak berubah dari tahun 2019 sehingga 2023 iaitu 0.1 kg/ tahun.

Kadar Sara Diri (*Self Sufficient Rate* - SSR) bagi tahun 2022 mencatatkan tertinggi dengan 100.5 peratus dan terendah pada tahun 2020 (98.4%).

Kadar Kebergantungan Import (*Import Dependency Ratio* - IDR) ubi kayu bagi tahun 2023 mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 3.0 peratus, manakala tahun 2019 mencatatkan IDR terendah (1.2%).

**Jadual 22: Penggunaan Per Kapita (PCC), Kadar Sara Diri (SSR), Kadar Kebergantungan Import (IDR), Tahunan, 2019-2023**

Tahun	PCC (kg/tahun)	SSR (%)	IDR (%)
2019	0.1	100.1	1.2
2020	0.1	98.4	2.9
2021	0.1	100.2	2.1
2022	0.1	100.5	2.0
2023*	0.1	99.6	3.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023

Nota: \* Tahun 2023 adalah berdasarkan data anggaran

## 4. PERDAGANGAN UBI KAYU


### 4.1 Eksport Ubi Kayu

Merujuk Statistik Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, 2023 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024), kuantiti eksport ubi kayu menunjukkan peningkatan dua digit 13.2 peratus daripada 1039.8 tan metrik pada tahun 2022, kepada 1176.6 tan metrik pada tahun 2023. Tahun 2023 merekodkan kuantiti eksport ubi kayu tertinggi, 1,176.6 tan metrik dan 2017 merekodkan kuantiti eksport terendah (475.6 tan metrik).

### 4.2 Import Ubi Kayu

Import ubi kayu menunjukkan penurunan, 1,001.8 tan metrik adalah 1,348.8 tan metrik, berbanding 2,350.6 tan metrik pada tahun 2015, dengan penurunan 1,001.8 tan metrik. Kuantiti import ubi kayu tertinggi direkodkan pada 2017 4,198.4 tan metrik, manakala tahun 2019 mencatatkan import terendah (524.2 tan metrik).

**Carta 10: Kuantiti Import dan Eksport Tahunan, Malaysia, 2015-2023**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 5. NEGARA PERDAGANGAN UTAMA UBI KAYU MALAYSIA, 2023

### 5.1 Eksport Utama Ubi Kayu Malaysia

Eksport ubi kayu Malaysia pada tahun 2023 adalah 2,599.3 tan metrik. Tiga negara destinasi utama eksport Malaysia adalah Singapore 2,580.1 tan metrik, mewakili 99.3 peratus daripada jumlah kuantiti eksport ubi kayu, Brunei Darussalam 13.8 tan metrik (0.5%) dan Australia 3.2 tan metrik (0.1%). Singapore merekodkan nilai eksport tertinggi RM4.12 juta, diikuti Brunei Darussalam (RM42.02 ribu) dan Australia (RM26.31 ribu).

**Jadual 23: Tiga Negara Destinasi Eksport Utama Ubi Kayu, Malaysia 2023**

Negara	Eksport (tan metrik)	Peratus sumbangan Eksport (%)	Nilai Eksport (RM)
Singapore	2580.1	99.3	4,127,964
Brunei Darussalam	13.8	0.5	42,020
Australia	3.2	0.1	26,308

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023

### 5.2 Import Utama Ubi Kayu Malaysia

Malaysia mengimport 16,566.8 tan metrik ubi kayu pada tahun 2023, daripada China, 8,228.1 tan metrik (49.7%), diikuti Indonesia, 6,535.1 tan metrik (39.4%), Vietnam, 1,171.4 tan metrik (7.1%), Thailand, 529.0 tan metrik (3.2%) dan Hong Kong, 27.9 tan metrik (0.2%). Nilai import tertinggi ubi kayu Malaysia adalah dari China dengan RM45.28 juta, diikuti dengan Indonesia (RM4.47 juta), Vietnam (RM3.03 juta), Thailand (RM569.20 ribu) dan Hong Kong (RM102.39 ribu).

**Jadual 24: Lima Negara Import Utama Ubi Kayu ke Malaysia, 2023**


Negara	Import (tan metrik)	Peratus sumbangan Import (%)	Nilai Import (RM)
China	8,228.1	49.7	45,276,718
Indonesia	6,535.1	39.4	4,470,909
Vietnam	1,171.4	7.1	3,027,309
Thailand	529.0	3.2	569,198
Hong Kong	27.9	0.2	102,385

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia 2023

## 6. PARAMETER UTAMA TANAMAN UBI KAYU

Parameter utama penanaman ubi kayu seperti keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, nilai jualan dan produktiviti per hektar mampu memberikan gambaran komprehensif bagi perancangan strategik, peningkatan produktiviti, serta penyusunan dasar pertanian yang holistik.

**Paparan 102: Parameter Utama Tanaman Ubi Kayu, Malaysia, 2023**



### 6.1 Pegangan Pertanian

Malaysia merekodkan 4,900 pegangan pertanian bagi penanaman ubi kayu yang merangkumi 4,807 pegangan pertanian individu (98.1%) dan 93 pegangan pertanian pertubuhan (1.9%). Sarawak merekodkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 1,274 (26.0%), diikuti Sabah, 937 (19.1%) dan Terengganu, 792 (16.2%). Sibu, Sarawak mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi, 304 (6.2%), diikuti Tawau, Sabah, 273 (5.6%) dan Bachok, Terengganu, 229 (4.7%).

## 6.2 Keluasan Bertanam

Keseluruhan keluasan bertanam bagi penanaman ubi kayu merekodkan 3,302.4 hektar. Johor merekodkan keluasan bertanam terbesar dengan 1,174.8 hektar (35.6%), diikuti Selangor, 469.9 hektar (14.2%) dan Sabah, 455.7 hektar (13.8%). Johor turut merekodkan keluasan bertanam terbesar bagi pegangan pertanian individu, 953.7 hektar (32.0%), diikuti Sabah, 455.6 hektar (15.3%) dan Selangor, 439.5 hektar (14.7%). Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Johor merekodkan keluasan bertanam terbesar, 221.1 hektar (68.6%), diikuti Selangor, 30.5 hektar (9.5%) dan Perak, 21.5 hektar (6.7%).

### Paparan 103: Tiga Negeri Teratas bagi Keluasan Bertanam, Malaysia, 2023

1.	Johor	1,174.8 hektar (35.6%)
2.	Selangor	469.9 hektar (14.2%)
3.	Sabah	455.7 hektar (13.8%)

Muar, Johor mencatatkan keluasan bertanam terbesar, 333.5 hektar (10.1%), diikuti Kulai, Johor, 287.7 hektar (8.7%) dan Kluang, Johor, 222.6 hektar (6.7%). Pegangan pertanian individu Muar, Johor merekodkan keluasan bertanam terbesar, 333.5 hektar (10.1%), diikuti Kulai, Johor, 271.3 hektar (8.2%) dan Bachok, Kelantan, 191.8 hektar (5.8%). Kluang, Johor turut merekodkan keluasan bertanam terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 117.6 hektar (3.6%), diikuti Batu Pahat, Johor, 57.0 hektar (1.7%) dan Kuala Langat, Selangor, 18.6 hektar (0.6%).

### Paparan 104: Tiga Daerah Teratas bagi Keluasan Bertanam, Malaysia, 2023

1.	Muar	333.5 hektar (10.1%)
2.	Kulai	287.7 hektar (8.7%)
3.	Kluang	222.6 hektar (6.7%)

### 6.3 Keluasan Bertuai

Keseluruhan keluasan bertuai bagi penanaman cendawan merekodkan 3,073.3 hektar. Johor merekodkan keluasan bertuai terbesar dengan 1,127.1 hektar (36.7%), diikuti Selangor, 458.9 hektar (14.9%) dan Sabah, 331.8 hektar (10.8%). Pegangan pertanian individu Johor merekodkan keluasan bertuai terbesar, 910.9 hektar (33.0%), diikuti Selangor, 429.4 hektar (15.6%) dan Sabah, 331.7 hektar (12.0%). Johor merekodkan keluasan bertuai terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan, 216.3 hektar (68.4%), diikuti Selangor, 29.5 hektar (9.3%) dan Perak, 21.5 hektar (6.8%).

#### Paparan 105: Tiga Negeri Teratas bagi Keluasan Bertuai, Malaysia, 2023

1.	Johor	1,127.1 hektar (36.7%)
2.	Selangor	458.9 hektar (14.9%)
3.	Sabah	331.8 hektar (10.8%)

Muar, Johor mencatatkan keluasan bertuai terbesar, 333.0 hektar (10.8%), diikuti Kulai, Johor, 274.6 hektar (8.9%) dan Kluang, Johor, 214.6 hektar (7.0%). Pegangan pertanian individu Muar, Johor merekodkan keluasan bertuai terbesar, 333.0 hektar (10.8%), diikuti Kulai, Johor, 258.6 hektar (8.4%) dan Bachok Kelantan, 185.6 hektar (6.0%). Kluang, Johor merekodkan keluasan bertuai terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 116.1 hektar (3.8%), diikuti Batu Pahat, Johor, 55.6 hektar (1.8%) dan Kuala Langat, Selangor, 18.4 hektar (0.6%).

#### Paparan 106: Tiga Daerah Teratas bagi Keluasan Bertuai, Malaysia, 2023

1.	Muar	333.0 hektar (10.8%)
2.	Kulai	274.6 hektar (8.9%)
3.	Kluang	214.6 hektar (7.0%)

## 6.4 Kuantiti Pengeluaran

Keseluruhan kuantiti pengeluaran bagi penanaman ubi kayu merekodkan 45,707.1 tan metrik. Johor merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan 21,454.4 tan metrik (46.9%), diikuti Selangor, 7,807.2 tan metrik (17.1%) dan Sabah, 3,093.1 tan metrik (6.8%). Johor merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian individu, 16,379.2 tan metrik (42.6%), diikuti Selangor, 7,226.2 tan metrik (18.8%) dan Sabah, 3,092.9 tan metrik (8.0%). Kuantiti pengeluaran ubi kayu tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan mencakupi tiga negeri iaitu Johor, 5,075.2 tan metrik (70.0%), diikuti Selangor, 581.0 tan metrik (8.0%) dan Pahang, 534.1 tan metrik (7.4%).

### Paparan 107: Tiga Negeri Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran, Malaysia, 2023

1.	Johor	21,454.4 tan metrik (46.8%)
2.	Selangor	7,807.2 tan metrik (17.1%)
3.	Sabah	3,093.1 tan metrik (6.8%)

Muar, Johor merekodkan kuantiti pengeluaran ubi kayu tertinggi, 9,680.2 tan metrik (21.2%), diikuti Kluang, Johor, 5,453.5 tan metrik (11.9%) dan Kuala Langat, Selangor, 3,281.1 tan metrik (7.2%). Pegangan pertanian individu Muar, Johor merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi, 9,680.2 tan metrik (21.2%), diikuti Kuala Langat, Selangor, 2,959.3 tan metrik (6.5%) dan Kluang, Johor, 2,512.2 tan metrik (5.5%). Kluang, Johor turut mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 2,941.40 tan metrik (6.4%), diikuti Batu Pahat, Johor, 1,274.1 tan metrik (2.8%) dan Temerloh, Pahang, 499.5 tan metrik (1.1%).

### Paparan 108: Tiga Daerah Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran, Malaysia, 2023

1.	Muar	9,680.2 tan metrik (21.2%)
2.	Kluang	5,453.5 tan metrik (11.9%)
3.	Kuala Langat	3,281.1 tan metrik (7.2%)



## 6.5 Kuantiti Jualan

Keseluruhan kuantiti jualan bagi penanaman ubi kayu merekodkan 44,683.6 tan metrik. Johor merekodkan kuantiti jualan tertinggi dengan 21,107.3 tan metrik (47.2%), diikuti Selangor, 7,782.1 tan metrik (17.4%) dan Sabah, 2,913.0 tan metrik (6.5%). Johor merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu, 16,094.8 tan metrik (42.9%), diikuti Selangor, 7,201.9 tan metrik (19.2%) dan Sabah, 2,912.8 tan metrik (7.8%). Johor, Selangor dan Pahang merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan masing-masing 5,012.5 tan metrik (69.7%), 580.2 tan metrik (8.1%) dan 534.0 tan metrik (7.4%).

### Paparan 109: Tiga Negeri Teratas bagi Kuantiti Jualan, Malaysia, 2023

1.	Johor	21,107.3 tan metrik (47.2%)
2.	Selangor	7,782.1 tan metrik (17.4%)
3.	Sabah	2,913.0 tan metrik (6.5%)

Muar, Johor mencatatkan kuantiti jualan tertinggi, 9,658.5 tan metrik (21.6%), diikuti Kluang, Johor, 5,413.3 tan metrik (12.1%) dan Kuala Langat, Selangor, 3,280.5 tan metrik (7.3%). Pegangan pertanian individu Muar, Johor merekodkan kuantiti jualan tertinggi, 9,658.5 tan metrik (21.6%), diikuti Kuala Langat, Selangor, 2,958.7 tan metrik (6.6%) dan Kluang, Johor, 2,496.5 tan metrik (5.6%). Kluang, Johor turut merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 2,916.8 tan metrik (6.5%), diikuti Batu Pahat, Johor, 1,246.7 tan metrik (2.8%) dan Temerloh, Pahang, 499.5 tan metrik (1.1%).

### Paparan 110: Tiga Daerah Teratas bagi Kuantiti Jualan, Malaysia, 2023

1.	Muar	9,658.5 tan metrik (21.6%)
2.	Kluang	5,413.3 tan metrik (12.1%)
3.	Kuala Langat	3,280.5 tan metrik (7.3%)

## 6.6 Nilai Jualan

Keseluruhan nilai jualan bagi penanaman ubi kayu merekodkan RM168.82 juta. Johor merekodkan nilai jualan tertinggi dengan RM76.47 juta (45.3%), diikuti Selangor, RM26.78 juta (15.9%) dan Terengganu, RM12.24 juta (7.3%). Johor turut merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu, RM59.44 juta (41.3%), diikuti Selangor, RM24.92 juta (17.3%) dan Terengganu, 12.16 juta (8.5%). Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Johor merekodkan nilai jualan tertinggi, RM17.02 juta (68.1%), diikuti Pahang, RM2.42 juta (9.7%) dan Selangor, RM1.87 juta (7.5%).

### Paparan 111: Tiga Negeri Teratas bagi Nilai Jualan, Malaysia, 2023

1.	Johor	RM76.47 juta (45.3%)
2.	Selangor	RM26.78 juta (15.9%)
3.	Terengganu	RM12.24 juta (7.3%)

Muar, Johor mencatatkan nilai jualan tertinggi, RM34.83 juta (20.6%), diikuti Kluang, Johor, RM18.69 juta (11.1%) dan Kuala Langat, Selangor, RM10.26 juta (6.1%). Muar, Johor turut merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu dengan RM34.83 juta (20.6%), diikuti Kuala Langat, Selangor, RM9.33 juta (5.5%) dan Kluang, Johor, RM9.02 juta (5.3%). Kluang, Johor, merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan, RM9.66 juta (5.7%), diikuti Batu Pahat, Johor, RM4.16 juta (2.5%) dan Temerloh, Pahang, RM2.31 juta (1.4%).

### Paparan 112: Tiga Daerah Teratas bagi Nilai Jualan, Malaysia, 2023

1.	Muar	RM34.83 juta (20.6%)
2.	Kluang	RM18.69 juta (11.1%)
3.	Kuala Langat	RM10.26 juta (6.1%)


## 6.7 Produktiviti

Produktiviti ubi kayu di Malaysia mencatatkan 14.9 tan metrik per hektar pada tahun 2023. Pegangan pertanian individu merekodkan produktiviti 13.9 tan metrik per hektar, manakala pegangan pertanian pertubuhan pula 22.9 tan metrik per hektar. Pulau Pinang merekodkan produktiviti tertinggi (37.1 tan metrik/hektar), diikuti Pahang (25.0 tan metrik/hektar) dan Johor (19.0 tan metrik/hektar).

### Paparan 113: Tiga Negeri Teratas bagi Produktiviti, Malaysia, 2023

1.	Pulau Pinang	37.1 tan metrik/hektar
2.	Pahang	25.0 tan metrik/hektar
3.	Johor	19.0 tan metrik/hektar

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**



## 9. PENANAMAN TANAMAN KEKACANG



**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

## 1. PENGENALAN

Sayuran kekacang merupakan salah satu kumpulan tanaman penting dalam sektor pertanian di Malaysia. Kekacang adalah biji yang boleh dimakan dari tumbuhan leguminosa yang ditanam untuk makanan dan makanan ternakan. Ia termasuk dalam keluarga *Leguminosae* (*Fabaceae*) dan dikenali kerana nilai pemakanannya yang tinggi serta sumbangan agronominya terhadap kesuburan tanah. Antara jenis kekacang yang biasa ditanam di Malaysia ialah kacang panjang, kacang botor, bendi, kacang tanah, dan kacang pea. Terdapat pelbagai lagi jenis dari seluruh dunia, kesemuanya mempunyai manfaat yang besar untuk keterjaminan makanan, pemakanan, kesihatan, perubahan iklim dan biodiversiti. (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025)

## 2. JENIS-JENIS KEKACANG

Di Malaysia, terdapat pelbagai jenis kekacang yang ditanam dan dikomersilkan, bergantung kepada agroiklim sama ada di kawasan tanah tinggi, tanah rendah atau melalui kaedah pertanian dalam persekitaran terkawal. Antara varieti kekacang yang terkenal termasuklah kacang panjang, kacang botor, bendi, kacang tanah dan kacang pea. Penanaman kekacang ini amat sesuai dengan iklim tropika Malaysia dan sering menjadi pilihan petani kerana kitaran pertumbuhannya yang singkat serta permintaan pasaran yang tinggi.

### Paparan 114: Varieti Kekacang, Malaysia



Kacang Panjang  
(*Vigna unguiculata*  
subsp. *sesquipedalis*)



Kacang Botor  
(*Psophocarpus*  
*tetragonolobus*)



Bendi  
(*Abelmoschus*  
*esculentus*)



Kacang Tanah  
(*Arachis hypogaea*)



Kacang Pea  
(*Pisum sativum*)

### 3. PENGGUNAAN PER KAPITA (PCC), KADAR SARA DIRI (SSR) DAN KADAR KEBERGANTUNGAN IMPORT (IDR) BAGI TANAMAN BENDI

Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia 2023 menunjukkan Penggunaan per Kapita (*Per Capita Consumption* - PCC) bendi tertinggi direkodkan pada tahun 2021, 2022 dan 2023, 1.7 kg/tahun, manakala tahun 2019 dan 2020 mencatatkan PCC terendah (1.6 kg/tahun).

Kadar Sara Diri (*Self Sufficient Ratio* - SSR) bagi tahun 2019 mencatatkan SSR tertinggi dengan 104.4 peratus dan terendah pada tahun 2020 (102.2%).

Kadar Kebergantungan Import (*Import Dependency Ratio* - IDR) bendi bagi tahun 2023 mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 1.6 peratus, manakala tahun 2019 dan 2020 pula mencatatkan IDR terendah (0.7%).

**Jadual 25: Penggunaan Per Kapita (PCC), Kadar Sara Diri (SSR) dan Kadar Kebergantungan Import (IDR) Tahunan, Malaysia, 2019-2023**

Tahun	PCC (kg/tahun)	SSR (%)	IDR (%)
2019	1.6	104.4	0.7
2020	1.6	102.2	0.7
2021	1.7	104.3	1.0
2022	1.7	103.4	1.4
2023*	1.7	103.8	1.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: \* Tahun 2023 adalah berdasarkan data anggaran

### 4. PERDAGANGAN BENDI

#### 4.1 Eksport Bendi


Merujuk Statistik Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, 2023 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024), kuantiti eksport bendi menunjukkan peningkatan dua digit 16.0 peratus daripada 2,942.3 tan metrik pada tahun 2022, kepada 3,413.6 tan metrik pada tahun 2023. Tahun 2010 merekodkan kuantiti eksport bendi tertinggi, 4,048.8 tan metrik dan 2020 merekodkan kuantiti eksport terendah (1,647.7 tan metrik).



## 4.2 Import Bendi

Import bendi menunjukkan peningkatan, 993.1 tan metrik kepada 846.0 tan metrik pada tahun 2023 berbanding pada tahun 2022. Kuantiti import bendi tertinggi direkodkan pada 2023, 993.1 tan metrik, manakala tahun 2010 mencatatkan import terendah (35.7 tan metrik).

**Carta 11: Kuantiti Import dan Eksport Tahunan, Malaysia, 2010-2023**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 5. NEGARA PERDAGANGAN UTAMA BENDI MALAYSIA, 2023

### 5.1 Eksport Utama Bendi Malaysia

Eksport bendi Malaysia pada tahun 2023 adalah 3,413.6 tan metrik. Satu-satunya negara yang mengimport bekalan bendi daripada Malaysia adalah Singapore. Singapore merekodkan nilai eksport, RM8.12 juta.

**Jadual 26: Negara Destinasi Eksport Bendi, Malaysia, 2023**

Negara	Eksport (tan metrik)	Peratus sumbangan Eksport (%)	Nilai Eksport (RM)
Singapore	3,413.6	100.0	8,117,884

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 5.2 Import Utama Bendi Malaysia

Malaysia mengimport 993.1 tan metrik bendi pada tahun 2023 daripada Thailand, 991.0 tan metrik (99.8%), diikuti Jepun 1.3 tan metrik (0.1%) dan Jordan 0.6 tan metrik (0.1%). Thailand merekodkan nilai import bendi tertinggi, RM918.98 ribu, diikuti Jepun (RM10.15 ribu) dan Jordan (RM6.31 ribu).

**Jadual 27: Tiga Negara Destinasi Import Utama Bendi, Malaysia, 2023**

Negara	Import (tan metrik)	Peratus sumbangan import (%)	Nilai import (RM)
Thailand	991,045.0	99.8	918,977
Jepun	1,307.0	0.1	10,149
Jordan	580.0	0.1	6,309

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 6. PENGGUNAAN PER KAPITA (PCC), KADAR SARA DIRI (SSR) DAN KADAR KEBERGANTUNGAN IMPORT (IDR) BAGI TANAMAN KACANG PANJANG

Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia 2023 menunjukkan Penggunaan per Kapita (*Per Capita Consumption* - PCC) kacang panjang tertinggi direkodkan pada tahun 2019 dan 2023, 1.7 kg/tahun, manakala tahun 2020 dan 2023 mencatatkan PCC terendah (1.5 kg/tahun).

Kadar Sara Diri (*Self Sufficient Ratio* - SSR) bagi tahun 2021 mencatatkan SSR tertinggi dengan 109.3 peratus dan terendah pada tahun 2022 (106.6%).

Kadar Kebergantungan Import (*Import Dependency Ratio* - IDR) kacang panjang bagi tahun 2023 mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 3.7 peratus, manakala tahun 2020 mencatatkan IDR terendah (1.8%).

**Jadual 28: Penggunaan Per Kapita (PCC), Kadar Sara Diri (SSR) dan Kadar Kebergantungan Import (IDR) Tahunan, Malaysia, 2019-2023**

Tahun	PCC (kg/tahun)	SSR (%)	IDR (%)
2019	1.7	107.0	2.2
2020	1.5	107.2	1.8
2021	1.6	109.3	2.1
2022	1.7	106.6	2.6
2023*	1.5	107.8	3.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: \* Tahun 2023 adalah berdasarkan data anggaran

## 7. PERDAGANGAN KACANG PANJANG


### 7.1 Eksport Kacang Panjang

Merujuk Statistik Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, 2023 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024), kuantiti eksport kacang panjang menunjukkan peningkatan dua digit 17.3 peratus daripada 5,208.6 tan metrik pada tahun 2022, kepada 6,112.8 tan metrik pada tahun 2023. Tahun 2010 merekodkan kuantiti eksport kacang panjang tertinggi, 6,763.3 tan metrik dan 2015 merekodkan kuantiti eksport terendah (4,120.1 tan metrik).

### 7.2 Import Kacang Panjang

Import kacang panjang menunjukkan peningkatan, 499.3 tan metrik kepada 1,971.7 tan metrik pada tahun 2023 berbanding pada tahun 2022. Kuantiti import kacang panjang tertinggi direkodkan pada 2023, 1,971.7 tan metrik, manakala tahun 2010 mencatatkan import terendah (266.2 tan metrik).

**Carta 12: Kuantiti Import dan Eksport Tahunan, Malaysia, 2010-2023**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 8. NEGARA PERDAGANGAN UTAMA KACANG PANJANG MALAYSIA, 2023

### 8.1 Eksport Utama Kacang Panjang Malaysia

Eksport kacang panjang Malaysia pada tahun 2023 adalah 6,112.8 tan metrik. Tiga negara destinasi utama eksport Malaysia adalah Singapore, 6,010.4 tan metrik, mewakili 99.3 peratus daripada jumlah kuantiti eksport Kacang Panjang, United Kingdom, 78.3 tan metrik (0.7%) dan Brunei Darussalam, 24.0 tan metrik. Nilai eksport tertinggi kacang panjang Malaysia adalah ke Singapore dengan RM13.22 juta, diikuti United Kingdom (RM972.07 ribu) dan Brunei Darussalam (RM36.00 ribu).

**Jadual 29: Tiga Negara Destinasi Eksport Utama Kacang Panjang, Malaysia, 2023**

Negara	Eksport (tan metrik)	Peratus sumbangan eksport (%)	Nilai eksport (RM)
Singapore	6,010.4	98.3	13,216,750
United Kingdom	78.3	1.3	972,066
Brunei Darussalam	24.0	0.4	36,000

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 8.2 Import Utama Kacang Panjang Malaysia

Malaysia mengimport 1,971.7 tan metrik kacang panjang pada tahun 2023, daripada Thailand, 1,936.4 tan metrik (98.2%), diikuti Indonesia, 21.6 tan metrik (1.1%) dan India, 13.7 tan metrik (0.7%). Nilai import tertinggi kacang panjang Malaysia adalah dari Thailand dengan RM1.78 juta, diikuti India, (RM57.82 ribu), dan Indonesia, (RM31.89 ribu).

**Jadual 30: Tiga Negara Destinasi Import Utama Kacang Panjang, Malaysia, 2023**


Negara	Import (tan metrik)	Peratus sumbangan import (%)	Nilai import (RM)
Thailand	1,936,430.0	98.2	1,780,610
Indonesia	21,590.5	1.1	31,888
India	13,664.0	0.7	57,824

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 9. PARAMETER UTAMA TANAMAN KEKACANG

Parameter utama penanaman kekacang seperti keluasan bertanam, keluasan dituai, kuantiti pengeluaran, nilai jualan dan produktiviti per hektar mampu memberikan gambaran komprehensif bagi perancangan strategik, peningkatan produktiviti, serta penyusunan dasar pertanian yang holistik.

**Paparan 115: Parameter Utama Tanaman Kekacang, Malaysia, 2023**



### 9.1 Pegangan Pertanian

Malaysia merekodkan 5,119 pegangan pertanian bagi penanaman kekacang yang merangkumi 4,815 pegangan pertanian individu (94.1%) dan 304 pegangan pertanian pertubuhan (5.9%). Sarawak merekodkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 1,465 (28.6%), diikuti Sabah, 779 (15.2%) dan Johor, 651 (12.7%). Ranau, Sabah mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi, 214 (4.2%), diikuti Kuala Nerus, Terengganu, 202 (3.9%) dan Tumpat, Kelantan, 171 (3.3%).

## 9.2 Keluasan Bertanam

Keseluruhan keluasan bertanam bagi penanaman kekacang merekodkan 6,259.8 hektar. Pahang merekodkan keluasan bertanam terbesar dengan 2,369.0 hektar (37.8%), diikuti Johor, 1,531.2 hektar (24.5%) dan Sarawak, 512.5 hektar (8.2%). Pahang turut merekodkan keluasan bertanam terbesar bagi pegangan pertanian individu, 1,787.2 hektar (38.7%), diikuti Johor, 841.3 hektar (18.2%) dan Sarawak, 476.5 hektar (10.3%). Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Johor merekodkan keluasan bertanam terbesar, 689.9 hektar (41.9%), diikuti Pahang, 581.7 hektar (35.3%) dan Perak, 152.9 hektar (9.3%).

### Paparan 116: Tiga Negeri Teratas bagi Keluasan Bertanam, Malaysia, 2023

1.	Pahang	2,369.0 hektar (37.8%)
2.	Johor	1,531.2 hektar (24.5%)
3.	Sarawak	512.5 hektar (8.2%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan keluasan bertanam terbesar, 1,835.4 hektar (29.3%), diikuti Kota Tinggi, Johor, 459.3 hektar (7.3%) dan Bentong, Pahang, 398.0 hektar (6.4%). Pegangan pertanian individu Cameron Highlands, Pahang merekodkan keluasan bertanam terbesar, 1,576.4 hektar (25.2%), diikuti Tumpat, Kelantan, 219.4 hektar (3.5%) dan Kota Tinggi, Johor, 196.5 hektar (3.1%). Bentong, Pahang turut merekodkan keluasan bertanam terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 292.2 hektar (4.7%), diikuti Kota Tinggi, Johor, 262.9 hektar (4.2%) dan Cameron Highlands, Pahang, 259.0 hektar (4.1%).

### Paparan 117: Tiga Daerah Teratas bagi Keluasan Bertanam, Malaysia, 2023

1.	Cameron Highlands	1,835.4 hektar (29.3%)
2.	Kota Tinggi	459.3 hektar (7.3%)
3.	Bentong	398.0 hektar (6.4 %)

### 9.3 Keluasan Bertuai

Keseluruhan keluasan bertuai bagi penanaman kekacang merekodkan 5,777.1 hektar. Pahang merekodkan keluasan bertuai terbesar dengan 2,349.7 hektar (40.7%), diikuti Johor, 1,472.8 hektar (25.5%) dan Sarawak, 449.9 hektar (7.8%). Pegangan pertanian individu Pahang merekodkan keluasan bertuai terbesar, 1,772.7 hektar (42.6%), diikuti Johor, 798.9 hektar (19.2%) dan Sarawak, 414.1 hektar (10.0%). Johor merekodkan keluasan bertuai terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan, 673.9 hektar (41.6%), diikuti Pahang, 577.0 hektar (35.6%) dan Perak, 150.6 hektar (9.3%).

#### Paparan 118: Tiga Negeri Teratas bagi Keluasan Bertuai, Malaysia, 2023

1.	Pahang	2,349.7 hektar (40.7%)
2.	Johor	1,472.8 hektar (25.5%)
3.	Sarawak	449.9 hektar (7.8%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan keluasan bertuai terbesar, 1,819.4 hektar (31.5%), diikuti Kota Tinggi, Johor, 445.0 hektar (7.7%) dan Bentong, Pahang, 397.4 hektar (6.9%). Pegangan pertanian individu Cameron Highlands, Pahang merekodkan keluasan bertuai terbesar, 1,564.3 hektar (37.6%), diikuti Kota Tinggi, Johor, 187.8 hektar (4.5%) dan Kluang, Johor, 174.1 hektar (4.2%). Bentong, Pahang merekodkan keluasan bertuai terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 292.2 hektar (18.0%), diikuti Kota Tinggi, Johor, 257.2 hektar (15.9%) dan Cameron Highlands, Pahang, 255.1 hektar (15.7%).

#### Paparan 119: Tiga Daerah Teratas bagi Keluasan Bertuai, Malaysia, 2023

1.	Cameron Highlands	1,819.4 hektar (31.5%)
2.	Kota Tinggi	445.0 hektar (7.7%)
3.	Bentong	397.4 hektar (6.9%)

## 9.4 Kuantiti Pengeluaran

Keseluruhan kuantiti pengeluaran bagi penanaman kekacang merekodkan 95,689.8 tan metrik. Pahang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan 32,612.3 tan metrik (34.1%), diikuti Johor, 26,974.9 tan metrik (28.2%) dan Sarawak, 7,412.5 tan metrik (7.7%). Pahang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian individu, 24,415.0 tan metrik (34.9%), diikuti Johor, 15,549.2 tan metrik (22.2%) dan Sarawak, 6,948.4 tan metrik (9.9%). Kuantiti pengeluaran kekacang tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan mencakupi tiga negeri iaitu Johor, 11,425.7 tan metrik (44.4%), diikuti Pahang, 8,197.3 tan metrik (31.9%) dan Perak, 2,554.5 tan metrik (9.9%).

### Paparan 120: Tiga Negeri Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran, Malaysia, 2023

1.	Pahang	32,612.3 tan metrik (34.1%)
2.	Johor	26,974.9 tan metrik (28.2%)
3.	Sarawak	7,412.5 tan metrik (7.7%)

Cameron Highlands, Pahang merekodkan kuantiti pengeluaran kekacang tertinggi, 24,686.2 tan metrik (25.8%), diikuti Kota Tinggi, Johor, 7,599.7 tan metrik (7.9%) dan Kluang, Johor, 6,776.3 tan metrik (7.1%). Pegangan pertanian individu Cameron Highlands, Pahang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi, 21,288.8 tan metrik (22.2%), diikuti Kluang, Johor, 3,639.7 tan metrik (3.8%) dan Kota Tinggi, Johor, 3,400.7 tan metrik (3.6%). Bentong, Pahang turut mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 4,210.8 tan metrik (4.4%), diikuti Kota Tinggi, Johor, 4,199.1 tan metrik (4.4%) dan Cameron Highlands, Pahang, 3,397.3 tan metrik (3.6%).

### Paparan 121: Tiga Daerah Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran, Malaysia, 2023

1.	Cameron Highlands	24,686.2 tan metrik (25.8%)
2.	Kota Tinggi	7,599.7 tan metrik (7.9%)
3.	Kluang	6,776.3 tan metrik (7.1%)



## 9.5 Kuantiti Jualan

Keseluruhan kuantiti jualan bagi penanaman kekacang merekodkan 94,478.1 tan metrik. Pahang merekodkan kuantiti jualan tertinggi dengan 32,578.5 tan metrik (34.5%), diikuti Johor, 26,439.4 tan metrik (28.0%) dan Sarawak, 7,279.7 tan metrik (7.7%). Pahang merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu, 24,392.4 tan metrik (35.3%), diikuti Johor, 15,119.2 tan metrik (21.9%) dan Sarawak, 6,841.4 tan metrik (9.9%). Johor, Pahang dan Perak merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan masing-masing 11,320.3 tan metrik (44.7%), 8,186.1 tan metrik (32.4%) dan 2,437.0 tan metrik (9.6%).

### Paparan 122: Tiga Negeri Teratas bagi Kuantiti Jualan, Malaysia, 2023

1.	Pahang	32,578.5 tan metrik (34.5%)
2.	Johor	26,439.4 tan metrik (28.0%)
3.	Sarawak	7,279.7 tan metrik (7.7%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan kuantiti jualan tertinggi, 24,664.3 tan metrik (26.1%), diikuti Kota Tinggi, Johor, 7,484.9 tan metrik (7.9%) dan Kluang, Johor, 6,600.2 tan metrik (7.0%). Pegangan pertanian individu Cameron Highlands, Pahang merekodkan kuantiti jualan tertinggi, 21,272.3 tan metrik (22.5%), diikuti Kluang, Johor, 3,470.5 tan metrik (3.7%) dan Kota Tinggi, Johor, 3,330.1 tan metrik (3.5%). Bentong, Pahang, turut merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 4,207.0 tan metrik (4.5%), diikuti Kota Tinggi, Johor, 4,154.8 tan metrik (4.4%) dan Cameron Highlands, Pahang, 3,391.9 tan metrik (3.6%).

### Paparan 123: Tiga Daerah Teratas bagi Kuantiti Jualan, Malaysia, 2023

1.	Cameron Highlands	24,664.3 tan metrik (26.1%)
2.	Kota Tinggi	7,484.9 tan metrik (7.9%)
3.	Kluang	6,600.2 tan metrik (7.0%)

## 9.6 Nilai Jualan

Keseluruhan nilai jualan bagi penanaman kekacang merekodkan RM748.07 juta. Pahang merekodkan nilai jualan tertinggi dengan RM271.32 juta (36.3%), diikuti Johor, RM211.63 juta (28.3%) dan Sarawak, RM55.54 juta (7.4%). Pahang turut merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu, RM211.56 juta (38.5%), diikuti Johor, RM116.89 juta (21.3%) dan Sarawak, RM51.14 juta (9.3%). Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Johor merekodkan nilai jualan tertinggi, RM94.74 juta (47.8%), diikuti Pahang, RM59.76 juta (30.2%) dan Perak, RM16.10 juta (8.1%).

### Paparan 124: Tiga Negeri Teratas bagi Nilai Jualan, Malaysia, 2023

1.	Pahang	RM271.32 juta (36.3%)
2.	Johor	RM211.63 juta (28.3%)
3.	Sarawak	RM55.54 juta (7.4%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan nilai jualan tertinggi, RM213.40 juta (28.5%), diikuti Kota Tinggi, Johor, RM71.93 juta (9.6%) dan Kluang, Johor, RM44.98 juta (6.0%). Cameron Highlands, Pahang turut merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu dengan RM188.84 juta (25.2%), diikuti Kota Tinggi, Johor, RM31.35 juta (4.2%) dan Tumpat, Kelantan, RM28.45 juta (3.8%). Kota Tinggi, Johor, merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan, RM40.58 juta (5.4%), diikuti Bentong, Pahang, RM30.97 juta (4.1%) dan Cameron Highlands, Pahang, RM24.56 juta (3.3%).

### Paparan 125: Tiga Daerah Teratas bagi Nilai Jualan, Malaysia, 2023

1.	Cameron Highlands	RM213.40 juta (28.5%)
2.	Kota Tinggi	RM71.93 juta (9.6%)
3.	Kluang	RM44.98 juta (6.0%)

## 9.7 Produktiviti

Produktiviti kacang di Malaysia mencatatkan 16.6 tan metrik per hektar pada tahun 2023. Pegangan pertanian individu merekodkan produktiviti 16.8 tan metrik per hektar, manakala pegangan pertanian pertubuhan pula 11.3 tan metrik per hektar. Terengganu merekodkan produktiviti tertinggi (25.92 tan metrik/hektar), diikuti Kelantan (25.88 tan metrik/hektar) dan W.P. Putrajaya (20.6 tan metrik/hektar).

### Paparan 126: Tiga Negeri Teratas bagi Produktiviti, Malaysia, 2023

1.	Terengganu	25.92 tan metrik/hektar
2.	Kelantan	25.88 tan metrik/hektar
3.	W.P. Putrajaya	20.6 tan metrik/hektar

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**



## 10. PENANAMAN CILI DAN LADA



**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

## 1. PENGENALAN

Cili atau nama saintifiknya *Capsicum spp.*, merupakan sejenis sayuran yang terkenal di kawasan beriklim tropika. Tumbuhan ini dipercayai berasal dari Amerika Selatan dan Mexico dan kini ditanam secara meluas di serata dunia. Pokok cili mempunyai akar jenis akar tunjang, dengan batang dan daun yang berwarna hijau muda hingga hijau tua. Batangnya bercabang, manakala daunnya berbentuk bujur lebar. (Jabatan Pertanian Malaysia, 2007).

## 2. JENIS-JENIS CILI

Di Malaysia, terdapat pelbagai jenis cili yang ditanam dan dikomersilkan, bergantung kepada agroiklim sama ada di kawasan tanah tinggi, tanah rendah atau melalui kaedah pertanian dalam persekitaran terkawal. Antara varieti cili yang terkenal termasuklah cili hijau/merah kulai, cili solok, cili padi dan cili benggala. Penanaman cili ini amat sesuai dengan iklim tropika Malaysia dan sering menjadi pilihan petani kerana kitaran pertumbuhannya yang singkat serta permintaan pasaran yang tinggi.

### Paparan 127: Varieti Cili, Malaysia



Cili Hijau/Merah Kulai  
(*Capsicum annum*)



Cili Solok  
(*Capsicum annum*)



Cili Padi  
(*Capsicum frutescens*)



Cili Benggala  
(*Capsicum annum*)

### 3. PENGGUNAAN PER KAPITA (PCC), KADAR SARA DIRI (SSR) DAN KADAR KEBERGANTUNGAN IMPORT (IDR) BAGI TANAMAN CILI

Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia 2023 menunjukkan Penggunaan per Kapita (*Per Capita Consumption* - PCC) cili tertinggi direkodkan pada tahun 2022 dan 2023, 2.3 kg/tahun, manakala tahun 2019 dan 2020 mencatatkan PCC terendah (2.0 kg/tahun).

Kadar Sara Diri (*Self Sufficient Ratio* - SSR) bagi tahun 2023 mencatatkan SSR tertinggi dengan 37.1 peratus dan terendah pada tahun 2021 (29.3%).

Kadar Kebergantungan Import (*Import Dependency Ratio* - IDR) cili bagi tahun 2023 mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 10.3 peratus, manakala tahun 2019 pula mencatatkan IDR terendah (6.5%).

**Jadual 31: Penggunaan Per Kapita (PCC), Kadar Sara Diri (SSR) dan Kadar Kebergantungan Import (IDR) Tahunan, Malaysia, 2019-2023**

Tahun	PCC (kg/tahun)	SSR (%)	IDR (%)
2019	2.0	30.8	6.5
2020	2.0	30.9	7.7
2021	2.2	29.3	7.5
2022	2.3	29.7	7.7
2023*	2.3	37.1	10.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: \* Tahun 2023 adalah berdasarkan data anggaran

### 4. PERDAGANGAN CILI

#### 4.1 Eksport Cili


Merujuk Statistik Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, 2023 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024), kuantiti eksport cili menunjukkan peningkatan 1.6 peratus daripada 6,084.5 tan metrik pada tahun 2022, kepada 6,179.5 tan metrik pada tahun 2023. Tahun 2021 merekodkan kuantiti eksport cili tertinggi, 4,243.5 tan metrik dan 2020 merekodkan kuantiti eksport terendah (3,052.5 tan metrik).



## 4.2 Import Cili

Import cili menunjukkan penurunan, 6,935.2 tan metrik kepada 70,922.4 tan metrik pada tahun 2023 berbanding pada tahun 2022. Kuantiti import cili tertinggi direkodkan pada 2022, 77,857.6 tan metrik, manakala tahun 2010 mencatatkan import terendah (30,923.1 tan metrik).

**Carta 13: Kuantiti Import dan Eksport Tahunan, Malaysia, 2010-2023**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 5. NEGARA PERDAGANGAN UTAMA CILI MALAYSIA, 2023

### 5.1 Eksport Utama Cili Malaysia

Eksport cili Malaysia pada tahun 2023 adalah 6,179.5 tan metrik. Tiga negara destinasi utama eksport Malaysia adalah Singapore, 6,061.0 tan metrik, mewakili 98.1 peratus daripada jumlah kuantiti eksport cili, Brunei Darussalam 99.4 tan metrik (1.6%) dan Thailand 16.3 tan metrik (0.3%). Nilai eksport tertinggi cili Malaysia adalah ke Singapore dengan RM33.02 juta, diikuti Brunei Darussalam (RM618.29 ribu) dan Thailand (RM22.30 ribu).

**Jadual 32: Tiga Negara Destinasi Eksport Utama Cili, Malaysia, 2023**

Negara	Eksport (tan metrik)	Peratus sumbangan Eksport (%)	Nilai Eksport (RM)
Singapore	6,061.0	98.1	33,021,289
Brunei Darussalam	99.4	1.6	618,294
Thailand	16.3	0.3	22,302

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 5.2 Import Utama Cili Malaysia

Malaysia mengimport 84,652.2 tan metrik cili pada tahun 2023 daripada Thailand, 74,291.5 tan metrik (87.8%), diikuti China 10,107.8 tan metrik (11.9%) dan Indonesia 151.0 tan metrik (0.2%). Thailand merekodkan nilai import tertinggi, RM153.54 juta, diikuti China (RM67.87 juta) dan Indonesia, (RM581.11 ribu).

**Jadual 33: Tiga Negara Destinasi Import Utama Cili, Malaysia, 2023**


Negara	Import (tan metrik)	Peratus sumbangan Import (%)	Nilai Import (RM)
Thailand	74,291.5	87.8	153,536,425
China	10,107.8	11.9	67,867,012
Indonesia	151.0	0.2	581,107

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 6. PARAMETER UTAMA TANAMAN CILI

Parameter utama penanaman cili seperti keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, nilai jualan dan produktiviti per hektar mampu memberikan gambaran komprehensif bagi perancangan strategik, peningkatan produktiviti, serta penyusunan dasar pertanian yang holistik.

**Paparan 128: Parameter Utama Tanaman Cili, Malaysia, 2023**



### 6.1 Pegangan Pertanian

Malaysia merekodkan 15,361 pegangan pertanian bagi penanaman cili yang merangkumi 14,734 pegangan pertanian individu (95.9%) dan 627 pegangan pertanian pertubuhan (4.1%). Johor merekodkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 3,864 (25.2%), diikuti Sabah, 3,278 (21.3%) dan Terengganu, 2,347 (15.3%). Muar, Johor mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi, 855 (5.6%), diikuti Tawau, Sabah, 778 (5.1%) dan Kulai, Johor, 706 (4.6%).

## 6.2 Keluasan Bertanam

Keseluruhan keluasan bertanam bagi penanaman cili merekodkan 5,680.4 hektar. Johor merekodkan keluasan bertanam terbesar dengan 1,374.0 hektar (24.2%), diikuti Sabah, 750.1 hektar (13.2%) dan Kelantan, 718.2 hektar (12.6%). Johor turut merekodkan keluasan bertanam terbesar bagi pegangan pertanian individu, 1,078.6 hektar (25.7%), diikuti Sabah, 743.6 hektar (17.7%) dan Kelantan, 622.3 hektar (14.8%). Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Pahang merekodkan keluasan bertanam terbesar, 378.5 hektar (25.5%), diikuti Johor, 295.4 hektar (19.9%) dan Negeri Sembilan, 181.8 hektar (12.2%).

### Paparan 129: Tiga Negeri Teratas bagi Keluasan Bertanam, Malaysia, 2023

1.	Johor	1,374.0 hektar (24.2%)
2.	Sabah	750.1 hektar (13.2%)
3.	Kelantan	718.2 hektar (12.6%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan keluasan bertanam terbesar, 420.2 hektar (7.4%), diikuti Muar, Johor, 337.0 hektar (5.9%) dan Johor Bahru, Johor, 226.7 hektar (4.0%). Pegangan pertanian individu Muar, Johor merekodkan keluasan bertanam terbesar, 331.1 hektar (5.8%), Pasir Puteh, Kelantan, 221.5 hektar (3.9%) dan Ranau, Sabah, 198.9 hektar (3.5%). Cameron Highlands, Pahang turut merekodkan keluasan bertanam terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 273.6 hektar (4.8%), diikuti Sibul, Sarawak, 83.0 hektar (1.5%) dan Johor Bahru, Johor, 76.7 hektar (1.3%).

### Paparan 130: Tiga Daerah Teratas bagi Keluasan Bertanam, Malaysia, 2023

1.	Cameron Highlands	420.2 hektar (7.4%)
2.	Muar	337.0 hektar (5.9%)
3.	Johor Bahru	226.7 hektar (4.0 %)

### 6.3 Keluasan Bertuai

Keseluruhan keluasan bertuai bagi penanaman cili merekodkan 5,465.6 hektar. Johor merekodkan keluasan bertuai terbesar dengan 1,323.1 hektar (24.2%), diikuti Sabah, 722.7 hektar (13.2%) dan Kelantan, 702.1 hektar (12.8%). Pegangan pertanian individu Johor merekodkan keluasan bertuai terbesar, 1,034.2 hektar (25.7%), diikuti Sabah, 716.2 hektar (17.8%) dan Kelantan, 607.0 hektar (15.1%). Pahang merekodkan keluasan bertuai terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan, 363.2 hektar (25.3%), diikuti Johor, 288.9 hektar (20.1%) dan Negeri Sembilan, 172.4 hektar (12.0%).

#### Paparan 131: Tiga Negeri Teratas bagi Keluasan Bertuai, Malaysia, 2023

1.	Johor	1,323.1 hektar (24.2%)
2.	Sabah	722.7 hektar (13.2%)
3.	Kelantan	702.1 hektar (12.8%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan keluasan bertuai terbesar, 409.3 hektar (7.5%), diikuti Muar, Johor, 325.0 hektar (5.9%) dan Johor Bahru, Johor, 222.8 hektar (4.1%). Pegangan pertanian individu Muar, Johor merekodkan keluasan bertuai terbesar, 319.1 hektar (5.8%), diikuti Pasir Puteh, Kelantan, 219.7 hektar (4.0%) dan Ranau, Sabah, 195.8 hektar (3.6%). Cameron Highlands, Pahang turut merekodkan keluasan bertuai terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 262.6 hektar (4.8%), diikuti Sibul, Sarawak, 76.5 hektar (1.4%) dan Johor Bahru, Johor, 76.3 hektar (1.4%).

#### Paparan 132: Tiga Daerah Teratas bagi Keluasan Bertuai, Malaysia, 2023

1.	Cameron Highlands	409.3 hektar (7.5%)
2.	Muar	325.0 hektar (5.9%)
3.	Johor Bahru	222.8 hektar (4.1%)

## 6.4 Kuantiti Pengeluaran

Keseluruhan kuantiti pengeluaran bagi penanaman cili merekodkan 54,163.5 tan metrik. Johor merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan 15,266.8 tan metrik (28.2%), diikuti Kelantan, 9,254.8 tan metrik (17.1%) dan Pahang, 7,481.8 tan metrik (13.8%). Johor merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian individu, 11,848.0 tan metrik (31.2%), diikuti Kelantan, 7,971.4 tan metrik (21.0%) dan Sabah, 3,659.2 tan metrik (9.6%). Kuantiti pengeluaran cili tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan mencakupi tiga negeri iaitu Pahang, 4,252.3 tan metrik (26.2%), diikuti Johor, 3,418.9 tan metrik (21.1%) dan Perak, 1,958.4 tan metrik (12.1%).

### Paparan 133: Tiga Negeri Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran, Malaysia, 2023

1.	Johor	15,266.8 tan metrik (28.2%)
2.	Kelantan	9,254.8 tan metrik (17.1%)
3.	Pahang	7,481.8 tan metrik (13.8%)

Muar, Johor merekodkan kuantiti pengeluaran cili tertinggi, 4,914.0 tan metrik (9.1%), diikuti Cameron Highlands, Pahang, 4,865.8 tan metrik (9.0%) dan Johor Bahru, Johor, 2,628.1 tan metrik (4.9%). Pegangan pertanian individu Muar, Johor merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi, 4,828.2 tan metrik (8.9%), diikuti Bachok, Kelantan, 2,410.9 tan metrik (4.5%) dan Pasir Puteh, Kelantan, 2,385.1 tan metrik (4.4%). Cameron Highlands, Pahang turut mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 3,116.4 tan metrik (5.8%), diikuti Sibul, Sarawak, 822.3 tan metrik (1.5%) dan Kinta, Perak, 788.3 tan metrik (1.5%).

### Paparan 134: Tiga Daerah Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran, Malaysia, 2023

1.	Muar	4,914.0 tan metrik (9.1%)
2.	Cameron Highlands	4,865.8 tan metrik (9.0%)
3.	Johor Bahru	2,628.1 tan metrik (4.9%)

## 6.5 Kuantiti Jualan

Keseluruhan kuantiti jualan bagi penanaman cili merekodkan 50,680.5 tan metrik. Johor merekodkan kuantiti jualan tertinggi dengan 14,517.4 tan metrik (28.6%), diikuti Kelantan, 9,034.2 tan metrik (17.8%) dan Pahang, 7,357.0 tan metrik (14.5%). Johor merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu, 11,209.9 tan metrik (32.3%), diikuti Kelantan, 7,768.5 tan metrik (22.4%) dan Pahang, 3,114.1 tan metrik (9.0%). Pahang, Johor dan Perak merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan masing-masing 4,243.0 tan metrik (26.6%), 3,307.5 tan metrik (20.7%) dan 1,956.7 tan metrik (12.3%).

### Paparan 135: Tiga Negeri Teratas bagi Kuantiti Jualan, Malaysia, 2023

1.	Johor	14,517.4 tan metrik (28.6%)
2.	Kelantan	9,034.2 tan metrik (17.8%)
3.	Pahang	7,357.0 tan metrik (14.5%)

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan kuantiti jualan tertinggi, 4,856.4 tan metrik (9.6%), diikuti Muar, Johor, 4,837.7 tan metrik (9.5%) dan Johor Bahru, Johor, 2,569.8 tan metrik (5.1%). Pegangan pertanian individu Muar, Johor merekodkan kuantiti jualan tertinggi, 4,754.2 tan metrik (9.2%), diikuti Bachok, Kelantan, 2,368.9 tan metrik (4.7%) dan Pasir Puteh, Kelantan, 2,344.3 tan metrik (4.6%). Cameron Highlands, Pahang, turut merekodkan kuantiti jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan 3,116.2 tan metrik (6.1%), diikuti Sibul, Sarawak, 822.0 tan metrik (1.6%) dan Kinta, Perak, 787.5 tan metrik (1.6%).

### Paparan 136: Tiga Daerah Teratas bagi Kuantiti Jualan, Malaysia, 2023

1.	Cameron Highlands	4,856.4 tan metrik (9.6%)
2.	Muar	4,837.7 tan metrik (9.5%)
3.	Johor Bahru	2,569.8 tan metrik (5.1%)

## 6.6 Nilai Jualan

Keseluruhan nilai jualan bagi penanaman cili merekodkan RM604.59 juta. Johor merekodkan nilai jualan tertinggi dengan RM183.55 juta (30.4%), diikuti Kelantan, RM103.54 juta (17.1%) dan Pahang, RM82.53 juta (13.7%). Johor turut merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu, RM142.24 juta (34.1%), diikuti Kelantan, RM89.59 juta (21.5%) dan Sabah, RM35.46 juta (8.5%). Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Pahang merekodkan nilai jualan tertinggi, RM47.56 juta (25.4%), diikuti Johor, RM41.31 juta (22.0%) dan Perak, RM21.76 juta (11.6%).

### Paparan 137: Tiga Negeri Teratas bagi Nilai Jualan, Malaysia, 2023

1.	Johor	RM183.55 juta (41.9%)
2.	Kelantan	RM103.54 juta (34.1%)
3.	Pahang	RM82.53 juta (8.2%)

Muar, Johor mencatatkan nilai jualan tertinggi, RM61.30 juta (10.1%), diikuti Cameron Highlands, Pahang, RM54.04 juta (8.9%) dan Johor Bahru, Johor, RM34.04 juta (5.6%). Muar, Johor turut merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu dengan RM206.3 juta (64.6%), diikuti Bachok, Kelantan, RM27.25 juta (4.5%) dan Pasir Puteh, Kelantan, RM26.71 juta (4.4%). Cameron Highlands, Pahang, merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan, RM34.51 juta (5.7%), diikuti Batu Pahat, Johor, RM10.38 juta (1.7%) dan Sibul, Sarawak, RM10.29 juta (1.7%).

### Paparan 138: Tiga Daerah Teratas bagi Nilai Jualan, Malaysia, 2023

1.	Muar	RM61.30 juta (10.1%)
2.	Cameron Highlands	RM54.04 juta (8.9%)
3.	Johor Bahru	RM34.04 juta (5.6%)

## 6.7 Produktiviti

Produktiviti cili di Malaysia mencatatkan 9.9 tan metrik per hektar pada tahun 2023. Pegangan pertanian individu merekodkan produktiviti 9.4 tan metrik per hektar, manakala pegangan pertanian pertubuhan pula 11.3 tan metrik per hektar. Perak merekodkan produktiviti tertinggi (15.5 tan metrik/hektar), diikuti Kelantan (13.2 tan metrik/hektar) dan Johor (11.5 tan metrik/hektar).

### Paparan 139: Tiga Negeri Teratas bagi Produktiviti, Malaysia, 2023

1.	Perak	15.5 tan metrik/hektar
2.	Kelantan	13.2 tan metrik/hektar
3.	Johor	11.5 tan metrik/hektar



## MENEMBUSI PASARAN SINGAPORE: POTENSI DAN MASA DEPAN INDUSTRI SAYUR-SAYURAN MALAYSIA

Nur Anis Karmila binti Mohamad Kamil

Dua dekad yang lalu telah menyaksikan peningkatan ketara dalam penggunaan komoditi pertanian, yang didorong terutamanya oleh pertumbuhan populasi serta peningkatan pendapatan di negara-negara berpendapatan rendah dan sederhana (*Food and Agriculture Organization, FAO 2023*). Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia 2023, Malaysia mencatatkan perkembangan positif dalam sektor eksport sayur-sayuran. Nilai eksport keseluruhan bagi produk sayur-sayuran dianggarkan sekitar RM1.1 bilion. Negara-negara utama yang menjadi destinasi eksport termasuk Singapore dengan nilai sekitar RM815 juta, diikuti oleh Thailand (RM122 juta) dan Indonesia (RM104 juta).

Sebaliknya, Malaysia masih bergantung kepada import untuk memenuhi keperluan domestik dalam sektor sayur-sayuran. Pada tahun yang sama, jumlah import produk sayur-sayuran bernilai RM4.8 bilion, dengan China sebagai pembekal utama yang menyumbang sekitar RM2.8 bilion. Selain itu, negara-negara utama yang menjadi sumber import Malaysia termasuk India (RM610 juta), Thailand (RM284 juta), dan Pakistan (RM232 juta) kerana kebanyakannya negara ini menjadi pembekal utama bagi komoditi seperti bawang, ubi kentang, lobak merah/putih, dan kubis yang kebanyakannya tidak sesuai ditanam di iklim Malaysia. Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia, prestasi eksport sayur-sayuran Malaysia berkembang stabil iaitu dengan nilai eksport 2022, RM878 juta dan RM1.1 bilion pada tahun 2023. Dalam tempoh sama, import sayur-sayuran pada tahun 2023 bernilai RM4.8 bilion manakala pada tahun 2022 mencatatkan nilai import RM4.2 bilion.

### Paparan 1: Nilai Perdagangan Sayur-Sayuran Malaysia Keseluruhan, 2022 dan 2023

	2022	2023
Import (RM '000)	4,292,419.5	4,857,693.7
Eksport (RM '000)	878,924.0	1,084,055.5
Jumlah dagangan (RM '000)	3,413,495.5	3,773,638.2
Defisit/ Lebihan	Defisit	Defisit

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022 & 2023

Nota: Sayur-sayuran ini terdiri daripada bawang (HS0703), tomato (HS0702), kacang buncis (HS0713), timun (HS0707), ubi kentang (HS0701), salad (HS0705), kubis (HS0704), kekacang (HS0713), terung (HS0709), lobak merah/putih (HS 0706), bayam (HS0710), cili, kacang Panjang (HS 0708), cendawan (HS 0711), sawi (HS0704), bendi (HS 0709), ubi kayu (HS0714), keladi (HS0714), brokoli (HS0704), kacang pea (HS0708), asparagus (HS0709), ubi keladi (HS0714), dan lain-lain.

## IMPORT

Malaysia merupakan sebuah negara yang masih bergantung secara signifikan kepada import sayur-sayuran bagi memenuhi permintaan domestik yang semakin meningkat. Import sayur-sayuran Malaysia bernilai RM 4.8 bilion pada 2023 berbanding 2022 dengan nilai RM 4.2 bilion menunjukkan Malaysia masih bergantung secara signifikan kepada import sayur-sayuran.

### Paparan 2: Komoditi Utama Import, 2023

Komoditi	Kuantiti Import (tan metrik)	Nilai Import (RM '000 000)	Kadar Kebergantungan Import (IDR %)	Pasaran Utama
Bawang	768,410	2,132.8	100.0	India
Ubi Kentang	294,293	564.9	-	China
Kubis	255,906	494.2	60.5	China
Lobak Merah / Putih	103,007	214.7	97.1	China
Cili	84,652	233.0	66.5	Thailand

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023

Pada tahun 2023, bawang mendominasi sayuran import dengan kuantiti tertinggi, 768,410.0 tan metrik (RM 2.1 bilion), manakala pasaran utamanya diimport dari India. Menurut FAMA (2023), bawang merupakan barangan keperluan pengguna yang bekalannya bergantung kepada import dari luar negara dan lazimnya rakyat Malaysia terutamanya suri rumah lebih mengemari bawang yang di import dari India. Bawang merupakan tanaman yang sesuai ditanam di tempat beriklim panas seperti iklim tropika dan subtropika. Ubi Kentang (RM 564 juta), Kubis (RM 494 juta) dan Lobak Merah/Putih (RM 215 juta) pula diimport dari China. Cili dengan nilai import RM233 juta pula diimport dari Thailand China kekal sebagai rakan dagang utama Malaysia bagi 15 tahun berturut-turut sejak 2009 (DOSM, 2023). Ini menunjukkan bahawa China merupakan negara import terbesar bagi Malaysia bagi tahun 2023.

Kadar Kebergantungan Import menerangkan kebergantungan sesebuah negara kepada import komoditi pertanian dalam memenuhi keperluan domestik (DOSM, 2024), Semakin tinggi kadar tersebut, menunjukkan semakin banyak bekalan komoditi pertanian yang diimport. Bawang menunjukkan kadar kebergantungan import tertinggi dengan 100.0 peratus berbanding ubi kentang, kubis (60.5%), lobak merah/putih (97.1%) dan cili (66.5%).

## EKSPORT

Pada tahun 2023, nilai eksport sayur-sayuran Malaysia ke Singapore mencecah RM735.3 juta daripada jumlah keseluruhan eksport sayur negara (RM1.0 billion), sekali gus menjadikan Singapore sebagai destinasi eksport utama bagi sayur-sayuran Malaysia bagi komoditi utama.

**Paparan 3: Komoditi Eksport Utama, 2023**

Komoditi	Kuantiti Eksport (tan metrik)	Nilai Eksport (RM '000 000)	Pasaran Utama
Bawang	61,661.4	182.7	Thailand
Lain-lain	35,180.6	120.3	Singapore
Tomato	34,754.0	117.5	Singapore
Kacang Buncis	22,702.4	104.8	Indonesia
Timun	18,428.7	44.1	Singapore
Ubi Kentang	15,897.2	36.6	Singapore
Salad	14,571.2	92.4	Singapore
Kubis	13,395.1	40.3	Singapore

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023

Malaysia mengeksport pelbagai jenis sayur-sayuran ke pasaran antarabangsa, terutamanya ke negara-negara jiran seperti Singapore dan Thailand. Komoditi sayur-sayuran utama yang dieksport oleh Malaysia ialah bawang dengan kuantiti tertinggi, 61,661.4 tan metrik dan nilai eksport berjumlah RM182.7 juta disusuli dengan sayuran lain-lain, 35,180.6 tan metrik dengan nilai RM120.3 juta, tomato dengan kuantiti eksport berjumlah 34,754.0 tan metrik bernilai RM117.5 juta. Kacang buncis, dengan kuantiti , 22,702.4 tan metrik dan nilai eksport berjumlah RM104.8 juta, diikuti oleh timun, 18,428.7 tan metrik (RM44.1 juta), serta ubi kentang, 15,897.2 tan metrik dengan nilai RM36.6 juta. Salad turut mencatat kuantiti eksport 14,571.2 tan metrik (RM92.4 juta) dan kubis dengan kuantiti eksport, 13,395.1 tan metrik (RM40.3 juta). Ini menunjukkan bahawa sayuran berdaun merupakan komoditi eksport utama dengan kuantiti eksport tertinggi berbanding komoditi lain.

## PASARAN SINGAPORE: DESTINASI EKSPORT UTAMA MALAYSIA

Berdasarkan *Singapore Food Statistics 2023*, Singapore sangat bergantung kepada makanan import dengan lebih daripada 90% makanan mereka datang dari luar negara. Paparan di bawah menunjukkan pertumbuhan kuantiti eksport Malaysia ke Singapore bagi sayur-sayuran dari tahun 2019 sehingga tahun 2021.

### Paparan 4: Pertumbuhan Kuantiti Eksport Malaysia ke Singapore, 2019–2021



Sumber : *Singapore Food Agency*, 2021

Pada tahun 2019, jumlah kuantiti import keseluruhan sayur-sayuran Singapore adalah 559,600 tan metrik, dan Malaysia menyumbang kuantiti eksport, 229,436 tan metrik (41%). Pada tahun 2020, jumlah kuantiti import keseluruhan sayur-sayuran Singapore adalah 581,800 tan metrik, dan Malaysia menyumbang kuantiti eksport, 244,356 tan metrik (42%) manakala pada tahun 2021, jumlah kuantiti import keseluruhan sayur-sayuran Singapore adalah 567,900 tan metrik, Malaysia menyumbang kuantiti eksport, 238,518 tan metrik (42%).

Berdasarkan *Statistics Food Statistics 2021*, kuantiti import makanan yang meliputi import sayur-sayuran Singapore menunjukkan penurunan antara 2% hingga 7% pada tahun 2021. Penurunan ini sejajar dengan pengurangan populasi keseluruhan Singapore, yang sebahagian besarnya berpunca daripada penurunan bilangan bukan penduduk semasa pandemik COVID-19 (Department of Statistics, 2021). Bagi tahun-tahun berikutnya, jumlah import sayur-sayuran Singapore terus menunjukkan turun naik apabila iaitu merekodkan 537,800 tan metrik pada tahun 2022 dan 547,400 tan metrik pada tahun 2023. Sungguhpun begitu, Malaysia masih kekal sebagai negara peneraju utama sumber import sayur-sayuran Singapore.

## KESIMPULAN

Singapura sangat bergantung kepada makanan import, dengan lebih 90 peratus bekalan datang dari luar negara. Statistik turut menunjukkan Malaysia merupakan satu pembekal utama sayur-sayuran ke Singapura, menyumbang sekitar 41 hingga 42 peratus daripada jumlah import sayur-sayuran Singapura antara tahun 2019 hingga 2023. Kedudukan Malaysia yang secara geografinya bersempadan dengan Singapura meletakkan Malaysia pada kedudukan strategik untuk memperluaskan pasaran eksport sayur-sayurannya.

### Penafian:

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia

### Rujukan:

Astro Awani. (n.d.). MARDI jalankan penyelidikan tanaman bawang, kurang kebergantungan bawang import. <https://www.astroawani.com/>

Department of Statistics Singapore. (2024). Singapore food statistics. <https://www.singstat.gov.sg/>

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih. <https://www.dosm.gov.my/>

OECD & FAO. (2024). *OECD-FAO agricultural outlook 2024–2033*. OECD Publishing. <https://www.oecd.org/publications/oecd-fao-agricultural-outlook-2024-2033>

World Bank Group. (2025). Food security update: The Bank's response to rising food insecurity. <https://www.worldbank.org/>

## MYGAP & MYORGANIC: MEMANGKIN PRODUKTIVITI DAN NILAI PRODUK PERTANIAN NEGARA

Mohd Firdaus bin Zaini, Nurin Nayli binti Ahmad,  
Wan Mohd Shahrulnizam bin Wan Mohd Najuri

### Pengenalan

Kaedah pertanian konvensional mampu memaksimumkan keuntungan melalui penggunaan jentera, baja kimia sintetik, pestisid dan organisma terubah suai secara genetik (Gomiero, 2018). Walau bagaimanapun, amalan tersebut tidak mengambil kira kesan secara tidak langsung bagi jangka panjang terhadap dinamik ekologi pertanian dan biodiversiti (Tsutsui et al., 2018). Pada dasarnya, aktiviti pertanian yang dilaksanakan secara konvensional menyumbang eksternaliti negatif yang signifikan kepada alam sekitar melalui tiga (3) perkara iaitu penggunaan air tawar yang banyak, pelepasan gas rumah hijau dan penggunaan tanah yang luas. Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (*Food and Agriculture Organization of the United Nations* – FAO) melaporkan sebanyak 78 peratus eutrofikasi laut dan air tawar, 26 peratus pelepasan gas rumah hijau dan 50 peratus penggunaan tanah global telah disumbangkan oleh aktiviti pengeluaran Pertanian (Poore & Nemecek, 2018).

Menyedari hakikat ini, pertanian lestari atau pertanian agroekologi menjadi tumpuan institusi pertanian seluruh dunia sebagai suatu sistem pertanian alternatif yang mampu untuk memenuhi keperluan makanan global secara lestari dan cekap (Mishra et al., 2018). FAO telah memperkenalkan amalan pertanian baik (*Good Agricultural Practice* – GAP) yang menekankan aspek pemuliharaan, pemeliharaan dan pengurangan pencemaran alam sekitar (FAO, 2003). Inisiatif ini adalah sejajar dengan pembentukan Artikel 14 dalam Agenda 21 Persidangan Alam Sekitar dan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (*United Nations Conference on Environment and Development* – UNCED) yang bertujuan untuk mengekalkan dan meningkatkan keupayaan tanah pertanian bagi memenuhi permintaan makanan penduduk di samping memulihara dan memelihara sumber semula jadi bagi mengekalkan nisbah manusia/tanah (United Nations, 1992).

### Pensijilan Skim myGAP dan myOrganic

Di Malaysia, Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) telah melaksanakan pensijilan Skim Amalan Pertanian Baik (myGAP) pada tahun 2002 dan Skim Organik Malaysia (myOrganic) pada tahun 2003 bagi menggalakkan prinsip pertanian selamat,

berkualiti dan mampan serta amalan pertanian organik bebas bahan kimia sintetik. Secara amnya, inisiatif ini adalah berlandaskan kepada empat (4) tonggak yang menjadi prinsip asas Amalan Pertanian Baik (GAP) di peringkat antarabangsa iaitu Kedayahidupan Ekonomi, Kemampanan Alam Sekitar, Kebolehterimaan Sosial serta Keselamatan dan Kualiti Makanan (FAO, 2003). Seiring dengan piawaian di peringkat antarabangsa seperti GlobalG.A.P., ASEAN GAP dan lain-lain, myGAP mengiktiraf ladang yang mematuhi piawaian yang ditetapkan iaitu *Malaysian Standard MS 1784:2016 Good Agricultural Practice (GAP) – Crop Commodities (Second Revision)*.

Piawaian ini merangkumi 17 elemen utama yang melibatkan 179 perkara pematuhan amalan keseluruhan proses pengeluaran pertanian iaitu dari peringkat persediaan, pemupukan, pengurusan, penuaian sehingga pemasaran dan penarikan semula produk dari pasaran.

Manakala, myOrganic pula merupakan pensijilan yang mengiktiraf pengusaha ladang yang mengamalkan sistem agronomi yang tidak melibatkan penggunaan bahan kimia dalam proses pengeluaran. Pensijilan ini adalah berasaskan *Malaysian Standard MS 1529:2015 Plant-based organically produced foods-Requirements for production, processing, handling, labelling and marketing (First revision)*. Sebanyak 11 elemen utama yang meliputi 129 perkara di dalam pensijilan yang digariskan untuk dipatuhi.

Selain dari menyumbang kepada kelestarian alam, pelbagai manfaat yang diperoleh dari pensijilan ini yang tidak terhad kepada pengurusan ladang yang lebih cekap, peningkatan produktiviti dan pengeluaran, serta nilai produk yang lebih tinggi. Paparan 1 memaparkan ringkasan kerangka Amalan Pertanian Baik (GAP) di dalam subsektor Tanaman di Malaysia.

**Paparan 1: Kerangka Amalan Pertanian Baik (GAP) Subsektor Tanaman.**



## **Kedudukan Amalan Pertanian Baik Subsektor Tanaman Sayur-sayuran Malaysia**

Berikutan peningkatan kesedaran global terhadap isu sekuriti makanan yang turut disertai dengan keprihatinan terhadap keperluan pemakanan yang sihat dan selamat, prospek pertanian lestari di dalam tanaman makanan dijangka menjadi semakin signifikan dalam tempoh 10 hingga 20 tahun akan datang (Khazanah Research Institute, 2021). Penumpuan ini tidak hanya terhad kepada komoditi makanan ruji seperti padi dan gandum, tetapi turut meliputi sayur-sayuran yang merupakan komoditi tanaman makanan yang semakin diiktiraf sebagai komoditi penting dalam sekuriti dan keterjaminan makanan.

Berdasarkan rekod Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), sebanyak 7,702 ladang tanaman makanan telah memperoleh pensijilan myGAP yang masih sah laku sekurang-kurangnya pada tahun 2025. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,118 ladang (27.5 peratus dari keseluruhan pensijilan myGAP) yang meliputi keluasan fizikal tanaman sebanyak 3,754 hektar pada 2025 menjalankan aktiviti tanaman sayur-sayuran. Antara komoditi utama sayur-sayuran yang menjadi tumpuan pensijilan myGAP adalah Cili, Terung, Bendi, Sawi dan Kacang Panjang. Kelima-lima komoditi ini menyumbang 68.6 peratus dari keseluruhan persijilan dengan bilangan rekod dan jumlah keluasan ladang masing-masing sebanyak 1,594 dan 2,575.34 hektar. Sementara itu, dari aspek geografi, Johor mencatatkan bilangan penerima pensijilan myGAP tertinggi dengan 335 rekod (15.8%) yang meliputi 956 hektar. Ini diikuti oleh Selangor dengan bilangan ladang sayur-sayuran sebanyak 331 (15.6%) yang seluas 528 hektar, serta Pahang dengan 316 rekod (14.9%) yang seluas 679 hektar.

Dalam tempoh yang sama, rekod pentadbiran menunjukkan bahawa sebanyak 123 ladang telah menerima akreditasi pensijilan myOrganic yang masih sah laku pada tahun 2025 dan ke atas. Menariknya, meskipun sebanyak 80 ladang atau 65 peratus daripada jumlah tersebut melibatkan tanaman sayur-sayuran, keluasan fizikal yang diliputi hanyalah merangkumi 19.6 peratus daripada jumlah keseluruhan keluasan ladang yang diperakui. Fenomena ini menunjukkan kecenderungan pensijilan kepada ladang yang berskala kecil dan kurang dikomersialkan, mencerminkan pola pengeluaran organik yang masih bertumpu kepada pemain kecil dalam rantai nilai agro-makanan negara. Meneliti lebih lanjut, penanaman sayur-sayuran jenis Cendawan mencatatkan bilangan penerima pensijilan tertinggi, merangkumi 27.6 peratus dari keseluruhan jumlah rekod pegangan pertanian sayuran dengan jumlah keluasan sebanyak 41.3 hektar. Ini diikuti oleh tanaman komoditi seperti seperti Sawi, Labu Air/Manis, Kubis, Bayam dan Tomato, yang secara kolektif menyumbang 49.1 peratus daripada jumlah keluasan tanaman organik yang diperakui.



Dari perspektif geografi, Pahang mencatatkan jumlah tertinggi pegangan pertanian yang menerima pensijilan myOrganic dalam subsektor sayur-sayuran, dengan 21 penerima, diikuti rapat oleh Selangor (16 penerima) dan Johor (12 penerima). Statistik ini mencerminkan pengagihan pensijilan yang tertumpu di kawasan maju dan berinfrastruktur sokongan yang kukuh, sekaligus memberi gambaran tentang kesediaan ekosistem tempatan dalam menyokong amalan pertanian organik secara lebih meluas.

### **myGAP: Pematuhan Memacu Produktiviti Pertanian**

Pensijilan myGAP dilihat bukan sekadar satu piawaian pematuhan, tetapi juga sebagai pemangkin kepada peningkatan pulangan pengusaha pertanian. Analisa emperikal yang menggabungkan antara rekod pensijilan myGAP oleh DOA dan data terkini daripada Banci Pertanian 2024 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mendedahkan bahawa pengusaha yang memiliki sijil myGAP mencatatkan produktiviti (yang diukur dengan menisbahkan kuantiti pengeluaran dengan keluasan) yang lebih tinggi berbanding pengusaha tanpa pensijilan.

Daripada keseluruhan 47,080 pegangan pertanian di dalam subsektor Tanaman aktiviti Sayur-sayuran yang dianalisa, 1,879 pegangan pertanian dikenalpasti memegang pensijilan myGAP secara aktif pada tempoh rujukan. Dapatan menunjukkan kumpulan ini merekodkan purata (min) kuantiti pengeluaran sebanyak 19.1 tan metrik per hektar, iaitu 23.8 peratus lebih tinggi berbanding pengusaha tanpa pensijilan, yang hanya mencatatkan 15.4 tan metrik per hektar. Lebih menyakinkan, ujian statistik Mann-Whitney mengesahkan perbezaan tersebut adalah secara statistiknya signifikan pada aras keyakinan  $p < 0.05$ , sekali gus mengukuhkan hujah bahawa pensijilan myGAP meningkatkan produktiviti pengeluaran pertanian. Pada peringkat yang lebih mikro, analisa menunjukkan hampir semua komoditi sayur-sayuran menunjukkan peningkatan produktiviti seiring dengan status pensijilan. Namun begitu, tanaman Cendawan terkecuali apabila purata (min) hasil ladang bagi pengusaha bukan pemegang sijil yang lebih tinggi berbanding pengusaha memiliki sijil myGAP seperti di jadual 1. Walau bagaimanapun, perbezaan ini tidak signifikan secara statistik (pada aras keyakinan  $p < 0.05$ ), sekali gus mengekalkan naratif keseluruhan bahawa pensijilan myGAP meningkatkan produktiviti pengeluaran merentasi pelbagai jenis sayur-sayuran.

**Jadual 1 : Analisa Perbandingan Purata (Min) Produktiviti Pengeluaran mengikut Pensijilan myGAP**

Komoditi Sayur-Sayuran	N	Min Pengeluaran (mt/ ha)		Statistik Ujian Mann-Whitney	Nilai-p
		Pemegang sijil myGAP	Bukan Pemegang sijil myGAP		
01112-Kekacang	5,515	28,199	15,121	1036164.500	p=0.00*
01131-Sawi	6,760	14,869	11,690	915915.000	p=0.00*
01132-Bayam	2,422	9,786	9,616	145968.000	p=0.00*
01134-Cendawan	718	24,751	30,166	21983.500	p=0.06
01135-Timun	5,547	29,908	25,013	2027038.500	p=0.00*
01136-Terung	6,005	15,159	11,586	1702786.500	p=0.00*
01137-Kobis	1,628	28,062	26,952	29693.500	p=0.652
01138-Tomato	1,202	44,488	34,712	33049.500	p=0.011*
01139-Lain-lain	30,343	18,594	17,679	24879199.000	p=0.00*
01282-Cili	22,725	11,588	10,333	8874343.500	p=0.00*
<b>Keseluruhan</b>	<b>82,865</b>	<b>19,122</b>	<b>15,448</b>	<b>191343973.500</b>	<b>p=0.00*</b>

Nota: 1. Berdasarkan pengiraan pengarang ke atas data interim Banci Pertanian 2024.

2. Ujian normaliti menunjukkan bahawa data tidak mengikut taburan normal. Oleh itu, ujian bukan parametrik Mann-Whitney U digunakan untuk perbandingan kumpulan.

3. Nilai asimptot (2-hala) dilaporkan. (\*) merujuk kepada hipotesis nol ditolak pada aras keyakinan 5%

Secara amnya, penemuan ini adalah sejajar dengan kajian-kajian lain yang dilaksanakan di peringkat antarabangsa dan di dalam negara. Kharel et al. (2022) dalam kajian mereka di Nepal melaporkan bahawa pengamalan prinsip GAP berjaya meningkatkan hasil tanaman sehingga 36 peratus, yang seterusnya menyumbang kepada lonjakan pendapatan petani melebihi dua kali ganda. Sementara itu, kajian oleh Pimkhwan et al. (2023) mendapati bahawa pengamalan GAP dalam kalangan pengusaha ladang cili di Thailand mempunyai kesan positif yang signifikan terhadap kecekapan teknikal melalui pengurusan sumber input yang lebih sistematik, pengawalan penyakit yang lebih baik, dan mengurangkan pembaziran bahan input. Di Malaysia, implementasi GAP memberi kelebihan produktiviti tidak hanya terhadap pertanian yang berskala besar dan tanaman industri seperti kelapa sawit (Mohd Suib et al., 2023) tetapi kepada tanaman berskala kecil dan tanaman jangka pendek seperti sayur-sayuran (Islam et al., 2012).

### **myOrganic: Memposisikan Produk pada Harga Premium**

Manfaat pensijilan Amalan Pertanian Baik tidak terhad kepada peningkatan hasil pengeluaran semata-mata, malah ia merangkumi peluasan akses pengusaha ke pasaran bernilai tinggi. Produk tanaman yang diperakui di bawah label myOrganic

berupaya mewujudkan diskriminasi harga dan memposisikan produk pertanian kepada segmen pengguna yang mempunyai keluk permintaan kurang anjal, iaitu pengguna yang lebih mengutamakan aspek kualiti, keselamatan makanan dan kelestarian alam sekitar. Selain itu, pensijilan ini bukan sahaja membolehkan produk dijual pada harga premium, malah turut berpotensi membina kepercayaan pengguna serta memperkukuh kedudukan jenama pengeluar di pasaran domestik dan antarabangsa.

Kajian oleh Logesary & Nitanan (2025) mendapati, pengguna di Lembah Klang sanggup untuk membayar secara purata RM1.58 per kg lebih tinggi untuk membeli sayur-sayuran yang mendapat pengiktirafan Amalan Pertanian Baik.

Gambaran yang lebih menyeluruh berhubung perbezaan harga hasil tanaman berdasarkan status pensijilan turut ditunjukkan dari analisa data Banci Pertanian 2024. Analisis terhadap pengusaha yang memiliki pensijilan myOrganic menunjukkan bahawa harga komoditi sayur-sayuran daripada kumpulan ini secara konsisten dipasarkan pada lebih tinggi berbanding pengusaha tanpa pensijilan. Secara keseluruhan, purata harga seunit keluaran (AUP) sayur-sayuran oleh pengusaha myOrganic adalah sebanyak RM12.40 sekilogram, iaitu 67.6 peratus lebih tinggi berbanding RM7.40 sekilogram bagi pengusaha tanpa pensijilan. Perbezaan ini adalah signifikan pada aras keyakinan 5 peratus ( $p < 0.05$ ), sekali gus memperkukuhkan dapatan bahawa pensijilan meningkatkan nilai harga pasaran hasil pertanian.

Meneliti sayur-sayuran mengikut jenis, komoditi Cendawan yang merupakan jenis tanaman paling tinggi pensijilan myOrganic dijual pada harga yang tinggi walaupun tanpa pensijilan. Namun, pensijilan myOrganic meningkatkan nilai premium tanaman ini sehingga produk ini mencecah purata RM21.8 sekilogram, iaitu 69.0 peratus lebih tinggi daripada AUP Cendawan keluaran pengusaha tanpa pensijilan. Begitu juga, sayur-sayuran lain yang menjadi sumber nutrisi hidangan harian penduduk Malaysia iaitu Bayam, Sawi, Kobis, Tomato dan Cili menunjukkan premium AUP di antara 26.8 peratus sehingga 53.2 peratus lebih tinggi. Jadual 2 menunjukkan perbandingan purata harga seunit (AUP) sayur-sayuran mengikut pensijilan myOrganic.

**Jadual 2 : Analisa Perbandingan Purata Harga Seunit (AUP) sayur-sayuran mengikut pensijilan myOrganic**

Komoditi Sayur-Sayuran	N	Purata Harga Seunit (per kg)		Statistik Ujian Mann-Whitney	Nilai-p
		Pemegang sijil myOrganic	Bukan Pemegang sijil myOrganic		
01112-Kekacang	5,515	12.9	7.64	21414.000	p=0.001*
01131-Sawi	6,760	8.6	6.39	93979.000	p=0.000*
01132-Bayam	2,422	7.5	4.88	14085.000	p=0.000*
01134-Cendawan	718	21.8	12.90	19227.000	p=0.000*
01135-Timun	5,547	6.0	4.02	26515.000	p=0.000*
01136-Terung	6,005	10.8	9.33	8079.000	p=0.319
01137-Kobis	1,628	6.5	4.35	14383.000	p=0.000*
01138-Tomato	1,202	8.5	6.60	6788.000	p=0.000*
01139-Lain-lain	30,343	8.0	5.60	429524.500	p=0.000*
01282-Cili	22,725	15.5	12.21	31772.000	p=0.015*
<b>Keseluruhan</b>	<b>82,865</b>	<b>12.4</b>	<b>7.4</b>	<b>5235233.500</b>	<b>p=0.000*</b>

Nota: 1. Berdasarkan pengiraan pengarang ke atas data interim Banci Pertanian 2024.

2. Ujian normaliti menunjukkan bahawa data tidak mengikut taburan normal. Oleh itu, ujian bukan parametrik Mann-Whitney U digunakan untuk perbandingan kumpulan.

3. Nilai asimptot (2-hala) dilaporkan. (\*) merujuk kepada hipotesis nol ditolak pada aras keyakinan 5%

### Cabaran ke Arah Pembudayaan Amalan Pertanian Baik

Meskipun kajian empirikal menunjukkan bahawa pensijilan Amalan Pertanian seperti myGAP dan myOrganic mampu meningkatkan produktiviti ladang dan memposisikan produk dalam segmen harga premium, kadar penyertaan dalam kalangan pengusaha pertanian di Malaysia masih kekal rendah. Menurut data Jabatan Pertanian Malaysia (DOA, 2023), hanya 3 peratus daripada 615,384 hektar keluasan tanaman makanan negara telah diperakui myGAP setakat Julai 2017. Angka ini menimbulkan persoalan penting: mengapa piawai yang terbukti membawa pulangan ekonomi masih gagal diterima secara meluas, khususnya dalam kalangan pengusaha kecil?

Laporan oleh Khazanah Research Institute (2024) bertajuk *Understanding the Landscape of Agrifood Smallholders in Malaysia* meneliti isu ini dengan lebih mendalam. Antara punca utama yang dikenalpasti ialah kekurangan pendedahan dan pemahaman tentang manfaat pensijilan, terutamanya dalam kalangan pengusaha kecil yang memiliki tahap pendidikan dan akses maklumat yang terhad. Tinjauan yang dijalankan pada tahun 2023 menunjukkan bahawa sebanyak 54 peratus responden tidak pernah mengetahui kewujudan program myGAP, sekaligus menjelaskan jurang maklumat yang masih luas dalam pelaksanaan dasar ini.

Tambahan pula, cabaran birokrasi turut membayangi proses pensijilan. Mohd Ali et al. (2021) mendapati bahawa prosedur kelulusan boleh mengambil masa antara 6 hingga 24 bulan, bergantung kepada keupayaan pengusaha untuk memenuhi keperluan teknikal. Pensijilan bukan sekadar melibatkan pengisian borang dan lawatan pegawai teknikal, malah memerlukan rekod ladang yang komprehensif, audit berkala, dan pematuhan menyeluruh terhadap garis panduan operasi ladang yang ditetapkan. Bagi pengusaha kecil yang mengendalikan ladang secara konvensional, tanpa sokongan pentadbiran atau khidmat teknikal profesional, keperluan ini bukan sahaja membebankan, malah menghakis minat untuk beralih kepada sistem pertanian yang berpiawaian.

Situasi ini turut disumbangkan oleh kos pelaksanaan yang relatifnya tinggi terutama kepada pengusaha kecil pertanian. Meskipun tiada yuran rasmi dikenakan untuk proses permohonan, pengusaha pertanian berkemungkinan perlu melabur dalam pembaikan infrastruktur ladang, pemasangan sistem pengairan, penyediaan peralatan pengurusan hasil dan latihan pekerja yang mana memerlukan suntikan modal tambahan. Dalam konteks pertanian organik, kos menjadi lebih tinggi apabila ladang perlu menggunakan input lestari seperti baja kompos bersijil, agen kawalan biologi dan pemantauan perosak tanpa racun kimia.

Akibat daripada rintangan ini, ramai pengusaha kecil memilih untuk kekal dalam sistem pertanian konvensional yang kurang berstruktur tetapi lebih murah dan mudah diurus, walaupun terpaksa berhadapan dengan risiko pasaran dan had penembusan ke segmen pengguna bernilai tinggi.

Mendepani cabaran ini, strategi bagi meningkatkan penyertaan pengusaha pertanian dalam pensijilan Amalan Pertanian Baik seperti myGAP dan myOrganic perlu diperkecepat. Antaranya adalah dengan mengurangkan jurang pengetahuan berkaitan Amalan Pertanian Baik di kalangan pengusaha pertanian khususnya kepada mereka yang berpendidikan rendah dan juga pengusaha yang tinggal di kawasan luar bandar. Oleh itu, promosi dan perkongsian pengetahuan berkaitan myGAP dan myOrganic perlu digerakkan secara inklusif dan berteraskan komuniti, dengan kaedah penyampaian yang lebih berkesan. Pengetahuan turut haruslah tidak hanya menumpukan aspek teknikal, tetapi turut menekankan nilai ekonomi yang terhasil dari pensijilan.

Selain itu, program dan dasar yang lebih strategik bagi menyokong pembudayaan Amalan Pertanian Baik perlu dipertimbangkan. Antara langkah yang boleh diambil

seperti disarankan oleh Khazanah Research Institute (2024) adalah seperti berikut:-

- i. **Menjalankan program intervensi** berkaitan Amalan Pertanian Baik secara bersasar.
- ii. Mempertingkatkan **sesi perkongsian ilmu dan latihan**
- iii. Menambah baik proses pensijilan myGAP dan myOrganic dengan **memudah cara proses permohonan dan akreditasi**.
- iv. **Memperluaskan insentif** dalam bentuk kewangan dan bantuan teknikal terutama pengusaha kecil pertanian.
- v. Pendekatan **pensijilan berkelompok** yang membolehkan pengusaha kecil berkongsi kos, sumber dan kepakaran.

Kesimpulannya, pensijilan pertanian seperti myGAP dan myOrganic memainkan peranan penting dalam meningkatkan produktiviti ladang dan menambah nilai komersial hasil pertanian negara. Ia merupakan instrumen ke arah pengeluaran pertanian yang lebih cekap, lestari dan selamat. Namun begitu, pembudayaan pensijilan ini memerlukan strategi yang menyeluruh dan bersifat inklusif, termasuk memperkukuh kesedaran dalam kalangan pengusaha kecil yang berbilang latar belakang serta melaksanakan program dasar yang lebih responsif dan menggalakkan penyertaan.

#### **Penafian:**

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia

**Rujukan:**

- Dayang Mazadah, M. S. (2023). *Pensijilan myGAP: Pengalaman & Amalan Terbaik Penternakan Lebah Kelulut*. [Slaid pembentangan].
- FAO. (2003). *Development of a framework for Good Agricultural Practices*. Food and Agriculture Organization of the United Nations.  
<https://www.fao.org/3/y8704e/y8704e00.htm>
- Gomiero, T. (2018). Food quality assessment in organic vs. conventional agricultural produce: Findings and issues. *Applied Soil Ecology*, 123, 714–728.  
<https://doi.org/10.1016/j.apsoil.2017.10.014>
- Islam, G. M. N., Arshad, F. M., Radam, A., & Alias, E. A. (2012). Good agricultural practices (GAP) of tomatoes in Malaysia: Evidences from Cameron Highlands. *African Journal of Business Management*, 6(47), 11668–11673.  
<https://doi.org/10.5897/AJBM12.895>
- Kharel, M., Raut, N., & Dahal, B. M. (2024). Analysis of profitability in Good Agricultural Practices based vegetable farming system in mid-hill region of Nepal. *Nepalese Horticulture*, 18, 104–111.  
<https://doi.org/10.3126/nh.v18i1.72821>
- Khazanah Research Institute. (2024). *Understanding the landscape of agrifood smallholders in Malaysia: Climate risks, sustainable standards, and gender gap*. Khazanah Research Institute.
- Khazanah Research Institute. (2021). *Achieving Food Security for all Malaysians* [Discussion Paper].  
[https://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/Discussion%20Paper\\_Achieving%20Food%20Security%20for%20all%20Malaysians.pdf](https://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/Discussion%20Paper_Achieving%20Food%20Security%20for%20all%20Malaysians.pdf)
- Krasachat, W. (2023). The effect of Good Agricultural Practices on the technical efficiency of chili production in Thailand. *Sustainability*, 15(1), 866.  
<https://doi.org/10.3390/su15010866>
- Logesary, M., & Nitanan, K. (2025). *Willingness to pay for certified Good Agricultural Practices (GAP) vegetables among consumers in Klang Valley*.
- Mohd Suib, N. A. b., Salleh, N. H. M., Shukor, M. S., Chamhuri, N., Shahimi, S., Salleh, K. M., & Hashim, K. (2023). The influence of Good Agricultural Practice (GAP) on the productivity and well-being of Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO)-certified independent smallholders in Malaysia. *Agriculture*, 13(5), 990. <https://doi.org/10.3390/agriculture13050990>
- Poore, J., & Nemecek, T. (2018). Reducing food's environmental impacts through producers and consumers. *Science*, 360(6392), 987–992.  
<https://doi.org/10.1126/science.aag0216>
- Tsutsui, M. H., Kobayashi, K., & Miyashita, T. (2018). Temporal trends in arthropod abundances after the transition to organic farming in paddy fields. *PLOS ONE*, 13(1), e0190946. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0190946>

United Nations. (1992). *Agenda 21: Programme of action for sustainable development*. United Nations Conference on Environment and Development (UNCED).

<https://sustainabledevelopment.un.org/content/documents/Agenda21.pdf>

Vargas-Aguilar, J. R., Sánchez, E., & Segura, O. (2020). Comparative analysis of prices and production costs of organic and conventional vegetables. *Agronomía Costarricense*, 44(2), 67–78.



## REALITI TANAMAN SAYUR-SAYURAN PASCA BANJIR

Khairudin bin Uyop

### 1.1 Pengenalan

Menurut *Food and Agriculture Organization (FAO)*, dalam penerbitan *The Impact of Disasters on Agriculture and Food Security*, bagi tempoh 30 tahun dari 1991 hingga 2021, bencana alam telah mengakibatkan jumlah kerugian sebanyak \$3.8 trilion bagi pengeluaran tanaman dan ternakan global. Nilai tersebut bersamaan dengan purata kerugian tahunan sekitar \$123 bilion atau kira-kira 5 peratus daripada KDNK pertanian global. Kuantiti pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran dunia dianggarkan hilang sekitar 40 juta tan setiap tahun kesan daripada banjir.

FAO turut melaporkan antara tahun 2008 hingga 2018, negara-negara kurang maju dan berpendapatan sederhana mengalami kerugian sebanyak \$21 bilion bagi pengeluaran tanaman dan ternakan akibat banjir, yang menyumbang kepada 19 peratus daripada jumlah kerugian keseluruhan.

### 1.2 Kesan Banjir kepada Tanaman

Fenomena banjir mengakibatkan kesan signifikan dari pelbagai sudut seperti kerugian pada kerosakan atau kemusnahan tempat kediaman, kenderaan, premis perniagaan, sektor pembuatan, pertanian dan infrastruktur. Pada tahun 2023, nilai kerugian keseluruhan akibat banjir berjumlah RM755.4 juta, bersamaan 0.04 peratus berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar nominal. Nilai kerugian ini meliputi kerosakan tempat kediaman sebanyak RM168.3 juta, kenderaan RM22.3 juta, premis perniagaan RM53.2 juta, pembuatan RM10.3 juta, pertanian RM120.6 juta dan aset awam & infrastruktur sebanyak RM380.7 juta.

#### 1.2.1 Nilai kerugian sektor pertanian

Sektor Pertanian mengalami kerugian sebanyak RM119.5 juta pada tahun 2023 atau 15.8 peratus daripada nilai keseluruhan kerugian akibat banjir. Kelantan mencatatkan nilai kerugian tertinggi iaitu RM52.5 juta diikuti Terengganu RM31.3 dan Johor RM25.2 juta.

**Jadual 1: Nilai kerugian banjir bagi sektor pertanian mengikut Negeri, Malaysia, 2023**

Negeri	2023 (RM juta)
Johor	25.2
Kedah	0.4
Kelantan	52.5
Melaka	0.2
N.Sembilan	3.0
Pahang	3.4
P.Pinang	0.1
Perak	0.8
Selangor	3.3
Terengganu	31.3
Sabah	0.2
Sarawak	0.2
<b>MALAYSIA</b>	<b>119.5</b>

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024

### 1.2.2 Nilai kerugian subsektor tanaman

Subsektor tanaman termasuk penanaman sayur-sayuran, cili dan kekacang merekodkan nilai kerugian RM42.1 juta (35.3%) daripada keseluruhan nilai kerugian (RM119.5 juta). Ia merupakan subsektor dengan nilai kerugian kedua tertinggi selepas padi RM59.7 juta (50.0%).

**Jadual 2: Nilai kerugian banjir mengikut subsektor Pertanian, 2023**

Subsektor	2023 (RM juta)	Peratus (%)
Padi	59.7	50.0
Tanaman	42.1	35.3
Perikanan	2.1	1.8
Ternakan	15.5	13.0
Nelayan	0.0	0.0
Usahawan tani, pemasar tani dan Industri Makanan dan Asas Tani (IMAT)	0.0	0.0
<b>Jumlah kerugian</b>	<b>119.5</b>	<b>100.0</b>

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024

### 1.3 Strategi Pemulihan dan Mitigasi

Bagi memastikan kelangsungan aktiviti penanaman sayur-sayuran pasca banjir, beberapa strategi perlu dilaksanakan. Pertama, pembangunan varieti tahan banjir perlu diberi keutamaan melalui penyelidikan bagi menghasilkan varieti yang lebih tahan terhadap keadaan tanah lembap dan perubahan cuaca ekstrem (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia, 2024).

Penggunaan teknologi pertanian pintar seperti *raised bed farming* iaitu teknik pertanian di mana tanaman ditanam di atas permukaan tanah yang dinaikkan dalam batas atau kotak, menggunakan bahan seperti kayu atau batu bata. Kaedah ini membantu mengurangkan risiko banjir dan sesuai untuk kawasan beriklim lembap dan hujan lebat. Selain itu, sistem saliran cekap boleh membantu mengurangkan impak banjir terhadap tanaman (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia, 2024).

Kerajaan juga perlu menyediakan insentif dan bantuan kepada petani seperti subsidi benih dan baja bagi mempercepatkan pemulihan hasil tanaman (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, 2024). Di samping itu, pembinaan tebatan banjir yang lebih berkesan perlu dilaksanakan untuk mengurangkan risiko kerosakan tanaman dan memastikan kelangsungan sektor pertanian negara (Jabatan Pengairan dan Saliran, 2024).

Banjir akan sentiasa menjadi cabaran utama kepada sektor tanaman sayur-sayuran di Malaysia. Namun, dengan adanya strategi pemulihan yang berkesan serta sokongan daripada kerajaan dan agensi berkaitan, sektor ini mampu bangkit dan menyumbang kepada keterjaminan makanan negara. Langkah proaktif seperti penyelidikan varieti tahan banjir, penggunaan teknologi moden serta bantuan kepada petani akan memastikan kelangsungan industri pertanian dalam menghadapi cabaran perubahan iklim (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024).

#### **Penafian:**

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia

#### **Rujukan:**

*Food and Agriculture Organization (2023). The Impact of Disasters on Agriculture and Food Security.*

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia.

Jabatan Pengairan dan Saliran.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). Laporan Khas Impak Banjir di Malaysia.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**



# JADUAL



**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

**Jadual 1.0: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Sayur-sayuran mengikut Negeri, Malaysia, 2023***Table 1.0: Agriculture Holding for Vegetables Crop by State, Malaysia, 2023*

Negeri State	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
<b>Malaysia</b>	<b>44,422</b>	<b>94.35</b>	<b>2,658</b>	<b>5.65</b>	<b>47,080</b>	<b>100.0</b>
Johor	8,137	17.28	451	0.96	8,588	18.24
Kedah	814	1.73	73	0.16	887	1.88
Kelantan	4,465	9.48	66	0.14	4,531	9.62
Melaka	521	1.11	65	0.14	586	1.24
Negeri Sembilan	1,015	2.16	193	0.41	1,208	2.57
Pahang	2,865	6.09	653	1.39	3,518	7.47
Pulau Pinang	518	1.10	158	0.34	676	1.44
Perak	2,617	5.56	289	0.61	2,906	6.17
Perlis	207	0.44	11	0.02	218	0.46
Selangor	1,388	2.95	350	0.74	1,738	3.69
Terengganu	6,684	14.20	129	0.27	6,813	14.47
Sabah	8,085	17.17	42	0.09	8,127	17.26
Sarawak	6,848	14.55	121	0.26	6,969	14.80
W.P. Kuala Lumpur	31	0.07	42	0.09	73	0.16
W.P. Labuan	191	0.41	11	0.02	202	0.43
W.P. Putrajaya	36	0.08	4	0.01	40	0.08

**Sumber: Banci Pertanian 2024**  
*Source: Agriculture Census 2024*

**\* Nota:**

- 1. Analisa pada 28 Mei 2025**
- 2. Negeri merujuk lokasi pegangan pertanian**

**\* Notes:**

- 1. Analysis as at 28 May 2025**
- 2. State refer to the location where the agricultural holder reside**

**Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Sayur-Sayuran mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023**

*Table 1.1: Agriculture Holding for Vegetables Crop by Administrative District, Malaysia, 2023*

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
<b>Malaysia</b>	<b>44,422</b>	<b>94.35</b>	<b>2,658</b>	<b>5.65</b>	<b>47,080</b>	<b>100.0</b>
<b>Johor</b>	<b>8,137</b>	<b>17.28</b>	<b>451</b>	<b>0.96</b>	<b>8,588</b>	<b>18.24</b>
Batu Pahat	488	1.04	82	0.17	570	1.21
Johor Bahru	1,332	2.83	98	0.21	1,430	3.04
Kluang	404	0.86	44	0.09	448	0.95
Kota Tinggi	574	1.22	75	0.16	649	1.38
Mersing	381	0.81	5	0.01	386	0.82
Muar	1,296	2.75	26	0.06	1,322	2.81
Pontian	360	0.76	17	0.04	377	0.80
Segamat	1,450	3.08	21	0.04	1,471	3.12
Kulai	1,469	3.12	53	0.11	1,522	3.23
Tangkak	383	0.81	30	0.06	413	0.88
<b>Kedah</b>	<b>814</b>	<b>1.73</b>	<b>73</b>	<b>0.16</b>	<b>887</b>	<b>1.88</b>
Baling	100	0.21	5	0.01	105	0.22
Bandar Baharu	23	0.05	2	0.00	25	0.05
Kota Setar	59	0.13	9	0.02	68	0.14
Kuala Muda	113	0.24	19	0.04	132	0.28
Kubang Pasu	124	0.26	9	0.02	133	0.28
Kulim	54	0.11	7	0.01	61	0.13
Langkawi	91	0.19	3	0.01	94	0.20
Padang Terap	39	0.08	2	0.00	41	0.09
Sik	55	0.12	3	0.01	58	0.12
Yan	50	0.11	4	0.01	54	0.11
Pendang	49	0.10	7	0.01	56	0.12
Pokok Sena	57	0.12	3	0.01	60	0.13



**Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Subsektor Tanaman: Sayur-sayuran mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)**

*Table 1.1: Agriculture Holding for Vegetables Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)*

Daerah Pentadbiran Administrative District	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
<b>Kelantan</b>	<b>4,465</b>	<b>9.48</b>	<b>66</b>	<b>0.14</b>	<b>4,531</b>	<b>9.62</b>
Bachok	1,504	3.19	3	0.01	1,507	3.20
Kota Bharu	438	0.93	20	0.04	458	0.97
Machang	208	0.44	5	0.01	213	0.45
Pasir Mas	293	0.62	1	0.00	294	0.62
Pasir Puteh	473	1.00	6	0.01	479	1.02
Tanah Merah	247	0.52	6	0.01	253	0.54
Tumpat	618	1.31	3	0.01	621	1.32
Gua Musang	237	0.50	5	0.01	242	0.51
Kuala Krai	207	0.44	7	0.01	214	0.45
Jeli	194	0.41	2	0.00	196	0.42
Jajahan Kecil Lojing	46	0.10	8	0.02	54	0.11
<b>Melaka</b>	<b>521</b>	<b>1.11</b>	<b>65</b>	<b>0.14</b>	<b>586</b>	<b>1.24</b>
Alor Gajah	159	0.34	20	0.04	179	0.38
Jasin	129	0.27	14	0.03	143	0.30
Melaka Tengah	233	0.49	31	0.07	264	0.56
<b>Negeri Sembilan</b>	<b>1,015</b>	<b>2.16</b>	<b>193</b>	<b>0.41</b>	<b>1,208</b>	<b>2.57</b>
Jejebu	77	0.16	14	0.03	91	0.19
Kuala Pilah	96	0.20	13	0.03	109	0.23
Port Dickson	179	0.38	14	0.03	193	0.41
Rembau	144	0.31	21	0.04	165	0.35
Seremban	175	0.37	59	0.13	234	0.50
Tampin	257	0.55	19	0.04	276	0.59
Jempol	87	0.18	53	0.11	140	0.30

**Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Subsektor Tanaman: Sayur-sayuran mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)***Table 1.1: Agriculture Holding for Vegetables Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)*

Daerah Pentadbiran Administrative District	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
<b>Pahang</b>	<b>2,865</b>	<b>6.09</b>	<b>653</b>	<b>1.39</b>	<b>3,518</b>	<b>7.47</b>
Bentong	122	0.26	57	0.12	179	0.38
Cameron Highlands	1,803	3.83	480	1.02	2,283	4.85
Jerantut	87	0.18	15	0.03	102	0.22
Kuantan	156	0.33	25	0.05	181	0.38
Lipis	55	0.12	11	0.02	66	0.14
Pekan	183	0.39	4	0.01	187	0.40
Raub	61	0.13	15	0.03	76	0.16
Temerloh	134	0.28	25	0.05	159	0.34
Rompin	89	0.19	6	0.01	95	0.20
Maran	91	0.19	11	0.02	102	0.22
Bera	84	0.18	4	0.01	88	0.19
<b>Pulau Pinang</b>	<b>518</b>	<b>1.10</b>	<b>158</b>	<b>0.34</b>	<b>676</b>	<b>1.44</b>
Seberang Perai Tengah	180	0.38	36	0.08	216	0.46
Seberang Perai Utara	130	0.28	45	0.10	175	0.37
Seberang Perai Selatan	96	0.20	31	0.07	127	0.27
Timur Laut	40	0.08	27	0.06	67	0.14
Barat Daya	72	0.15	19	0.04	91	0.19
<b>Perak</b>	<b>2,617</b>	<b>5.56</b>	<b>289</b>	<b>0.61</b>	<b>2,906</b>	<b>6.17</b>
Batang Padang	621	1.32	21	0.04	642	1.36
Manjung	286	0.61	42	0.09	328	0.70
Kinta	563	1.20	119	0.25	682	1.45
Kerian	56	0.12	11	0.02	67	0.14
Kuala Kangsar	195	0.41	11	0.02	206	0.44
Larut Dan Matang	189	0.40	26	0.06	215	0.46
Hilir Perak	144	0.31	7	0.01	151	0.32
Hulu Perak	168	0.36	6	0.01	174	0.37
Perak Tengah	99	0.21	11	0.02	110	0.23
Kampar	81	0.17	21	0.04	102	0.22
Muallim	145	0.31	5	0.01	150	0.32
Bagan Datuk	43	0.09	3	0.01	46	0.10
Selama	27	0.06	6	0.01	33	0.07

**Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Subsektor Tanaman: Sayur-sayuran mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)***Table 1.1: Agriculture Holding for Vegetables Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)*

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
<b>Perlis</b>	<b>207</b>	<b>0.44</b>	<b>11</b>	<b>0.02</b>	<b>218</b>	<b>0.46</b>
<b>Selangor</b>	<b>1,388</b>	<b>2.95</b>	<b>350</b>	<b>0.74</b>	<b>1,738</b>	<b>3.69</b>
Gombak	56	0.12	72	0.15	128	0.27
Klang	353	0.75	33	0.07	386	0.82
Kuala Langat	145	0.31	17	0.04	162	0.34
Kuala Selangor	171	0.36	9	0.02	180	0.38
Petaling	118	0.25	107	0.23	225	0.48
Sabak Bernam	216	0.46	14	0.03	230	0.49
Sepang	188	0.40	18	0.04	206	0.44
Hulu Langat	73	0.16	40	0.08	113	0.24
Hulu Selangor	68	0.14	40	0.08	108	0.23
<b>Terengganu</b>	<b>6,684</b>	<b>14.20</b>	<b>129</b>	<b>0.27</b>	<b>6,813</b>	<b>14.47</b>
Besut	407	0.86	10	0.02	417	0.89
Dungun	947	2.01	17	0.04	964	2.05
Kemaman	628	1.33	23	0.05	651	1.38
Kuala Terengganu	821	1.74	25	0.05	846	1.80
Marang	831	1.77	13	0.03	844	1.79
Hulu Terengganu	256	0.54	14	0.03	270	0.57
Setiu	859	1.82	13	0.03	872	1.85
Kuala Nerus	1,935	4.11	14	0.03	1,949	4.14

**Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Subsektor Tanaman: Sayur-sayuran mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)**

*Table 1.1: Agriculture Holding for Vegetables Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)*

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
<b>Sabah</b>	<b>8,085</b>	<b>17.17</b>	<b>42</b>	<b>0.09</b>	<b>8,127</b>	<b>17.26</b>
Tawau	1,555	3.30	2	0.00	1,557	3.31
Lahad Datu	133	0.28	-	-	133	0.28
Semporna	253	0.54	-	-	253	0.54
Sandakan	166	0.35	3	0.01	169	0.36
Kinabatangan	250	0.53	-	-	250	0.53
Beluran	78	0.17	-	-	78	0.17
Kota Kinabalu	191	0.41	14	0.03	205	0.44
Ranau	2,011	4.27	9	0.02	2,020	4.29
Kota Belud	261	0.55	-	-	261	0.55
Tuaran	336	0.71	1	0.00	337	0.72
Penampang	340	0.72	4	0.01	344	0.73
Papar	178	0.38	-	-	178	0.38
Kudat	123	0.26	-	-	123	0.26
Kota Marudu	356	0.76	3	0.01	359	0.76
Pitas	147	0.31	-	-	147	0.31
Beaufort	255	0.54	-	-	255	0.54
Kuala Penyu	62	0.13	1	0.00	63	0.13
Sipitang	157	0.33	-	-	157	0.33
Tenom	65	0.14	1	0.00	66	0.14
Nabawan	92	0.20	-	-	92	0.20
Keningau	216	0.46	2	0.00	218	0.46
Tambunan	139	0.30	1	0.00	140	0.30
Kunak	68	0.14	-	-	68	0.14
Tongod	63	0.13	-	-	63	0.13
Putatan	62	0.13	1	0.00	63	0.13
Telupid	4	0.01	-	-	4	0.01
Kalabakan	381	0.81	-	-	381	0.81
Membakut	143	0.30	-	-	143	0.30

**Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Subsektor Tanaman: Sayur-sayuran mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)**

*Table 1.1: Agriculture Holding for Vegetables Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)*

Daerah Pentadbiran Administrative District	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
<b>Sarawak</b>	<b>6,848</b>	<b>14.55</b>	<b>121</b>	<b>0.26</b>	<b>6,969</b>	<b>14.80</b>
Kuching	462	0.98	21	0.04	483	1.03
Bau	204	0.43	5	0.01	209	0.44
Lundu	206	0.44	3	0.01	209	0.44
Samarahan	270	0.57	4	0.01	274	0.58
Serian	230	0.49	14	0.03	244	0.52
Simunjan	48	0.10	1	0.00	49	0.10
Sri Aman	138	0.29	2	0.00	140	0.30
Lubok Antu	103	0.22	-	-	103	0.22
Betong	89	0.19	-	-	89	0.19
Saratok	66	0.14	-	-	66	0.14
Sarikei	54	0.11	14	0.03	68	0.14
Maradong	42	0.09	1	0.00	43	0.09
Daro	95	0.20	1	0.00	96	0.20
Julau	56	0.12	-	-	56	0.12
Sibu	922	1.96	20	0.04	942	2.00
Dalat	93	0.20	-	-	93	0.20
Mukah	260	0.55	4	0.01	264	0.56
Kanowit	382	0.81	1	0.00	383	0.81
Bintulu	47	0.10	6	0.01	53	0.11
Tatau	148	0.31	-	-	148	0.31
Kapit	573	1.22	-	-	573	1.22
Song	126	0.27	-	-	126	0.27
Belaga	151	0.32	-	-	151	0.32
Miri	202	0.43	14	0.03	216	0.46
Marudi	82	0.17	-	-	82	0.17
Limbang	342	0.73	2	0.00	344	0.73
Lawas	146	0.31	-	-	146	0.31
Matu	89	0.19	-	-	89	0.19
Asajaya	148	0.31	3	0.01	151	0.32
Pakan	105	0.22	-	-	105	0.22
Selangau	274	0.58	-	-	274	0.58
Tebedu	61	0.13	-	-	61	0.13
Pusa	6	0.01	-	-	6	0.01
Kabong	5	0.01	-	-	5	0.01
Tanjung Manis	45	0.10	-	-	45	0.10
Sebauh	19	0.04	-	-	19	0.04
Bukit Mabong	47	0.10	-	-	47	0.10
Subis	150	0.32	-	-	150	0.32
Beluru	7	0.01	-	-	7	0.01
Telang Usan	11	0.02	-	-	11	0.02
Gedong	8	0.02	-	-	8	0.02
Sebuyau	57	0.12	-	-	57	0.12
Siburan	181	0.38	5	0.01	186	0.40
Pantu	79	0.17	-	-	79	0.17

**Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Subsektor Tanaman: Sayur-sayuran mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)**

*Table 1.1: Agriculture Holding for Vegetables Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)*

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Lingga	19	0.04	-	-	19	0.04
W.P. Kuala Lumpur	31	0.07	42	0.09	73	0.16
W.P. Labuan	191	0.41	11	0.02	202	0.43
W.P. Putrajaya	36	0.08	4	0.01	40	0.08

Sumber: Banci Pertanian 2024  
*Source: Agriculture Census 2024*

**\* Nota:**

1. Analisa pada 28 Mei 2025
2. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk lokasi pegangan pertanian

**\* Notes:**

1. Analysis as at 28 May 2025
2. State and administrative district refer to the location where the agricultural holder reside

**Jadual 1.2: Individu Pegangan Pertanian bagi Tanaman Sayur-sayuran mengikut Negeri dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023**  
*Table 1.2: Individual Agriculture Holding for Vegetables Crop by State and Citizenship, Malaysia, 2023*

Negeri State	Warganegara Malaysian		Bukan Warganegara Non Malaysian	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
<b>Malaysia</b>	<b>42,889</b>	<b>100.00</b>	<b>1,533</b>	<b>100.00</b>
Johor	8,079	18.84	58	3.78
Kedah	811	1.89	3	0.20
Kelantan	4,447	10.37	18	1.17
Melaka	520	1.21	1	0.07
Negeri Sembilan	1,014	2.36	1	0.07
Pahang	2,857	6.66	8	0.52
Pulau Pinang	518	1.21	-	-
Perak	2,605	6.07	12	0.78
Perlis	207	0.48	-	-
Selangor	1,318	3.07	70	4.57
Terengganu	6,672	15.56	12	0.78
Sabah	6,777	15.80	1,308	85.32
Sarawak	6,807	15.87	41	2.67
W.P. Kuala Lumpur	31	0.07	-	-
W.P. Labuan	190	0.44	1	0.07
W.P. Putrajaya	36	0.08	-	-

**Sumber: Banci Pertanian 2024**  
*Source: Agriculture Census 2024*

**\* Nota:**

1. Analisa pada 28 Mei 2025
2. Negeri merujuk lokasi pegangan pertanian

**\* Notes:**

1. Analysis as at 28 May 2025
2. State refer to the location where the agricultural holder reside

**Jadual 1.3: Individu Pegangan Pertanian bagi Tanaman Sayur-Sayuran mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023**

*Table 1.3: Individual Agriculture Holding for Vegetables Crop by Administrative District and Citizenship, Malaysia, 2023*

Daerah Pentadbiran Administrative District	Warganegara Malaysian		Bukan Warganegara Non Malaysian	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
<b>Malaysia</b>	<b>42,889</b>	<b>96.55</b>	<b>1,533</b>	<b>3.45</b>
<b>Johor</b>	<b>8,079</b>	<b>99.29</b>	<b>58</b>	<b>0.71</b>
Batu Pahat	486	99.59	2	0.41
Johor Bahru	1,331	99.92	1	0.08
Kluang	403	99.75	1	0.25
Kota Tinggi	571	99.48	3	0.52
Mersing	379	99.48	2	0.52
Muar	1,293	99.77	3	0.23
Pontian	349	96.94	11	3.06
Segamat	1,425	98.28	25	1.72
Kulai	1,461	99.46	8	0.54
Tangkak	381	99.48	2	0.52
<b>Kedah</b>	<b>811</b>	<b>99.63</b>	<b>3</b>	<b>0.37</b>
Baling	99	99.00	1	1.00
Bandar Baharu	23	100.0	0	-
Kota Setar	59	100.0	0	-
Kuala Muda	113	100.0	0	-
Kubang Pasu	124	100.0	0	-
Kulim	54	100.0	0	-
Langkawi	90	98.90	1	1.10
